


[TELAH DISEMAK]

Jilid 1
Bil. 68

Selasa
9 Januari 1996



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENGGAL PERTAMA
MESYUARAT KHAS**

KANDUNGAN

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-Undang Majlis Pendidikan Tinggi Negara 1996 [Ruangan 1]

Rang Undang-Undang Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [Ruangan 77]

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 115]

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI
DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,
S.P.M.J., D.P.; D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.
(Kubang Pasu).

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, DATO' SERI
ANWAR BIN IBRAHIM, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K.,
D.M.P.N. (Permatang Pauh).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR. LING LIONG SIK, D.G.S.M.,
S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis).

.. Menteri Kerja Raya, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J.,
D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

.. Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR. LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,
D.P.C.M. (Beruas).

.. Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK,
P.N.B.S. (Kanowit).

.. Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH
AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

.. Menteri Pertanian, DATUK SERI AMAR DR. HAJI SULAIMAN BIN HAJI
DAUD, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

.. Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO'
HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T., P.I.S.
(Kuala Selangor).

.. Menteri Pendidikan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI
ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P.,
D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan).

.. Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai).

.. Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN
CHIK, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).

.. Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T.,
J.P. (Bentong).

.. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN
DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N.
(Kuala Rajang).

- Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK LAW HIENG DING, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei).
- .. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR. TING CHEW PEH, D.P.M.P. (Gopeng).
- .. Menteri Pertahanan, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi).
- .. Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' HAJI ANNUAR BIN HAJI MUSA, S.I.M.P. (Peringat).
- .. Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas).
- .. Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATUK OSU BIN HAJI SUKAM, P.G.D.K. (Papar).
- .. Menteri Belia dan Sukan, TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- .. Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak).
- .. Menteri Kesihatan, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR. HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- .. Menteri Pembangunan Usahawan, DATO' MUSTAPA BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Jeli).
- .. Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- .. Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- .. Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasar Salak).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- .. Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' DR. SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Paya Besar).
- .. Timbalan Menteri Belia dan Sukan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- .. Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK RAILEY BIN HAJI JAFFREY, P.G.D.K., J.M.N. (Silam).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- .. Timbalan Menteri Pendidikan, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- .. Timbalan Menteri Luar Negeri, DR. LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- .. Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' DR. ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan, DATO' DR. SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- .. Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' TENG GAIK KWAN, D.J.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- .. Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).
- .. Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, DATO' HAJI TENGGU MAHMUD BIN TENGGU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, DATO' WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- .. Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- .. Timbalan Menteri Pendidikan, DATUK DR. FONG CHAN ONN, D.M.S.M. (Selandar).
- .. Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' CHAN KONG CHOY, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang).
- .. Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- .. Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' K. KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR. AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR. IBRAHIM BIN SAAD, D.M.S.M. (Tasek Gelugor).
- .. Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATO' ABU BAKAR BIN DAUD, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu).
- .. Timbalan Menteri Pengangkutan, DATUK WIRA MOHD. ALI BIN MOHD. RUSTAM, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam).
- .. Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat).
- .. Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DR. GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh).
- .. Timbalan Menteri Perusahaan Utama, CIK SITI ZAINAB BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- .. Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, TUAN IDRIS BIN JUSOH, P.J.K. (Besut).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' M. MAHALINGAM, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' MOHD. NOH BIN RAJAB, D.S.N.S. (Tampin).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- .. Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, DATO' HAJI MUHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran).
- .. Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN AZMI BIN KHALID, S.M.P., P.J.K. (Padang Besar).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, DR. HAJI SHAFIE BIN MOHD. SALLEH, S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN HISHAMUDDIN BIN TUN HUSSEIN (Tenggara).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, DATO' ABU BAKAR BIN TAIB, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, TUAN TAN CHAI HO, K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATUK MOHD. SHAFIE BIN HAJI APDAL, P.G.D.K. (Semporna).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, PUAN SHAHRIZAT BINTI ABDUL JALIL (Lembah Pantai).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN G. PALANIVEL, P.J.K. (Hulu Selangor).
- .. TUAN ABDOL MULOK BIN HAJI AWANG DAMIT (Labuan).
- .. TUAN ABDUL AZIZ BIN MOHD. YASSIN (Muar).
- .. TUN ABDUL GHAFAR BIN BABA, S.S.M. (Jasin).
- .. TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- .. TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- .. TUAN ABDUL RAHIN BIN DATO' MOHD. SAID (Kuala Nerus).
- .. TUAN ABDUL RAHMAN BIN HAJI SULAIMAN, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar).
- .. DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan).
- .. DATUK ABU SEMAN BIN HAJI YUSOF, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah).
- .. TUAN HAJI ABU ZAHAR BIN DATO' NIKA UJANG, A.M.N. (Kuala Pilah).
- .. TUAN AHMAD HUSNI BIN MOHD. HANADZLAH, P.P.T., A.M.P. (Tambun).
- .. TUAN AHMAD KAMARUZAMAN BIN MOHAMED BARIA, P.J.K. (Jerantut).

- Yang Berhormat DATUK AHMAD ZAHID BIN HAMIDI, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok).
- .. PUAN AINON KHARIYAH BINTI DATO' MOHD. ABAS, P.M.P., A.M.P. (Parit).
- .. TUAN AKBARKHAN BIN ABDUL RAHMAN (Libaran).
- .. DATU AMIRKAHAR BIN TUN DATU HAJI MUSTAPHA (Marudu).
- .. TUAN ASMAT NUNGKA (Beluran).
- .. TUAN HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, B.K.M., P.J.K. (Yan).
- .. TUAN HAJI BADRUL HISHAM BIN ABDUL AZIZ (Hulu Langat).
- .. TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- .. TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- .. TUAN CHANG KON YOU (Ipoh Timor).
- .. CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA, P.J.K. (Sungai Petani).
- .. TUAN CHIA KWANG CHYE (Bukit Bendera).
- .. TUAN CHIEW CHIU SING (Bintulu).
- .. DATO' JOSEPH CHONG CHEK AH, D.S.P.N. (Batu).
- .. PUAN CHUA SOON BUI (Tawau).
- .. TUN DAIM BIN HAJI ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- .. TUAN FU AH KIW (Mentakab).
- .. TUAN HAMZAH BIN RAMLI (Sri Gading).
- .. DATO' HAJI HANAFI BIN RAMLI, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun).
- .. TUAN HASHIM BIN ISMAIL, P.P.N., P.I.S. (Ledang).
- .. TUAN HENRYNUS AMIN, A.D.K. (Kinabalu).
- .. DATO' HEW SEE TONG, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar).
- .. TUAN HO CHEONG SING, A.M.N. (Ipoh Barat).
- .. DATO' HON CHOON KIM, D.S.N.S. (Seremban).
- .. TUAN HOO SEONG CHANG (Kluang).
- .. TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- .. TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- .. PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO' HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- .. TUAN JACOB DUNGAU SAGAN, P.P.B. (Baram).
- .. DATO' DR. HAJI JAMALUDDIN BIN DATO' MOHD. JARJIS, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin).
- .. TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGU, P.B.S. (Kapit).
- .. TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- .. TUAN JIMMY LIM @ JIMMY DONALD (Sri Aman).
- .. TUAN JOSEPH MAUH ANAK IKEH (Selangau).
- .. DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- .. DATO' DR. KAMAL BIN SALLEH, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju).

- Yang Berhormat TUAN KAMARUDIN BIN AHMAD (Arau).
- .. TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- .. DR. L. KRISHNAN, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang).
- .. TUAN LAU NGAN SIEW, A.D.K. (Sandakan).
- .. DR. LEE CHONG MENG (Bukit Bintang).
- .. DR. G. LEELAVATHI, A.M.N. (Kapar).
- .. TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- .. TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- .. TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- .. TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- .. TUAN VINCENT LIM KUO PHAU (Petaling Jaya Utara).
- .. PUAN LIM LAY HOON, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai).
- .. TUAN LIM SI CHENG, P.I.S. (Senai).
- .. TUAN LIM SIANG CHAI (Petaling Jaya Selatan).
- .. TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM, A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam).
- .. TUAN MANSOR BIN MASIKON (Batu Pahat).
- .. DR. MAXIMUS JOHNTY ONGKILI, A.S.D.K., J.P. (Bandau).
- .. TUAN MD. ISA BIN SABU (Kangar).
- .. TUAN MICHAEL LISA KAYA, B.B.S. (Bukit Mas).
- .. TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Kubang Kerian).
- .. TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ABDULLAH (Pasar Puteh).
- .. TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).
- .. DATUK MOHD. SALLEH BIN TUN SAID, P.G.D.K. (Kota Belud).
- .. DATO' HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P. (Larut).
- .. TUAN MOKHTARUDDIN BIN WAN YUSOF (Dungun).
- .. TUAN HAJI MUSTAFA BIN MUDA, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K., J.P. (Hulu Terengganu).
- .. TUAN HAJI NIK MOHD. AMAR BIN HAJI NIK ABDULLAH (Pengkalan Chepa).
- .. TUAN NOH BIN OMAR, P.J.K. (Tanjong Karang).
- .. DR. NUNGSARI BIN AHMAD RADHI (Balik Pulau).
- .. DATUK NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Beaufort).
- .. TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- .. TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- .. DR. PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- .. TUAN PAUL NOUTIN, A.D.K. (Penampang).
- .. TUAN PHILIP YONG CHEW LIP, A.D.K. (Gaya).

- Yang Berhormat DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N.,
B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).
- .. TUAN RADIN MALLEH (Tenom).
- .. DR. RAMLI BIN TAIB (Kemaman).
- .. MULIA TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K.,
S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- .. TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- .. TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- .. PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM, P.P.B. (Santubong).
- .. TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD, P.I.S. (Parit Sulong).
- .. TUAN SALAMON BIN SELAMAT, S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam).
- .. DR. SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- .. PUAN SERIPAH NOLI BINTI SYED HUSSIN (Sepang).
- .. DATUK S'NG CHEE HUA, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau).
- .. DATUK SONG SWEE GUAN, P.G.D.K. (Bandar Kuching).
- .. CIK SUKINAM DOMO (Batang Sadong).
- .. DATO' HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED, D.J.M.K., J.P. (Machang).
- .. DR. TAN CHONG KENG (Bukit Mertajam).
- .. DR. TAN KEE KWONG (Segambut).
- .. TUAN TAN KOK WAI (Cheras).
- .. DR. TAN SENG GIOW (Kepong).
- .. DR. TAN YEE KEW (Kelang).
- .. TUAN TIONG THAI KING (Lanang).
- .. TUAN TUE SI @ CHANG SEE TEN, P.I.S. (Gelang Patah).
- .. WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN, B.K.M. (Pokok Sena).
- .. WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR, P.B.S. (Batang Lupar).
- .. TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- .. TUAN WONG KAM HOONG, K.M.N. (Bayan Baru).
- .. DATO' YAP PIAN HON, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang).
- .. DR. YAP YIT THONG, A.M.P., A.M.N. (Lumut).
- .. DR. YEE MOH CHAI (Tanjong Aru).
- .. TUAN YEONG CHEE WAH (Batu Gajah).
- .. TUAN YUNOF EDWARD MARINGKING (Tuaran).
- .. TUAN YUNUS BIN RAHMAT (Jelebu).
- .. DR. HAJI YUSOF BIN HAJI YACOB, A.D.K. (Sipitang).
- .. TUAN ZAINAL ABIDIN BIN OSMAN (Mersing).
- .. TUAN HAJI ZAINUDDIN BIN HAJI MOHAMAD NOR, S.M.K. (Pasir Mas).
- .. DATO' HAJI ZAKARIA BIN MOHD. SAID, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K.
(Kuala Kedah).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat:	Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.
Ketua Penolong Setiausaha:	Said bin Sidik.
Pmk. Ketua Penolong Setiausaha:	Abdullah bin Abdul Wahab.
Penolong Setiausaha Kanan:	Zamani bin Haji Sulaiman.

CAWANGAN DOKUMENTASI

Pegawai Penerbitan:	Azhari bin Hamzah.
Pelapor Perbahasan Parlimen:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N. Haji Suhor bin Husin. Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop. Hajah Supiah binti Dewak. Mohamed bin Osman. Hajah Norishah binti Mohd. Thani. Zaharah binti Naim. Norwahidah binti Azizi. Rozita binti Abd. Samad. Jainah binti Sakimin. Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat:	Lt. Kol. (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib.
--------------------	--

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 9hb Januari, 1996

*Mesyuarat dimulakan pada pukul
2.30 petang*

DOA

*(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)*

RANG UNDANG-UNDANG

**RANG UNDANG-UNDANG
MAJLIS PENDIDIKAN
TINGGI NEGARA 1996**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

2.32 ptg.

Menteri Pendidikan (Dato'Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan satu Rang Undang-undang bernama "Suatu Akta untuk menubuhkan Majlis Pendidikan Tinggi Negara dan untuk memperuntukkan fungsi-fungsi berhubung dengan pendidikan tinggi dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya" dibacakan kali kedua.

Persidangan khas ini perlu diadakan memandangkan keperluan amat mendesak terhadap rang undang-undang ini bagi membolehkan perubahan dilakukan kepada sistem pendidikan tinggi negara semata-mata untuk kepentingan dan kemajuan negara. Saya memohon maaf di atas kelewatan menyediakan rang undang-undang ini meskipun mendapat kerjasama sepenuhnya daripada pihak Jabatan Peguam Negara yang terpaksa bekerja siang dan malam untuk menyiapkannya.

Saya menyokong keputusan Tuan Yang di-Pertua menangguhkan persidangan Dewan pada hari semalam untuk membolehkan semua Ahli Yang Berhormat mendalami dan menghayati rang undang-undang ini terutamanya ahli-ahli parti Pembangkang dan khususnya bagi Ahli Parlimen dari Machang.
(Ketawa)

Tuan Yang di-Pertua, tujuan rang undang-undang ini dibentangkan ialah untuk mengadakan perundangan bagi mewujudkan sebuah badan yang akan bertanggungjawab merancang dan menggubal dasar dan strategi mengenai pendidikan tinggi di negara ini. Cadangan rang undang-undang ini merupakan kesinambungan kepada usaha bagi melaksanakan reformasi pengurusan pendidikan tinggi di negara ini yang dimulai dengan pindaan kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti yang telah diluluskan oleh persidangan Parlimen dalam mesyuarat yang lepas. Pindaan kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti telah meletakkan asas bagi mengkorporatkan universiti awam. Bagi menjamin keberkesanan strategi pengkorporatan ini, pihak kerajaan perlu menyediakan garis panduan dasar dan strategi penting melalui Majlis Pendidikan Tinggi Negara.

Seperti yang telah saya perjelaskan dalam Dewan yang mulia ini semasa pembentangan Rang Undang-undang Akta Universiti dan Kolej Universiti 1995 yang lepas, status universiti awam tidak akan berubah selepas pengkorporatan dan ianya tidak sekali-kali akan diswastakan di masa hadapan. Bahkan universiti awam, berdasarkan peranannya yang kritikal dalam menjaga kepentingan semua lapisan masyarakat serta bagi memenuhi keperluan terhadap sumber tenaga mahir negara, tetap terus kekal dimiliki oleh kerajaan.
(Tepuk)

Pindaan-pindaan yang dilakukan kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti menyediakan kemudahan dan kebebasan kepada universiti-universiti awam untuk mewujudkan sistem pengurusan dan pengelolaan yang berupaya bertindak dengan cepat dan cekap dengan melonggarkannya daripada kongkongan birokrasi perkhidmatan awam. Ia tidak perlu lagi terikat kepada peraturan dan prosedur perkhidmatan awam yang ketat. Dengan adanya kelonggaran serta kebebasan yang diberikan melalui pengkorporatan ini, suatu mekanisme perlu diadakan bagi mengawal selia universiti awam untuk memastikan tindakan-tindakan yang diambil oleh universiti awam tidak lari atau menyimpang daripada ruang lingkup dasar dan strategi kerajaan berhubung dengan pembangunan serta arah tuju pendidikan tinggi negara. Di sinilah letaknya keperluan dan pentingnya penubuhan Majlis Pendidikan Tinggi Negara (MPTN).

Pengkorporatan universiti awam juga akan memberi autonomi kepada universiti dalam pengurusan kewangan. Autonomi ini akan membolehkan universiti awam menjalankan perniagaan dan perdagangan dengan mengambil bahagian dalam penyertaan ekuiti, perkongsian atau usaha sama dengan mana-mana organisasi perniagaan, menubuhkan syarikat, membuat pelaburan serta pinjaman dan lain-lain lagi. Walaupun kuasa yang diberikan kepada universiti awam hanya boleh dilaksanakan dengan kelulusan Menteri Kewangan, namun perlu juga dipastikan aktiviti-aktiviti perniagaan yang dijalankan itu yang berkaitan dengan teras kegiatan universiti, tidak semata-mata bermotifkan keuntungan, dan yang penting ialah untuk memastikannya tidak akan menjejaskan matlamat pendidikan tinggi negara.

Dengan adanya autonomi dalam sistem pengurusan dan kewangan universiti selaras dengan prinsip-prinsip pengkorporatan, dengan izin, 'let managers manage' dan decentralization, memang amat wajar pihak kerajaan mewujudkan sistem akauntabiliti yang berkesan. Salah satu bentuk sistem akauntabiliti yang boleh dilaksanakan ialah melalui pemantauan yang dijalankan oleh Majlis Pendidikan Tinggi Negara ke atas strategi utama universiti serta pelaksanaannya. Umpamanya, dalam rancangan pengkorporatan ini isu yuran pelajar telah mendapat perhatian serius serta menimbulkan kerunsingan masyarakat umum, terutamanya pelajar dan ibu bapa.

Saya ingin memberi jaminan di sini bahawa kenaikan yuran tidak akan berlaku dengan serta merta apabila Universiti Malaya dikorporatkan pada tahun ini. Kenaikan yang akan dibenarkan adalah sangat minimum dan dilaksanakan secara perlahan-lahan (gradual) sahaja dan ini akan berlaku hanya selepas kajian terperinci dijalankan. Kerajaan akan sentiasa peka dan prihatin kepada kepentingan pelajar yang kurang mampu dalam mengambil sebarang keputusan.

Saya juga ingin menegaskan bahawa subsidi dan bantuan kerajaan terhadap yuran akan diteruskan. Dalam hal ini, MPTN akan bertanggungjawab untuk memastikan pelajar-pelajar dan ibu bapa tidak dibebani dengan masalah yuran. Oleh itu, MPTN akan bertanggungjawab memastikan universiti tidak menaikkan yuran dengan sewenang-wenangnya. Dalam hal ini, penentuan dasar dan penetapan garis panduan mengenai struktur yuran adalah merupakan salah satu fungsi utama MPTN.

Tuan Yang di-Pertua, MPTN juga akan menentukan prinsip pengagihan peruntukan kerajaan kepada institusi pendidikan tinggi awam. Dengan pengkorporatan, prinsip pengagihan peruntukan perlu diubah suai dengan

berdasarkan keupayaan serta kecekapan universiti awam bertindak balas kepada kehendak semasa. Prinsip pengagihan ini juga akan menyediakan insentif-insentif yang wajar yang membolehkan universiti awam menjurus tumpuannya kepada bidang profesional, teknikal, sains dan teknologi seperti kejuruteraan, teknologi maklumat dan perubatan seperti yang dikehendaki oleh negara. Oleh itu, penglibatan IPT dalam proses pembangunan sumber manusia memang sangat penting dan perlu diperkukuhkan melalui agihan peruntukan kewangan yang sejajar dengan keperluan yang sentiasa meningkat. Sehubungan ini, MPTN akan ditugaskan untuk merangka prinsip dan formula agihan peruntukan yang lebih sesuai bagi membolehkan universiti awam membuat lonjakan berganda dalam menyediakan tenaga mahir dan profesional untuk keperluan negara.

Berhubung dengan kebenaran yang diberikan kepada universiti awam untuk menjalankan program pengajian secara usaha sama, berganding dan lain-lain kaedah dengan mana-mana IPT atau organisasi di dalam dan di luar negara, MPTN berperanan untuk memastikan program-program sedemikian memanfaatkan negara, termasuk usaha kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai Pusat Kecemerlangan Pendidikan Serantau. Memang wajar bagi MPTN untuk memastikan supaya program akademik yang sedemikian menyumbang ke arah mengatasi masalah defisit akaun semasa negara yang pada masa ini agak tinggi.

Selain daripada memantau IPT awam dalam pelaksanaan kuasa yang diberikan kepadanya di bawah pindaan Akta Universiti dan Kolej Universiti, peranan dan fungsi MPTN yang juga tidak kurang pentingnya ialah mengawal selia pertumbuhan dan perkembangan institusi pendidikan tinggi swasta. Peranan ini amat wajar sekali dimainkan oleh MPTN selaras dengan matlamat kerajaan untuk mewujudkan perseimbangan antara

pembangunan dan perkembangan pendidikan tinggi di kedua-dua sektor awam dan swasta. Ini penting sekali memandangkan bahawa pembangunan IPT swasta mesti diselaraskan dengan hasrat dan dasar kerajaan.

Dengan wujudnya MPTN, kerajaan akan dapat memastikan institusi pendidikan tinggi awam dan swasta berjalan seiring, serta bersaing secara sihat ke arah kecemerlangan pendidikan tinggi negara. Bagi memenuhi keperluan ini, MPTN akan bertanggungjawab untuk mewujudkan satu perancangan jangka panjang pendidikan tinggi yang lebih teratur dan strategik melibatkan kedua-dua sektor pendidikan awam dan swasta. Kesepaduan kedua-dua sektor adalah kritikal untuk memastikannya dapat menyumbang ke arah proses pembentukan negara bangsa yang merupakan asas penting kestabilan politik dan pembangunan negara.

Dengan peranan yang telah dirangka untuk MPTN, ianya akan menjurus ke arah mewujudkan peningkatan kualiti dan kecemerlangan pendidikan tinggi di negara ini. IPT awam dan swasta perlu mengekalkan dan menjamin kualiti pendidikan yang berterusan tanpa diragui sama ada di dalam atau di luar negara. Pada masa ini, jelas terdapat permintaan daripada pelajar dari luar negara untuk mengikuti pengajian di negara ini memandangkan kualiti pendidikan yang terdapat di negara ini. Bahkan keupayaan ini perlu ditingkatkan dengan lebih hebat lagi untuk menjadikan pendidikan tinggi sebagai satu industri. Dengan fungsi yang termaktub bagi MPTN, Majlis ini akan ditugaskan untuk memastikan kualiti pendidikan terus meningkat dan berdaya maju supaya Malaysia menjadi Pusat Kecemerlangan Pendidikan di rantau ini.

Tuan Yang di-Pertua, daripada penerangan di atas jelas bahawa MPTN akan menjadi sebuah badan yang akan berperanan penting dalam penggabalan

dasar pendidikan tinggi negara yang meliputi dasar pendidikan tinggi bagi IPT awam dan swasta.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini mengandungi 20 Fasal. Fasal 12 memperuntukkan kuasa berhubung fungsi MPTN yang fungsi utamanya adalah:

- (i) untuk merancang, membentuk dan menentukan dasar dan strategi kebangsaan bagi perkembangan pendidikan tinggi;
- (ii) untuk menyelaras perkembangan pendidikan tinggi;
- (iii) untuk menggalak dan mempercepatkan pertumbuhan IPT dengan lebih tersusun;
- (iv) untuk menentukan dasar berhubung dengan kemasukan pelajar ke institusi pendidikan tinggi;
- (v) untuk menentukan dasar dan garis panduan mengenai perkara-perkara yang berhubung dengan struktur gaji dan sistem pengurusan kakitangan universiti dan universiti kolej yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971;
- (vi) menetapkan dasar dan garis panduan mengenai struktur yuran; dan
- (vii) menentukan dasar dan menetapkan garis panduan mengenai penglibatan universiti di dalam aktiviti-aktiviti perniagaan berdasarkan kepada kuasa yang diberikan kepadanya di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971.

Berhubung dengan fungsi Majlis untuk menentukan dasar kemasukan, ingin saya perelaskan bahawa Fasal 12 meliputi IPT awam dan IPT swasta. Dengan itu,

pengambilan pelajar untuk IPT swasta akan tertakluk kepada dasar kemasukan yang akan ditentukan oleh MPTN supaya pengagihan tempat antara kaum adalah secara saksama.

Dengan fungsi yang dicadangkan ini, MPTN diharap akan dapat memberikan perhatian khusus kepada pembangunan serta perkembangan pendidikan tinggi di negara ini melalui penyediaan perancangan strategik jangka panjang.

Fasal 4 memperuntukkan keanggotaan MPTN. Oleh kerana badan ini akan bertanggungjawab merancang dan menggubal dasar serta strategi pendidikan tinggi di sektor awam dan swasta, adalah difikirkan wajar Majlis ini juga dianggotai oleh mereka daripada sektor kerajaan, IPT awam, IPT swasta serta individu yang berpengalaman dalam bidang yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai kesimpulannya dapatlah dikatakan bahawa penubuhan MPTN yang dicadangkan ini adalah untuk dijadikan sebagai badan tertinggi yang merancang, menilai serta mengawasi dasar pendidikan tinggi negara. Dengan wujudnya MPTN, kerajaan akan dapat memberikan perhatian serta tumpuan yang khusus dan bersepadu kepada pembangunan institusi pendidikan tinggi di negara ini melalui penggubalan dasar, strategi serta perancangan jangka panjang yang sesuai dengan keperluan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk menubuhkan Majlis Pendidikan Tinggi

Negara dan untuk mengadakan peruntukan bagi fungsinya berhubungan dengan pendidikan tinggi dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Parit Sulong.

2.49 ptg.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad (Parit Sulong): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya membuat tumpuan yang lebih khusus kepada perbahasan terhadap Rang Undang-undang Majlis Pendidikan Tinggi Negara 1996 ini, izinkan saya mengambil seminit-dua untuk menyatakan secara rasmi di Dewan yang mulia ini bahawa kami terlalu amat kesal dengan tindakan Parti Melayu Semangat 46 semalam yang menggunakan peruntukan Peraturan Mesyuarat 53(2) semata-mata untuk memperolehi kemenangan psikologi. Kami bagi pihak penyokong-penyokong kerajaan memang menghormati.....

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Machang bangun.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:.... keputusan Tuan Yang di-Pertua, yang menanggihkan bacaan kali kedua dan perbahasan ke atas Rang Undang-undang ini semalam. Hakikat ini tidak akan kami pertikaikan.

Tuan Yang di-Pertua, bagaimanapun, kita semua insaf dan pihak pembangkang juga amat insaf bahawa Peraturan Mesyuarat 53(2) yang digunakan oleh pihak pembangkang semalam adalah satu peruntukan yang sewajarnya memberi ruang tolak ansur dengan syarat pihak pembangkang yang mendapat sokongan rakyat untuk menduduki Dewan yang mulia ini adalah dari kalangan yang bersikap positif.

Saya amat meragui keikhlasan pembangkang dalam menggunakan peraturan tersebut semalam. Saya yakin ianya hanya digunakan sebagai suatu pemangkin semangat di Tahun Baru, dengan izin, morale booster for the New Year, khususnya oleh pihak parti Melayu S.46. Semua pihak, termasuk DAP, belum lupa bahawa Presiden Parti Melayu S.46, iaitu Ahli dari Gua Musang, telah membuat satu kesilapan yang paling besar sewaktu beliau membahaskan Rang Undang-undang Pendidikan Negara 1995 Disember lalu.

Pada ketika itu, Ahli Gua Musang mempersoalkan mengapakah kerajaan memansuhkan seksyen 21(2) Akta Pelajaran 1961 yang membabitkan sekolah rendah jenis kebangsaan di negara ini dan kenapakah pula seksyen itu tidak dikekalkan di dalam Rang Undang-undang Pendidikan Negara 1995. Hakikat tersebut telah pasti menjejaskan persahabatan parti berkenaan dengan DAP.

Sebab itulah saya katakan tindakan Parti Melayu S.46 di Dewan yang mulia ini semalam adalah satu tindakan yang lahir dari psikologi negatif dan semberono, walaupun Peraturan Mesyuarat 53(2) memberikan ruang tolak ansur jika ia mahu ditafsirkan secara positif dan jujur.

Bagaimanapun, seperti yang saya sebutkan tadi, kami amat menghormati keputusan Yang di-Pertua. Saya juga merakamkan tahniah saya kepada Jabatan Peguam Negara yang terpaksa bekerja siang dan malam untuk menyiapkan rang undang-undang ini. Namun begitu, saya harap kejadian semalam akan memberi iktibar kepada semua pihak supaya sentiasa lebih waspada, lebih peka dan lebih prihatin terhadap kemungkinan pihak pembangkang yang akan menyambar apa jua peluang untuk menjadikan busut kepada bukit dan untuk menangguk di air keruh.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah meneliti fungsi-fungsi Majlis Pendidikan

Tinggi Negara yang terkandung di dalam rang undang-undang ini. Keseluruhannya memberikan pelbagai tanggungjawab yang sewajarnya kepada Majlis, termasuklah soal-soal gaji tenaga akademik, yuran pelajar dan juga kursus-kursus yang disediakan oleh sesebuah IPT sama ada IPT awam ataupun swasta di Malaysia.

Saya dapati tujuan rang undang-undang ini adalah murni. Bagaimanapun, wajar bagi saya untuk mendapatkan penjelasan dari Yang Berhormat Menteri terhadap beberapa perkara yang khusus.

Pertama, adakah Majlis Pendidikan Tinggi Negara yang akan diwujudkan kelak akan menimbulkan pertindihan fungsi dengan Jawatankuasa Kabinet mengenai latihan dan pendidikan yang kini dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Kedua, saya ingin mendapatkan penjelasan mengapakah fungsi Majlis Pendidikan Tinggi Negara ini tidak meliputi usaha-usaha menentukan dasar dan menetapkan garis panduan yang sejelas-jelasnya mengenai biasiswa bagi pelajar-pelajar, baik yang menuntut di IPT swasta dan IPT awam di dalam negeri ataupun pelajar Malaysia yang menuntut di IPT di seberang laut.

Tuan Yang di-Pertua, kepada saya, soal biasiswa adalah penting, terutama sekali kepada pelajar bumiputera. Isu inilah yang juga sedang dijadikan bahan politik pembangkang yang mullis modal politiknya. Memang Yang Berhormat Menteri Pendidikan telah menegaskan di dalam ucapannya sebentar tadi bahawa: "Subsidi dan bantuan kerajaan terhadap yuran akan diteruskan".

Sebentar tadi juga, Yang Berhormat Menteri Pendidikan menegaskan bahawa: "Majlis Pendidikan Tinggi Negara akan bertanggungjawab untuk memastikan pelajar-pelajar dan ibu bapa tidak dibebani dengan masalah yuran." Beliau juga

menegaskan bahawa: "Majlis Pendidikan Tinggi Negara akan bertanggungjawab memastikan universiti tidak menaikkan yuran dengan sewenang-wenangnya." Kenyataan-kenyataan ini amat kami hargai dan sanjung tinggi.

Bagaimanapun, saya membangkitkan soal biasiswa dan merayu agar ianya dirangkumkan secara jelas di dalam fungsi Majlis Pendidikan Tinggi Negara kerana selama ini Kementerian Pendidikan tidak mempunyai suatu kuasa yang langsung dan jelas untuk menangani masalah biasiswa. Ini kerana masalah biasiswa ini ditentukan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan berbagai-bagai lagi agensi kerajaan serta swasta.

Mungkin masalah biasiswa tidak begitu kritikal kepada pelajar di IPT tempatan awam. Tetapi, bagaimana pula bentuk pengagihan biasiswa, khususnya kepada pelajar bumiputera, yang bercita-cita menuntut di IPT swasta tempatan kelak? Bagaimanakah pula bentuk dan garis panduan terhadap biasiswa kepada pelajar tajaan kerajaan di IPT seberang laut?

Persoalan biasiswa yang saya timbulkan dalam perbincangan ini mungkin terkeluar dari skop perbincangan hari ini. Tetapi, ianya penting dipertanggungjawabkan kepada Kementerian Pendidikan, apatah lagi berikutan penubuhan Majlis Pendidikan Tinggi Negara.

Tuan Yang di-Pertua, untuk membuktikan bahawa masalah biasiswa ini adalah kritikal kepada pelajar, khususnya pelajar bumiputera, marilah sama-sama kita renungkan masalah yang akan saya huraikan sebentar lagi.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu surat dan sample borang kajiselidik ataupun survey (*sambil menunjukkan kepada Dewan*) yang dilakukan oleh the United Kingdom Malaysian Students Executive Council (UKEC) di mana Penaung Pertubuhan Gabungan Pelajar

Malaysia ini adalah Ahli Parlimen dari Merbok. Seorang wakil UKEC baru-baru ini menemui saya dan meluahkan masalah ahli-ahlinya kerana kadar biasiswa yang rendah. Kata wakil UKEC yang berkenaan: "Memang kerajaan sentiasa mengkaji biasiswa untuk pelajar tajaannya berikutan kenaikan kos hidup di United Kingdom." Tetapi, wakil UKEC itu mendakwa: "Selalunya, kadar yang baru itu akan hanya dilaksanakan setelah sekian lama kos hidup di tempat mereka menuntut dinaikkan."

Ini merupakan satu situasi yang ironis. Umpamanya, jika tahun ini kos hidup di United Kingdom melambung naik, kemungkinannya kadar biasiswa yang dikaji semula akibat kenaikan tersebut akan hanya diterima oleh pelajar tajaan kerajaan yang terbabit dua atau tiga tahun kemudiannya.

Adakah hakikat ini benar? Jika benar, mengapa terjadi sedemikian rupa? Adakah ini kerana urusan biasiswa bagi pelajar-pelajar tajaan kerajaan di IPT luar negeri tidak dikendalikan oleh Kementerian Pendidikan, sebaliknya ditangani oleh Jabatan Perkhidmatan Awam yang bertanggungjawab terhadap urusan keseluruhan kakitangan awam di negara ini.

Saya tidak berniat untuk memperkatakan dan mempertikaikan siapa yang tidak cekap dan siapa yang harus dipersalahkan dalam hal ini. Saya sekadar mahu menuntut keadilan dan pembelaan yang paling saksama untuk pelajar-pelajar tajaan kerajaan di IPT di seberang laut.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Yan bangun.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin (Yan): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan. Perkara tentang biasiswa ini,

Tuan Yang di-Pertua, telah berkali-kali dibangkitkan oleh Ahli-ahli Dewan yang mulia ini dan selalunya tersekat di JPA. Jadi, apakah alasan yang perlu diberi lagi oleh JPA sedangkan anak-anak kita di luar negara ini berada di dalam keadaan kesusahan?

Jadi, adakah Ahli Yang Berhormat bersetuju bahawa JPA ini, dia kena perbetullah kerja dia sedikit!

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya amat bersetuju dan saya akan datangkan dengan beberapa cadangan yang harus difikirkan bersama.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berani untuk memperkatakan siapa yang tidak cekap dan siapa yang harus dipersalahkan dalam hal ini termasuk hal yang dibangkitkan oleh sahabat saya daripada Yan. Saya sekadar untuk menuntut keadilan dan pembelaan untuk pelajar-pelajar tajaan kerajaan di IPT seberang laut.

Tidakkah masalah seperti di atas perlu dipekejakan bersama perkara-perkara lain yang membabitkan reformasi pendidikan negara? Oleh itu, menerusi kewujudan Majlis Pendidikan Tinggi Negara, saya harap kerajaan akan mempertimbangkan masalah biasiswa seperti ini diselesaikan secara komprehensif. Saya juga mencadangkan agar urusan biasiswa oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dipindahkan kepada Kementerian Pendidikan. (Tepuk)

Tuan Yang di-Pertua, daripada tepukan itu kita tahu di mana silapnya, saya harap!

Tuan Yang di-Pertua, pada waktu yang sama saya harap Majlis Pendidikan Tinggi Negara juga menyelaraskan kadar biasiswa yang dikeluarkan oleh pelbagai organisasi Malaysia yang mengeluarkan biasiswa kepada pelajar Malaysia di IPT seberang laut.

Akhir kata, saya ingin minta kerajaan menyiasat sama ada benar atau tidak dakwaan pelajar-pelajar Malaysia di IPT seberang laut bahawa pada hakikat sebenarnya kadar biasiswa yang dikurniakan oleh Kerajaan Malaysia kepada pelajar tajaan di seberang laut adalah yang paling rendah jika dibandingkan dengan negara-negara lain termasuk negara miskin di Benua Afrika.

Tuan Yang di-Pertua, yang paling akhir sekali, adalah mengenai proses penanganan masalah biasiswa di Amerika Syarikat. Amerika Syarikat adalah satu benua yang besar, negeri-negerinya adalah merangkumi pantai barat dan timur, utara dan selatan. Di sini timbul banyak masalah penyelarasan di antara wakil pendidikan negara di sana dengan pelajar. Umpamanya, pelajar yang menuntut di New York terpaksa menunggu biasiswa yang diproses di bahagian tengah Amerika ataupun di bahagian barat Amerika. Sekiranya diserahkan kepada Kementerian Pendidikan, agensi yang paling terbabit secara terus-menerus kepada masalah pendidikan insya-Allah perkara ini boleh diatasi. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Tanjong.

3.00 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Tanjong): Sungguhpun keputusan pihak kerajaan mengadakan satu mesyuarat Parlimen khas untuk membincangkan dan membahas mengenai Rang Undang-undang Majlis Pendidikan Tinggi Negara 1996 dan Rang Undang-undang Institusi Pendidikan tinggi Swasta 1996 ini merupakan tindakan yang harus dipuji, tetapi para ahli Parlimen terpaksa juga membantah dengan sekeras-kerasnya dengan keadaan di mana para Ahli Parlimen dan rakyat Malaysia yang mengambil berat tentang isu ini hanya diberikan masa yang begitu singkat dan tidak mencukupi untuk mengkaji kedua-

dua rang undang-undang ini di samping mendapatkan maklum balas dari orang ramai.

Rang Undang-undang Majlis Pendidikan Tinggi Negara 1996 hanya dihantar ke Parlimen pada hari Sabtu manakala Rang Undang-undang Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 hanya diperolehi pada hari Ahad, tetapi ramai Ahli Parlimen masih belum sempat melihat Rang Undang-undang ini sehingga Yang Berhormat Menteri Pendidikan membaca Rang Undang-undang ini untuk kali pertama hari semalam.

Tuan Yang di-Pertua telah membuat satu keputusan yang wajar dengan menangguhkan bacaan kali kedua kedua Rang Undang-undang ini hingga ke hari ini, tetapi dengan hanya satu hari penangguhan, para Ahli Parlimen masih tidak mendapat masa yang secukupnya untuk melakukan kerja-kerja perundingan awam dan perbincangan mengenai kedua-dua rang undang-undang ini yang bertujuan menjadikan Malaysia sebuah pusat pendidikan tinggi cemerlang di rantau ini.

Yang Berhormat Menteri mendakwa bahawa kelambatan ini adalah disebabkan oleh masalah teknikal dan sifat rumit rang undang-undang ini sendiri dan bahawa kerja penggubalan yang memakan masa selama 4 bulan mencatatkan satu rekod. Alasan-alasan sebegini memang tidak dapat diterima memandangkan kerajaan telah pun kerap membangkitkan isu mengenai peruntukan-peruntukan baru ini untuk masa lebih dari satu tahun.

Sekiranya kerajaan benar-benar berhajat menunaikan pendemokrasian pendidikan di Malaysia, maka ia seharusnya lebih serius dalam memastikan bahawa unsur-unsur pendemokrasian juga wujud di dalam proses pembentukan dasar dan undang-undang demi mencapai matlamat ini, dan bahawa proses membuat keputusan ini tidak hanya merupakan hal

ehwal satu hala dari peringkat atas ke bawah sahaja, tetapi juga melibatkan proses perundingan dari peringkat bawah ke atas yang lebih bermakna:

Dewan Rakyat akan meluluskan semua peringkat bacaan Rang Undang-undang Majlis Pendidikan Tinggi Negara 1996 dengan sekali gus, tanpa memberi masa yang secukupnya kepada para ahli Parlimen untuk membuat kajian dan mendapatkan maklum balas orang ramai. Perkara seperti ini semestinya dilihat sebagai sesuatu yang memalukan dalam rekod Parlimen kita. Mengapakah para Ahli Parlimen tidak diberikan masa sekurang-kurangnya seminggu untuk mendapatkan maklum balas orang ramai sebelum menyertai perbahasan yang sepenuhnya? Dalam keadaan seperti sekarang, adalah tidak mungkin bagi Ahli-ahli Parlimen membahas Rang Undang-undang Majlis Pendidikan Negara 1996 ini secara melakukan keadilan, dengan izin, to do justice, kepada Rang Undang-undang ini dan ini kita boleh lihat daripada ucapan sanjungan Yang Berhormat dari Parit Sulong.

Majlis Pendidikan Tinggi Negara yang akan dibentuk di bawah rang undang-undang ini akan merupakan pihak berkuasa paling tinggi yang bertanggungjawab terhadap perancangan pendidikan tinggi di negara ini, kesannya akan meliputi semua universiti dan kolej universiti, sama ada yang dimiliki kerajaan ataupun yang dimiliki oleh pihak swasta, sama ada yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 ataupun Rang Undang-undang Institusi Pendidikan tinggi Swasta 1996 yang akan di bahaskan selepas rang undang-undang ini.

Fungsi Majlis ini amatlah luas dan menyeluruh, sebagaimana yang dapat di lihat dari Seksyen 12(1) Rang Undang-undang ini yang menyatakan:

“12(1) Fungsi Majlis adalah:

- (a) untuk merancang, membentuk dan menentukan dasar dan strategi kebangsaan bagi perkembangan pendidikan tinggi;
- (b) untuk menyelaraskan perkembangan pendidikan tinggi;
- (c) untuk memajukan dan memudahkan pertumbuhan teratur institusi pendidikan tinggi;
- (d) untuk menentukan dasar dan menetapkan kriteria bagi penguntungan wang kepada institusi pendidikan tinggi;
- (e) untuk menentukan dasar berhubung dengan kemasukan pelajar ke institusi pendidikan tinggi;
- (f) untuk menentukan dasar dan menetapkan garis panduan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan struktur gaji dan sistem pengurusan kakitangan universiti dan kolej universiti yang ditubuhkan di bawah akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971;
- (g) untuk menentukan dasar dan menetapkan garis panduan mengenai struktur fee;
- (h) untuk menentukan dasar dan menetapkan garis panduan mengenai bidang atau kursus pengajian yang diusahakan oleh institusi pendidikan tinggi;
- (i) untuk menentukan dasar dan menetapkan garis panduan mengenai perjalanan apa-apa kursus pengajian atau program latihan oleh institusi pendidikan tinggi bersesama atau bersama-sama dengan, secara bergabung, secara usahasama atau selainnya, dengan mana-mana universiti atau institusi pendidikan tinggi atau institusi pendidikan atau organisasi lain di dalam atau di luar Malaysia;

- (j) untuk menentukan dasar dan menetapkan garis panduan mengenai penglibatan universiti dalam aktiviti perniagaan mengikut kuasa yang diberikan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971; dan
- (k) untuk mengambil apa-apa tindakan atau melakukan apa-apa benda lain yang difikirkan patut atau perlu bagi membolehkannya menjalankan fungsi-fungsi dan kuasa-kuasanya dengan berkesan.

Dari 11 bidang tugas yang dinyatakan ini, Majlis ini sebenarnya merupakan Suruhanjaya Universiti (Universiti Commission) yang menentukan strategi-strategi dan dasar-dasar serta menetapkan garis-garis panduan untuk semua universiti, sama ada universiti awam atau pun swasta, serta bertindak juga sebagai suruhanjaya tabung universiti untuk universiti-universiti awam, termasuk universiti-universiti yang akan dikorporatkan.

Persoalan pertama yang timbul adalah mengenai komposisi Majlis ini, di mana Pengerusinya mesti dijabat oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Mengikut Seksyen 4, dari jumlah maksimum 14 orang anggota, sekurang-kurangnya 9 orang dari mereka adalah terdiri dari kakitangan kerajaan (Public Servant) iaitu Menteri Pendidikan, Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan atau wakilnya, Ketua Pengarah Pendidikan atau wakilnya, Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan ataupun wakilnya, Ketua Pengarah Unit Perancangan Ekonomi Jabatan Perdana Menteri atau wakilnya, Peguam Negara ataupun wakilnya, tiga yang lain - mengikut Seksyen 4(g) adalah Naib Chanselor yang dilantik di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti, yang lebih sesuai dikategorikan sebagai kakitangan kerajaan, walaupun selepas pengkorporatan, persoalan mungkin timbul mengenai status mereka masa itu, dengan izin, neither face nor power.

Dua jenis keanggotaan yang lain di bawah Seksyen 4(h) dan 4(i) adalah tidak lebih dari dua orang yang merupakan ketua universiti-universiti swasta dan tidak lebih dari 3 orang yang kerana pengetahuan serta pengalaman mereka, yang dianggap oleh Menteri oleh membantu Majlis ini.

Yang lebih tidak menyenangkan lagi adalah mengenai Seksyen 11 yang amat tidak demokratik yang menyatakan bahawa Menteri Pendidikan boleh menamatkan perlantikan mana-mana anggota Majlis yang dilantik di bawah Seksyen 4(g), 4(h) dan 4(i), pada bila-bila masa tanpa memberikan apa-apa alasan mengenainya. Komposisi Majlis mengikut Seksyen 4 telah memastikan bahawa ia akan diwakili oleh terlalu ramai kakitangan kerajaan, tetapi dengan adanya Seksyen 11 yang memberikan kuasa kepada Menteri Pendidikan untuk menamatkan perlantikan anggota-anggota Majlis yang dilantik di bawah Seksyen 4(g), 4(h) dan 4(i) kesannya adalah memastikan bahawa Majlis ini akan dikuasai sepenuhnya oleh Menteri Pendidikan dan bukan lagi sebuah badan yang berdikari dan bebas yang akan merancang, membentuk dan menentukan dasar-dasar dan strategi-strategi pendidikan tinggi kebangsaan demi pembangunan pendidikan tinggi yang paling menguntungkan negara kita, tanpa dikaitkan dengan pertimbangan-pertimbangan politik dan kepentingan Yang Berhormat Menteri Pendidikan pada sesuatu masa.

Kemasukan Naib-naib Canselor semua universiti yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 di mana keanggotaannya di dalam Majlis juga boleh ditamatkan oleh Menteri Pendidikan mengikut Seksyen 11 tanpa memberikan apa-apa alasan mengenainya. Jelas sekali, adalah bertujuan untuk mengawal keadaan selepas berlakunya pengkorporatan di mana sesetengah Timbalan Canselor tidak lagi pasti statusnya sama ada masih merupakan 'public servant' ataupun adalah kedudukan yang 'hybrid'.

Seksyen 5 menyatakan bahawa Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan hendaklah mempengerusikan mesyuarat Majlis semasa ketidakhadiran Pengerusi atau bila masa Pengerusi yang kerana apa-apa sebab tidak dapat menghadiri mesyuarat Majlis.

Dari seksyen ini, adalah jelas bahawa Menteri Pendidikan tidak dijangka akan menjadi Pengerusi yang aktif di dalam Majlis ini tetapi hanya akan mempengerusikan majlis mungkin dalam keadaan-keadaan krisis.

Perkara ini amat tidak memuaskan kerana sekiranya Majlis Pendidikan Tinggi Negara yang mempunyai 11 bidang tugas untuk merancang, membentuk dan menentukan dasar-dasar pendidikan hendak berfungsi dengan berkesan dan bervisi, maka ia haruslah mempunyai seorang Pengerusi yang terlibat dalam semua tugas Majlis ini atau 'hands-on Chairman' dan bukanlah seorang Pengerusi yang merupakan ketua politik atau 'political figure head' ataupun seseorang yang menjadi Pengerusi dalam keadaan krisis sahaja.

Rang Undang-undang Majlis Pendidikan Tinggi Negara, Rang Undang-undang Institusi Pendidikan Tinggi Swasta serta Akta Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 1995 telah dibentangkan oleh kerajaan sebagai 'centre pieces' untuk menjadikan Malaysia sebuah pusat pendidikan tinggi kecemerlangan serantau dan menjadikan pendidikan sebagai satu industri eksport.

Bagaimanapun, visi dan strategi untuk menjadikan Malaysia sebuah pusat pendidikan tinggi terunggul antarabangsa ini jarang, malah tidak pernah dibincangkan secara umum dan terbuka.

Sebagai contohnya, Rang Undang-undang Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 1995 telah dibentangkan di Parlimen untuk Bacaan Kedua secara tiba-

tiba pada akhir bulan lepas untuk melantaskan batu asas kepada pengkorporatan Universiti Malaya dan lain-lain universiti tempatan walaupun para Ahli Parlimen, masyarakat akademik dan pelajar semuanya menyangkakan bahawa pindaan tersebut adalah untuk menunaikan janji kerajaan untuk melonggarkan sekatan-sekatan ke atas kebebasan akademik pelajar dan autonomi universiti.

Bagaimanapun, apabila Rang Undang-undang Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 1995 diluluskan, rakyat jelata diberitahu bahawa pengkorporatan Universiti Malaya tidak akan dapat dilaksanakan sehingga Majlis Pendidikan Tinggi Negara dibentuk.

Seluruh tempoh ini, bagaimanapun, pihak berkenaan tidak pernah mengambil usaha serius untuk melibatkan masyarakat akademik dan pelajar ke dalam perbincangan mengenai cadangan pengkorporatan universiti dan menangani perasaan khuatir serta tidak pasti mereka mengenai bagaimana proses pengkorporatan akan menyebabkan pendidikan tinggi sukar diperolehi oleh golongan berpendapatan rendah serta kesannya ke atas tradisi intelektual universiti sebagai pusat pengetahuan dan penyelidikan.

Seksyen 12(1)(d) memberikan kuasa kepada Majlis untuk 'menentukan dasar dan menetapkan kriteria bagi peruntukan wang kepada institusi pendidikan tinggi'.

Bagaimanakah Majlis ini menentukan kriterianya terutama sekali mengenai kerja-kerja penyelidikan universiti-universiti. Di Britain, University Grant Commissionnya pernah menetapkan pangkat semua jabatan universiti mengikut kualiti penyelidikan mereka dalam skill 4-poin dari 'cemerlang' ke 'kurang dari sederhana'. Adakah Majlis ini berani untuk menjelajahi bidang sebegini?

Pihak-pihak berkenaan harus menangani kekhuatiran bahawa pengkorporatan universiti-universiti awam mungkin membahayakan bidang penyelidikan bukan-bertujuan-keuntungan.

Para ahli akademi merasa kesal bahawa selepas pengkorporatan, kerja-kerja penyelidikan akan ditentukan oleh keperluan pasaran. Ini akan menyebabkan penyelidikan menjadi kurang kritikal dan bersifat penilaian, menghasilkan satu keadaan di mana penyelidikan akan lebih berorientasikan polisi iaitu mengendalikan penilaian keberkesanan dan bukannya penyelidikan polisi yang mementingkan penyzoalan polisi.

Maka universiti akan berupa sekolah-sekolah latihan dan bukannya tempat-tempat di mana pengetahuan baru dibentuk dan dinilai secara kritikal. Perkara ini akan menyebabkan universiti-universiti menjadi pusat vokasional dan bukannya pusat pengetahuan dan kesarjanaan, menghasilkan orang yang berkebolehan dari segi teknikal dan bukannya berkebolehan dari segi pemikiran kritikal intelektual.

Majlis ini harus berwawasan tinggi dengan memastikan bahawa universiti-universiti Malaysia akan mempertingkatkan taraf penyelidikan kita supaya institusi-institusi pendidikan tinggi di Malaysia dapat bersaing dengan lain-lain institusi setara dalam peringkat antarabangsa.

Perkara ini menjadi semakin penting di dalam zaman pengetahuan dan maklumat di mana kekuatan sesuatu negara sering kali diukur dari segi kebolehan menghasilkan serta mengagihkan pengetahuan dan teknologi terbaru atau 'starting age knowledge' dan teknologi.

Kerajaan pernah mengatakan bahawa ia berhasrat menjadikan Malaysia sebuah pusat pendidikan tinggi kecemerlangan

tetapi adakah ia telah mentafsirkan apa yang dimaksudkan sebagai 'kecemerlangan' ataupun ia akan membiarkan Majlis Pendidikan Tinggi Negara memutuskan tafsiran tersebut? Sebagai contoh, adakah kita mengakui bahawa kita sedang mengalami masalah majority di dalam sistem pendidikan tinggi kita masa kini dan adakah kita mengharapkan universiti-universiti swasta ataupun cawangan-cawangan kampus universiti-universiti asing untuk memainkan peranan yang penting dalam mencapai objektif ini?

Kita mesti menyedari bahawa sekiranya Malaysia ingin menjadi pusat pendidikan tinggi yang cemerlang, maka ia harus dibentuk berasaskan sistem pendidikan rendah dan menengah, yang juga mencapai tahap kecemerlangan. Sekiranya Malaysia tidak memastikan bahawa sekolah-sekolah rendah dan menengah kita mencapai tahap yang cemerlang dahulu, maka adalah tidak mungkin bagi kita mengharapkan negara ini menjadi pusat pendidikan tinggi kecemerlangan pula.

Perkataan 'cemerlang' sebenarnya patut termasuk beberapa makna. Di dalam peringkat pelajar individu, ia bermakna menguji prestasi keupayaan seseorang sehingga ke tahap batasan individu. Ciri-ciri cemerlang berkehendakkan sesebuah sekolah, kolej ataupun universiti menetapkan harapan dan matlamat yang tinggi untuk semua pelajar dan seterusnya cuba sedaya-upaya untuk membantu para pelajar mencapai matlamat berkenaan.

Ciri-ciri cemerlang juga berkehendakkan sesebuah masyarakat yang telah menerima dasar-dasar ini supaya membuat persediaan menerusi pendidikan dan skil pendidikan untuk berbalas terhadap cabaran-cabaran dunia yang berubah dengan pantas. Negara, rakyat dan semua institusi pendidikan mestilah berkomited untuk mencapai kecemerlangan di semua bidang ini.

Sebagai contoh, adakah negara ini bersedia menetapkan matlamat kecemerlangan yang tinggi untuk sistem pendidikan kita pada semua peringkat misalnya dengan tujuan meletakkan pelajar-pelajar Malaysia di tempat pertama ataupun di antara yang paling baik di dalam senarai pencapaian matematik dan sains di dunia ataupun dalam segi menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi yang moden untuk merevolusikan pendidikan?

Dalam tahun 1998, Singapura akan menghubungkan semua sekolah rendah dan menengah ke Internet, sementara latihan komputer akan dijadikan mandatori di sekolah-sekolah junior high school di Taiwan. Di Jepun, pada tahun 1999, kerajaan berhasrat akan meletakkan dan memperuntukkan satu komputer di setiap meja pelajar sekolah menengah dan menetapkan satu komputer untuk setiap dua orang pelajar sekolah rendah.

Bagaimanapun, di Malaysia, pelajar-pelajar universiti kita masih lagi tidak dapat akses ataupun mendapat akses yang mudah ke Internet, jangan sebut lagi pelajar-pelajar sekolah rendah dan menengah. Objektif penting yang lain mengenai strategi dan polisi pendidikan tinggi di Malaysia haruslah termasuk menjadikan pendidikan tinggi sesuatu yang berupaya diperolehi oleh lebih ramai rakyat. Pada hakikatnya, saya akan mencadangkan bahawa Majlis ini mengumumkan kenyataan misinya mengenai peruntukan peluang pendidikan tinggi kepada semua rakyat Malaysia yang benar-benar menghendakinya.

Walaupun kerajaan telah berkata bahawa negara kita hendak menarik pelajar-pelajar asing ke Malaysia melalui perundangan baru pendidikan tinggi ini, tetapi apa yang harus dititikberatkan pada masa kini bukan lagi mengenai persoalan bagaimana mengeksport kemudahan pendidikan tinggi, tetapi bagaimana memenuhi keperluan pendidikan tinggi

rakyat Malaysia sendiri memandangkan kini ada 50,000 rakyat Malaysia yang sedang menuntut ilmu di negara asing dan belanja tahunan mereka setinggi RM3 bilion.

Semua ini merupakan hujah-hujah yang pernah dibangkitkan oleh para Ahli Parlimen DAP sejak tahun-tahun 1970-an dan 1980-an di mana kita memperjuangkan pendemokrasian peluang pendidikan tinggi, mencadangkan bahawa cadangan penubuhan universiti-universiti swasta diterima, malah pernah mencadangkan supaya ditubuhkan sekurang-kurangnya sebuah universiti yang lengkap di setiap negeri.

Saya rasa gembira bahawa kerajaan kini lebih terbuka kepada cadangan-cadangan mengenai pengliberisasian dan pendemokrasian peluang pendidikan tinggi walaupun kita sebenarnya telah membazirkan masa satu generasi yang sebaliknya dapat membantu kita dalam membekalkan lebih peluang pendidikan tinggi kepada rakyat jelata, menyekat masalah 'brain-drain' dalam tahun 1970-an dan 1980-an, malah juga akan dapat meletakkan Malaysia di tempat yang lebih tinggi dalam bidang ekonomi serantau serta sedunia.

Kita mesti mengakui bahawa Malaysia agak lambat menyedari bahawa pendidikan tinggi telah pun menjadi satu bidang perniagaan antarabangsa. Arus masa kini di dalam teknologi maklumat, pertambahan globalisasi sains dan ekonomi, jumlah pelajar yang semakin bertambah di seluruh dunia serta pertambahan penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa komunikasi saintifik antarabangsa, segala-galanya memperkuatkan lagi masa depan pengantarabangsaan atau internationalisation pendidikan tinggi.

Negara-negara lain pada awal lagi telah menyedari tentang arus pengantarabangsaan pendidikan tinggi dan bahawa

demikian kepentingan kebangsaan, yang mana semakin sepadan dengan satu ekonomi global, sistem pendidikan tinggi haruslah semakin sensitif terhadap dimensi antarabangsa mengenai pendidikan tinggi dan bahawa sistem pendidikan kebangsaan haruslah semakin bersesuaian dari segi penawaran kurikulum, perluasan perkhidmatan sokongan dan merekrut pelajar-pelajar antarabangsa secara terbuka.

Adalah dianggarkan bahawa di seluruh dunia kini, ada seramai 50 juta pelajar yang belajar dalam peringkat universiti dan sejuta orang dari mereka belajar di negara-negara asing. Kini, ada lebih kurang 450,000 pelajar asing menuntut ilmu di Amerika Syarikat, antaranya 13,000 adalah rakyat Malaysia.

Negara-negara Eropah Barat dan Jepun juga telah melabur dengan beratnya dalam bidang pendidikan antarabangsa. Sepuluh tahun yang lalu, Jepun telah mengumumkan matlamatnya untuk mendapatkan 100,000 pelajar asing pada tahun 2000 atau untuk menjadi host kepada 100,000 pelajar asing pada tahun 2000 dan matlamat ini nampaknya akan dapat dicapai. Apakah sasaran jumlah pelajar asing yang akan dapat ditarik oleh institusi-institusi pendidikan tinggi negara kita untuk tahun 2000 atau 2005? Bagaimanapun, Malaysia hendak bersaing dengan lain-lain negara untuk menjadi sebuah pusat pendidikan tinggi serantau. Faktor-faktor yang penting adalah kos dan kualiti pendidikan serta persekitaran intelektual atau intellectual environment.

Schubungan ini, pengekalan undang-undang menindas yang menyekat kebebasan berucap para pelajar yang termaktub di dalam Akta Universiti dan Kolej Universiti serta peruntukan-peruntukan sama menindas yang wujud di dalam Rang Undang-undang Institusi Pendidikan Tinggi Swasta untuk menyekat pelajar-pelajar universiti-universiti swasta semestinya akan memudahkan dan

bukannya menggalakkan pelajar-pelajar asing supaya memilih Malaysia untuk melanjutkan pendidikan tinggi mereka.

Maka, saya menyeru kerajaan supaya menunaikan janji-janjinya yang berulang kali supaya membatalkan sekatan-sekatan ke atas kebebasan berucap dan berhimpun para pelajar universiti untuk mengembalikan persekitaran intelektual yang sihat, merangsang dan bersemangat di dalam kampus-kampus universiti di dalam negara ini. Sementara menubuhkan satu Majlis Pendidikan Tinggi Negara, kita mesti juga menyedari bahawa definisi lama mengenai pendidikan tinggi semakin pudar dan kita perlu mentakrif semula idea 'tinggi' di dalam pendidikan tinggi.

Pendidikan tinggi bukanlah sesuatu yang dapat wujud dengan sendirinya, tetapi merupakan sebahagian dari lingkungan pendidikan seumur hidup yang tidak berkelim atau seamless. Kita harus memelihara ideal pendidikan seumur hidup supaya ia akan terjalin di dalam masyarakat kita dan mencabar idea satu pendidikan asas yang mencukupi. Apabila ini berlaku, maka perbezaan antara pendidikan lanjut dan pendidikan tinggi akan lebih sukar ditetapkan.

Mungkin adalah lebih tepat kita menamakan Majlis ini sebagai Majlis Pendidikan Tinggi dan Pendidikan Lanjut Negara untuk memelihara konsep dan ideal pendidikan seumur hidup di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Marang.

3.27 ptg.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Wassalamuala manit taba' alhuda.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memulakan perbahasan Rang Undang-undang Majlis Pendidikan Tinggi Negara 1996, saya ikut serta menyatakan kekesalan cara pengendalian Rang Undang-undang ini dikemukakan di Dewan Rakyat dari segi kecukupan masa dan dari segi tidak melibatkan semua pihak untuk mengkaji dengan cara yang lebih mendalam dan terperinci. Sama ada pihak Ahli-ahli Parlimen ataupun pihak Pendidikan Tinggi sendiri, kita tidak tahu apakah dan sejauh mana peluang diberi kepada mereka untuk mengkaji hal-hal yang penting seperti ini walaupun kerajaan ada kepekaan sehingga mengadakan satu persidangan khas bagi membincangkan perkara yang dikira penting.

Tetapi perkara yang dikira penting mestilah dikendalikan mengikut kepentingannya dan dikaji kerana ia merupakan perkara pendidikan yang menjadi unsur penting untuk membentuk manusia, untuk membentuk generasi dan masyarakat negara kita di semua lapisan dan dalam semua aspek, bukan sekadar untuk mengembangkan ilmu dan melahirkan ilmuan, tetapi juga ilmu yang membentuk manusia, sama ada menjadi pemimpin atau anggota biasa dalam masyarakat yang dapat dan mampu memberi peranan masing-masing untuk membangun negara dan masyarakat itu dengan berlandaskan kepakaran dan moral yang mencetuskan semangat tanggungjawab dan akhlak yang luhur.

Perkara pendidikan termasuk dalam perkara besar yang menjadi salah satu keperluan manusia dari aspek akal, spiritual dan hati budi manusia, sama ada dalam memupuk ilmu yang bersifat moral, spiritual atau yang bersifat lahiriah untuk memantap dan meningkatkan kemajuan sains dan teknologi. Maka ia menjadi acuan, bukan sekadar untuk melahirkan atau mengeluarkan mereka yang berpelajaran tinggi, tetapi juga berpendidikan tinggi. Maka, mestilah melibatkan pihak yang benar-benar ahli

dalam aspeknya supaya mencapai matlamat ilmuan dan bertanggungjawab. Bukan seperti mencipta robot yang dipetik suis begitu sahaja.

Oleh itu, maka Majlis Pendidikan Tinggi ini mestilah melibatkan juga mereka yang benar-benar ahli dalam bidangnya dan dari semua pihak yang berhubung penting dengannya. Penglibatan mereka hendaklah diberi dengan cara yang lebih besar dan autonomi.

Di masa lalu banyak negara yang menubuhkan badan yang mengawal University Grant Commission sekadar untuk menyalurkan wang untuk keperluan universiti. Universiti tidak mengurus soal kewangan kerana penumpuan kalangan mereka lebih banyak kepada pencapaian akademik dan badan itu pun kebiasaannya dipengerusikan oleh orang-orang yang dihormati oleh semua pihak dalam masyarakat, sama ada kerajaan atau pembangkang kerana kedudukannya dalam aspek akademik dan maruah yang tinggi. Saya difahamkan bahawa cara seperti ini pernah dikemukakan oleh pihak di pusat pengajian tinggi tetapi tidak ditunaikan kerana kerajaan mahu mengongkong dan menguasai universiti sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam rang undang-undang yang dibentangkan ini nampaknya lebih memberi penekanan kepada penguasaan orang-orang politik dan golongan pentadbiran yang dipengaruhi oleh orang-orang politik. Hanya tiga orang dari pihak universiti walaupun jumlah universiti lebih besar berkali ganda daripada itu, walaupun ada ruang bagi Menteri untuk melantik tiga orang kerana pengetahuan dan pengalaman mereka pada pendapat Menteri dan dari kalangan pusat pengajian tinggi swasta.

Kalau kita merujuk kepada Majlis Pendidikan Tinggi Negara yang ditubuhkan ini, kita akan menyedari perkara-perkara ini. Dalam Perkara 4

dinyatakan, Majlis Pendidikan Tinggi Negara hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut:

- (a) Menteri sebagai Pengerusi;
- (b) Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan atau wakilnya;
- (c) Ketua Pengarah Pendidikan atau wakilnya;
- (d) Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan atau wakilnya;
- (e) Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri atau wakilnya;
- (f) Peguam Negara atau wakilnya;
- (g) Tiga Naib Canselor mana-mana universiti dan kolej universiti yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 - lebih kecil daripada jumlah universiti yang ada;
- (h) tidak lebih daripada dua Ketua Pegawai Eksekutif mana-mana institusi pendidikan tinggi swasta; dan
- (i) tidak lebih daripada tiga orang yang kerana pengetahuan dan pengalaman mereka boleh, pada pendapat Menteri, membantu Majlis.

Dan apabila kita lihat kepada Perkara 11, Menteri boleh menamatkan perantakan mana-mana anggota Majlis yang dilantik di bawah Perenggan 4(g), (h) atau (i) pada bila-bila masa tanpa memberikan apa-apa alasan mengenainya. Oleh itu, maka fungsi Majlis Pendidikan Tinggi Negara ini akan lebih dipengaruhi oleh Menteri dan penguasaan kepentingan politik dari atas yang meliputi dasar pentadbiran sehinggalah gaji, kenaikan pangkat dan lain-lain. Maka ia akan menimbulkan soal autonomi yang sangat memberi kesan kepada kebebasan ilmu dan perkembangannya. Sepatutnya kalangan universiti yang berkemampuan

dan berpengalaman dalam segala aspek pendidikan tinggi dilantik lebih ramai dan diberi kebebasan kepada mereka untuk memilih dari kalangan mereka dan juga dari kalangan bebas yang tidak sibuk dan terpengaruh dengan sepak terajang politik semata-mata. Dan dari kalangan semua pihak tanpa mengira fahaman politik mereka atau dinilai dari segi pandai mengampu, mestilah bebas dari itu semua supaya ia menjadi lebih demokratik dan menjadi tanggungjawab semua pihak secara bersama.

Cara penyusunan majlis yang dikongkong seperti ini, seperti juga memilih JKK peringkat kampung, ditunjuk begitu sahaja, seperti hendak mengendalikan sebuah kelas tadika dan sekolah untuk mengongkongnya dan lebih mudah dikawal oleh sesiapa yang menjadi Menteri. Secara memperbudakkan kalangan intelektual adalah tidak tepat dengan taraf ketinggian akademik dan pengalaman pendidikan yang matang di pihak pusat pengajian tinggi sendiri (*Tepuk*) dan ini akan menjejaskan perkembangan ilmu kerana ahli-ahli ilmu tidak diberi hak yang sepatutnya kepada mereka dan taraf mereka seperti pegawai atau kakitangan kerajaan yang boleh disuruh tanpa mempunyai kebebasan ke arah meningkatkan perkembangan intelektual yang sihat tanpa dikongkong. Taraf pensyarah menjadi seperti cikgu biasa.

Selaras dengan Rang Undang-undang Pengkorporatan Universiti, maka penumpuan kepada perniagaan ilmu akan menjadi lebih pesat oleh Majlis Pendidikan Tinggi Negara yang akan bersifat seperti ahli lembaga pengarah sebuah syarikat perniagaan sahaja nanti. Sehingga akhirnya penentuan perjalanan kursus ditentukan oleh pihak yang berkenaan yang tiada kena mengena dengan pendidikan. Maka sudah pasti, soal taraf akademik ditentukan oleh kepentingan mereka yang menjadi ahli majlis atau ahli majlis yang boleh dipengaruhi oleh mereka yang berkepentingan.

Maka soal agama dan moral hanya akan menjadi perkara yang diabaikan oleh kalangan mereka yang seperti ini kerana perkembangan mutakhir yang menjadikan bidang pendidikan salah satu daripada alat perdagangan, maka golongan-golongan korporat sedang menganga mulut masing-masing untuk mengisi perut daripada bidang ini tanpa suatu tanggungjawab yang penuh amanah dan iman yang ikhlas. Tetapi akan menggunakan pengaruh wang, pada akhirnya dalam bidang pendidikan maka gejala kebendaan sudah pasti akan mempengaruhi pendidikan seperti juga pernah melandanya sindrom politik wang.

Oleh itu, maka saya mencadangkan supaya jumlah Ahli Majlis Pendidikan Tinggi Negara ditambah lebih ramai dan pihak universiti sendiri mestilah diberi hak mereka bagi menentukan Majlis Pendidikan Tinggi Negara dan penglibatan di kalangan universiti juga mestilah lebih ramai dari seluruh universiti dan dipilih oleh pihak mereka sendiri, bukan ditunjuk segelintir sahaja bergilir-gilir mengikut selera Menteri atau kerajaan atau golongan swasta dan biarlah pihak universiti sendiri memilih kalangan mereka secara bebas tanpa dipengaruhi dan ditekan oleh sesiapa. Dan penglibatan di kalangan semua pihak yang lain yang lebih bebas dan demokratik untuk memberi pandangan dari semua pihak yang bertanggungjawab dan yang berpengalaman tentang pendidikan tinggi juga hendaklah lebih ramai dan menyeluruh kerana perkara ini menjadi perkara kepentingan bersama yang mesti diberi perhatian yang sewajarnya bukan sahaja dalam aspek pentadbiran, kenaikan pangkat dengan seadil-adilnya; termasuk juga aspek pencapaian akademik, moral dan lain-lain di mana perkara-perkara ini bukan menjadi hak milik mutlak kerajaan sahaja, secara dikongkong begitu sahaja, diluluskan begitu sahaja. Ia mestilah diluaskan dan tidak diganggu oleh kalangan politik dan ekonomi yang berkepentingan diri dan golongan.

Oleh kerana itu, maka saya harap pandangan-pandangan ini dapat diterima oleh pihak kerajaan dengan sewajarnya.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Balik Pulau.

3.37 ptg.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Majlis Pendidikan Tinggi Negara 1996.

Tuan Yang di-Pertua, kita menyokong usaha untuk menubuhkan Majlis Pendidikan Tinggi Negara ini ekoran daripada perkembangan dalam sistem pendidikan yang ditakrifkan semula melalui terlulusnya Akta Pendidikan 1995. Kita perlukan sebuah majlis yang seperti ini sebagai satu mekanisme untuk mengawal dan juga menyelaras pembangunan pendidikan tinggi dalam negara.

Tetapi Tuan Yang di-Pertua, apabila saya membaca rang undang-undang ini dan walaupun saya memahami bahawa kita memerlukan satu mekanisme, satu forum untuk kita mengawal selia dan menyelaras usaha pembangunan IPT di dalam negara kita ini, saya terfikir tentang bagaimanakah hendak kita tubuhkan satu badan yang hendak kita seimbangkan di antara pengawalan IPT swasta di satu pihak yang boleh ditubuhkan melalui Akta IPT Swasta yang akan dibentangkan selepas ini dengan IPT yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti.

Maknanya, MPTN ini hendaklah memainkan peranan untuk mengawal selia kedua-dua jenis IPT yang ada ini. Dalam pada masa yang sama, penubuhan sesuatu majlis seperti majlis ini dengan objektif-

objektifnya terpaksa juga mendapat satu keseimbangan tentang apakah bidang tugas yang hendak dibuatnya dan diseimbangkan dengan keberkesanan majlis ini untuk menjalankan tugasnya.

Seperkara yang hendak saya kemukakan di sini dan mungkin dapat diperjelaskan oleh Yang Berhormat Menteri ialah saya merasakan walaupun kita bersetuju dan kita perlu satu majlis yang sebegini rupa, saya merasakan bahawa Majlis Pendidikan Tinggi Negara ini berbanding dengan status-quo yang ada sekarang, kalau kita khususnya kepada IPT awam sahaja dan bukan kepada IPT swasta, seolah-olah nampaknya macam ada satu perubahan konsep daripada decentralised authority kepada satu usaha yang hendak di"centralise"kan.

Maknanya, dulu sebelum ada pindaan kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti 1995, setiap IPT awam mempunyai majlisnya yang tersendiri yang mana tiap-tiap majlis dapat membuat keputusan-keputusan yang di bawah bidang tugasnya secara tersendiri. Tetapi oleh sebab kita telah memindahkan akta tersebut, maka kita telah mengeluarkan perwakilan daripada JPA, Perbendaharaan, Kementerian Pendidikan dan sebagainya. Jadi, itu memberi autonomi kepada universiti-universiti yang ditubuhkan di bawah akta tersebut untuk membuat keputusannya. Tetapi dengan pertumbuhan majlis ini pula, maka ia meletakkan kesemua universiti ini ataupun lembaga-lembaga yang ditubuhkan dalam universiti awam ini di bawah kuasa Majlis Pendidikan Tinggi Negara.

Saya ingin penjelasan di sini dari segi bagaimanakah ada keseimbangan daripada hasrat kita untuk memberi lebih autonomi kepada universiti-universiti, ini saya bercakap untuk IPT awam sahaja, untuk menjalankan pentadbiran dan juga apa juga urusannya dan bagaimana Majlis Pendidikan Tinggi Negara ini pula menjadi

satu badan yang induk, kalau dahulunya ada lapan majlis, sekarang ini tidak ada lapan majlis, ada lapan lembaga tetapi kesemua lapan lembaga tersebut diletakkan di bawah satu majlis yang tunggal.

Ini sebenarnya, kita rasa semacam memperkenalkan lebih banyak unsur centralisation daripada decentralisation dan kita takut nanti dengan peningkatan birokrasi ini, tidak tercapai pula hasrat dan cita-cita kementerian dan kerajaan untuk sebenarnya mengurangkan birokrasi dalam pengurusan IPT khususnya. Yang saya cakap ini IPT yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti.

Mengenai komposisi majlis ini, saya begitu gembira kerana yang mempengerusikan majlis adalah Yang Berhormat Menteri sendiri dan tidak seperti Ahli Yang Berhormat dari Marang, saya merasakan memang sepatutnyalah menteri yang mempengerusikan majlis ini dan juga menterilah juga yang mempunyai kuasa dan diberi kuasa untuk melantik mana-mana individu yang difikirkan beliau layak seperti yang diberi di bawah seksyen 4(h) dan (i) dan semestinyalah seorang Menteri Pendidikan mempunyai kuasa sebagai mewakili badan legislatif, mewakili rakyat diberi kuasa membuat perlantikan yang sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat hanya sedikit komen tentang keahlian majlis ini. Kalau kita lihat fungsi majlis ini seperti dalam seksyen 12(1)(a) sampai (k), antara lain dan antara fungsi yang terpenting majlis ini ialah ianya menggubal dan membentuk dasar serta strategi. Dan strategi dan dasar yang hendak dibentuk oleh majlis ini seperti yang ada pada seksyen 12(1)(a) adalah mengenai pendidikan tinggi. Menteri yang menjadi pengerusi kerana menteri mewakili badan legislatif, mewakili rakyat secara langsung. Dan kita menerima pegawai-pegawai kerajaan seperti Ketua

Setiausaha Kementerian Pendidikan, Ketua Pengarah Pendidikan, KSU Kementerian Kewangan dan Ketua Pengarah EPU dan juga Peguam Negara patut ada sebagai badan untuk kita menyelaraskan atau untuk melaksanakan apa-apa juga polisi yang hendak dibentuk oleh majlis ini.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengungkit kembali saranan saya pada masa perbahasan pindaan Akta Universiti dan Kolej Universiti. Kalau selain daripada menteri yang sememangnya mewakili kuasa politik ada di situ dan kita lihat Fasal 4)(b), (c), (d), (e) dan (f) adalah terdiri daripada jentera-jentera kerajaan dan cuma yang boleh datang daripada individu-individu yang mempunyai kemahiran dalam ketokohan ataupun kebijaksanaan di dalam hal ehwal yang bersangkutan dengan IPT ini, mungkin datangnya daripada komposisi yang ditakrifkan oleh (g) ataupun (i) tetapi yang nampaknya yang mungkin datang daripada mereka yang memang terlibat dalam IPT ini secara langsung adalah mungkin (g) sahaja.

Oleh sebab itu, saya ingin mengulangi saranan saya pada masa perbahasan Akta Universiti dan Kolej Universiti supaya Naib-naib Canselor universiti, sekurang-kurangnya Naib-naib Canselor universiti-universiti yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti hendaklah dipilih daripada kalangan ahli akademik universiti itu. Kita mahukan, seperti yang saya katakan, Naib-naib Canselor bukan sahaja menjadi pentadbir, chief executive officer sesebuah universiti, tetapi kita hendak Naib Canselor tadi juga dilihat sebagai seorang ilmunan, sebagai tokoh pendidik dan sedemikian rupa.

Kalau kita pastikan di situ bahawa individu-individu yang menjadi Naib Canselor itu adalah terdiri daripada kalangan-kalangan yang saya katakan tadi, maka sekurang-kurangnya tiga orang ahli majlis seperti yang diperuntukkan dalam

Fasal 4)(g) adalah terdiri daripada mereka yang memangnya adalah tokoh-tokoh pendidik dan ilmunan dan kita harapkan oleh kerana majlis ini akan dipertanggungjawabkan untuk merancang dan membentuk dasar dan strategi untuk IPT. Kita harapkan ada input khusus daripada individu-individu yang terlibat dengan secara langsung dengan hal ehwal pendidikan ini, dan kalaulah saranan saya mengenai lantikan Naib Canselor tadi itu dipenuhi, maka sekurang-kurangnya tiga orang daripada ahli majlis ini adalah mereka yang terlibat secara langsung di dalam hal pendidikan di peringkat tinggi dan juga perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, melihat kepada seksyen 12(1), fungsi Majlis Pendidikan Tinggi Negara ini, kita sangat bersetuju dan kita mengalu-alukan jaminan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri tentang kemasukan pelajar dan ianya melibatkan juga IPT swasta dari segi peruntukan wang, struktur yuran dan sebagainya yang diberikan oleh beliau. Satu lagi yang dimasukkan di sini yang kita fikirkan adalah sangat baik dan sangat tepat sekali ialah misalnya (j) ialah mengawalselia penglibatan universiti dalam aktiviti perniagaan dan sebagainya.

Tetapi, dalam pada saya membaca pecahan (h) dan (i), misalnya yang berbunyi:

- “(h) untuk menentu dasar dan menetapkan garis panduan mengenai bidang atau kursus pengajian yang diusahakan oleh IPT; dan
- (i) untuk menentukan dasar dan menetapkan garis panduan mengenai perjalanan apa-apa kursus pengajian atau program latihan oleh institusi pengajian tinggi bersama atau bersama-sama dengan, cara bergabung, secara usahasama atau selainnya dengan mana-mana universiti atau IPT di luar atau dalam Malaysia.”

Apabila saya membaca pecahan (*h*) dan (*i*) ini, saya teringat kembali bidang kuasa yang didefinisikan di dalam pindaan Akta Universiti dan Kolej Universiti di bawah bidang kuasa lembaga sesebuah universiti. Dan teringat pula saya kepada bidang-bidang kuasa yang diberikan kepada Senat Universiti yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti. Saya timbulkan hal ini kerana saya merasakan bahawa, ini adalah pendapat saya, bahawa (*h*) dan (*i*) ini ada pertindihan dari segi fungsi majlis ini, fungsi lembaga universiti yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti dan fungsi Senat universiti yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti. Jika benarlah ada pertindihan seperti fahaman saya, maka saya merasakan sebagai sebuah majlis yang seperti ini - Majlis Pendidikan Tinggi, saya merasakan, kalau benar seperti yang saya tafsirkan, maka fungsi seperti (*h*) dan (*i*) merupakan satu usaha yang bersifat untuk majlis ini hendak mengadakan micro-management sangat.

Saya rasa sepatutnya mereka menumpukan kepada hal-hal pembentukan dasar, strategi, perkembangan dan pembangunan IPT dari segi peruntukan wang, kemasukan pelajar, struktur yuran. Dan apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong tadi, saya setuju tentang bantuan kewangan untuk pendidikan tinggi dan sebagainya tetapi tidak perlu dan tidak, dengan izin, a little bit beneath the majlis untuk terlibat secara mikro tentang apakah kursus yang boleh ditawarkan oleh universiti dan sebagainya seperti yang ditulis di dalam pecahan (*h*) dan (*i*) tadi.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang saya rasa sepatutnya diperjelaskan sebagai salah satu fungsi Majlis ini, selain daripada saya menyokong saranan daripada Yang Berhormat dari Parit Sulong yang ingin penjelasan khusus tentang biasiswa. Tetapi umumnya ialah tentang masalah pembiayaan pelajar-pelajar IPT, saya merasakan bahawa ada dua perkara

yang mungkin boleh diperjelaskan dan dimasukkan di bawah fungsi Majlis ini.

Pertamanya, sesuai dengan hasrat kerajaan untuk menubuhkan Majlis ini, kita rasakan satu fungsi tentang accreditation diberi dengan secara khusus di sini untuk mengatakan bahawa Majlis ini adalah terlibat menerusi apa-apajuga mekanisma yang akan ditubuhkan oleh Majlis ini tentang hal accreditation. Oleh sebab Majlis ini akan merangkumi juga semua IPT yang ditubuhkan di bawah IPTS 1996, accreditation dalam bentuk program dan accreditation dalam bentuk kualiti universiti, accreditation dari segi tenaga pengajar dan sebagainya.

Perkara kedua, yang saya rasakan mungkin boleh dipertimbangkan secara khusus untuk ditakrifkan di sini ialah tentang perkhidmatan ataupun konsep kakitangan atau perkhidmatan kakitangan akademik yang hendak kita gunakan dalam IPT dalam negara kita.

Saya menyedari dalam pada saya menyuruh tambah fungsi ini, tetapi pada masa yang awal tadi saya kompelin. Itulah yang saya timbulkan tadi hendak mencari balance di antara 'the breadth of the responsibility' dengan 'the effectiveness of carrying out those responsibilities'. Tetapi satu perkara selain dari accreditation, saya rasakan sesuai pada kita untuk mencorak semula IPT dalam negara kita, kita juga hendaklah memberi tumpuan kepada soal skim ataupun konvensyen apa yang hendak kita gunakan untuk kakitangan tenaga akademik di Malaysia ini untuk IPT sama ada swasta ataupun awam.

Saya lihat dalam draf Rang Undang-undang IPT swasta dalam takrif 'guru' menggunakan takrif yang sama digunakan dalam Akta Universiti dan Kolej Universiti, ia guna takrif macam Profesor Kanan, Profesor Madya ataupun Penolong Profesor dan sebagainya. Jadi, nampaknya kalau itu yang hendak kita guna, maknanya

kita hendak guna konvensyen "professorial". Kalau kita hendak menggunakan satu professorial konvensyen yang macam ini, walaupun kita tidak boleh mengawal kualiti, tetapi mungkin Majlis ini boleh dijadikan satu platform untuk kita mengawal kualiti dari segi konvensyen, dari segi meletakkan ukuran-ukuran yang jelas, individu macam mana yang boleh kita panggil Profesor, individu yang macam mana baru boleh kita panggil Profesor Kanan atau individu macam mana kita hendak panggil Reader, individu macam mana kita hendak panggil Profesor Madya dan sebagainya supaya seolah-olah bukan keseragaman, tetapi satu kefahaman bahawa ini adalah perkara-perkara, kalau orang ini memegang title macam ini, sama ada dia di IPT swasta ataupun di IPT awam, dia diakui mempunyai ketokohan yang tertentu, kerana ini berkait baik dengan soal accreditation sebab sekarang ini pun kita merasakan bahawa di kalangan universiti-universiti yang ditubuhkan, universiti awam inipun ada perbezaan dari segi profesor universiti ini dengan profesor universiti itu. Itu adalah di kalangan universiti-universiti yang ditubuhkan di bawah satu akta. Ini kita akan berdepan dengan keadaan di mana kita akan ada IPT swasta dengan IPT awam. Jadi, saya harapkan adalah satu penjelasan atau mungkin Majlis ini boleh memainkan peranan untuk memberi satu takrifan atau mendefinasi satu konvensyen yang jelas untuk semua pihak.

Accreditation saya rasa adalah satu fungsi majlis yang penting, walaupun accreditation untuk labour market terpulang sebenarnya kepada majikan. Tetapi kita merasakan untuk tujuan graduan-graduan lepasan universiti-universiti di Malaysia ini untuk dinilai oleh mereka yang dari luar negara ini, saya rasakan mereka juga hendak melihat accreditation body dan Majlis ini adalah merupakan platform yang sesuai untuk menjalankan tanggungjawab ini.

Satu perkara lain yang saya ingin bangkitkan ialah saya benar-benar berharap sangatlah bahawa dengan perkembangan, dengan kita meliberalisasikan dasar kita untuk kita memupuk dan juga menggalakkan perkembangan pendidikan di peringkat tinggi dalam negara kita ini, saya berharap sangatlah yang sebenarnya ialah kita hendak bangun pendidikan tinggi pada peringkat yang tinggi dalam pendidikan tinggi.

Yang Berhormat Menteri telah mengatakan ada hampir 60,000 orang pelajar kita yang sedang belajar di luar negeri, sebilangan besar daripada pelajar-pelajar itu adalah terdiri dari mereka yang sebenarnya mengikuti pengajian pada peringkat sarjana muda di peringkat ijazah pertama. Antara lain, ini menunjukkan bahawa IPT yang sedia ada sekarang di Malaysia tidak mampu untuk melatih dan mengeluarkan graduan-graduan pada peringkat ini. Maka kita boleh membuat rumusan bahawa pada peringkat itu pun kita perlu perbanyakkan dan mungkin usaha meliberalisasikan IPT ini akan memenuhi tuntutan pasaran buruh dari segi membekalkan graduan-graduan pada peringkat ijazah pertama. Tetapi yang nampak sangat kesuntukan yang ada pada IPT sekarang ialah ketidakmampuan mereka untuk memenuhi tuntutan untuk mengeluarkan graduan-graduan di peringkat yang tertinggi di IPT, maknanya di peringkat pengajian siswazah adalah ketara sekali kalau kita lihat daripada universiti yang sedia ada sekarang bahawa keupayaan universiti yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti yang ada sekarang ini untuk mengeluarkan Ph.D dan juga mengendalikan program-program post-doctorate adalah sangat berkurangan.

Kita benar-benarlah berharap dengan kita meliberalisasikan perkara-perkara ini semua, maka sesuatu yang positif dapat berlaku di peringkat itu. Kita berharap perkara itu terjadi, kerana tidak mungkin

takrif 'Pusat Kecemerlangan Pendidikan Tinggi' dapat kita guna kalaulah kita tidak menjadi leader dalam pengeluaran graduan-graduan pada peringkat yang tertinggi. Jadi, itu adalah perkara yang saya benar-benar berharap akan berlaku daripada usaha untuk kita menubuhkan lebih banyak IPT swasta dan dalam pada kita meliberalisasikan pengurusan IPT awam.

Satu perkara yang saya tidak berapa ingin hendak tengok ialah kalaulah semata-mata IPT swasta ini yang akan terangsang daripada kita luluskan IPT swasta ini ialah pengwujudan cawangan-cawangan kampus universiti luar dan juga diperbanyakkan usaha-usaha twinning programme sahaja. Memang itu adalah satu perkara yang perlu kita lakukan untuk kita memenuhi tuntutan semasa, tetapi penubuhan cawangan universiti-universiti swasta dan juga diperbanyakkan usaha twinning ini bukanlah satu perkara yang sebenarnya kita mahu lihat sebagai satu fenomena jangka panjang kerana ianya tidak secara jelas mengubah struktur sistem pendidikan tinggi dalam negara kita. Jadi, sebagai hanya menyampaikan pemikiran saya, saya berharap sangatlah apa yang akan terangsang daripada lulusnya kedua-dua akta yang dibahaskan hari ini ialah bukannya proses liberalisasi ini, bukan hanya akhirnya akan menyebabkan, yang akan tumbuh dengan banyak hanyalah pada peringkat pendidikan ijazah pertama dengan usaha twinning mahupun dengan usaha penubuhan cawangan-cawangan universiti luar.

Saya akan akhiri perbahasan ini dengan mengatakan sesuatu tentang ungkapan yang digunakan, iaitu "pendidikan tinggi sebagai satu industri". Saya sangat bersetuju bahawa kita perlu meliberalisasikan dasar dan juga undang-undang yang ada dalam negara kita. Kita perlu berbuat demikian untuk kita memastikan IPT ini dibangunkan. Kita perlu menambahkan bilangan dan peratusan rakyat dalam negara kita yang

mendapat pendidikan post menengah. Kita perlu meningkatkannya daripada kadar sekarang 11% kepada kadar yang lebih tinggi. Oleh itu, kita kenalah memastikan bahawa institusi-institusi yang ada dalam pendidikan tinggi ini diperbanyakkan dan dipertingkatkan. Tetapi janganlah kita melakukan perkara-perkara tersebut dengan berlandaskan motif bahawa pendidikan adalah satu industri. Kalau boleh, saya gunakan takrif, saya boleh fahamkan kegunaan perkataan 'industri' ini dalam definisi yang klasikal.

Janganlah kita bermotifkan pemikiran yang sedemikian yang menerima bahawa pendidikan tinggi adalah satu industri. Kalau industri, kita takrifkan secara klasikal. Kita jadikan usaha kita untuk meliberalisasikan sistem perundangan kita, untuk merangsang pertumbuhan dan perkembangan IPT sebagai meningkatkan sahsiah keseluruhan rakyat dalam negara ini bagi meningkatkan peratusan dan juga bilangan manusia dalam negara ini yang mendapat pendidikan tinggi dan sekaligus meningkatkan martabat kita sebagai satu bangsa dan satu negara, tetapi janganlah kita lakukan perkara-perkara ini dengan bermotifkan untuk menjadikan pendidikan tinggi sebagai satu industri. Di mana kita hendak menubuh dan mewujudkan industri, di mana yang patut kita buat duit, kita buat duit. Kalau kita tubuhkan Proton, Proton kena buat duit, ia kena buat duit. Kalau kita tubuhkan Perwaja, Perwaja kena buat duit, ia patut buat duit. Tetapi bila kita hendak tubuhkan universiti untuk kita mempertingkatkan martabat bangsa kita, mempertingkatkan keupayaan kita sebagai sebuah bangsa, ianya tidak ada cerita duit. (*Tepuk*) Dapat sokongan dari lain pula. (*Ketawa*)

Jadi, sebelum saya dapat sokongan yang lebih banyak, saya ingat daripada sebelah sana (*Ketawa*) saya ingin menyatakan sokongan saya dalam perbahasan mengenai Rang Undang-undang Majlis Pendidikan Tinggi Negara

ini, bahawa kita perlu mengadakan Majlis Pendidikan Tinggi Negara ini, sesuai dengan tuntutan kita hendak dengan secara total mendefinisi semula sistem pendidikan negara kita dan juga sekaligus sistem pendidikan tinggi dalam negara kita.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Keningau.

4.03 ptg.

Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai dengan pembentangan Rang Undang-undang Majlis Pendidikan Tertinggi Negara 1996, di mana dalam pembentangan ini ia mengatakan bahawa ada penting bagi kita untuk membangun satu majlis pendidikan tertinggi. Saya bersetuju dengan pembentukan ini kerana ianya adalah serupa dengan apa yang saya namakan sebagai Jawatankuasa Kementerian atau Ministerial Committee, disebabkan ahli-ahli yang termasuk di dalam majlis ini adalah kebanyakannya pegawai-pegawai kerajaan sendiri dan pegawai-pegawai pendidikan.

Dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua, saya hanya ingin bertanya berapa luasakah ataupun bagaimanakah kuasa Majlis ini apabila dibandingkan dengan Kabinet sendiri kerana kalau dilihat fungsi Majlis ini begitu meluas sekali, dan apabila kita baca Fasal 12(2), setelah keputusan dibuat apa sahaja dasar oleh Majlis, nampaknya menteri berkenaan dikehendakkan mengambil tindakan untuk melaksanakan dasar-dasar, strategi-strategi serta guideline, dengan izin, yang ditentukan.

Jadi, kalau kita baca dengan cara sepintas lalu, nampaknya Majlis ini akan membincangkan banyak hal yang telah

disusun di sini, dan setelah keputusan dibuat, itu pula menjadi dasar kerajaan, dan tidak perlu lagi dibentangkan ke Jemaah Kabinet. Jadi, kalau inilah makna, tentu sekali ini bererti bahawa Majlis ini adalah lebih besar, lebih berkuasa daripada Kabinet sendiri. Jadi, saya perlu minta penjelasan daripada Menteri Pendidikan.

Dalam hal ini juga, Tuan Yang di-Pertua, nampaknya dalam membentuk ahli-ahli Majlis ini, beberapa pegawai yang telah ditetapkan sebagai ahli, boleh menghantar wakilnya ke mesyuarat-mesyuarat yang ditetapkan. Jadi, kalau ini sudah berlaku, tentu sekali ini bahawa Majlis Pendidikan Tertinggi Negara yang dipengerusikan sendiri oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan menjadi satu Majlis yang kurang ertinya, kerana kalau semua pegawai-pegawai yang tertentu, misalnya Peguam Negara, Setiausaha Agung Kementerian Kewangan yang menghantar wakilnya mungkin barangkali menghantar wakil yang junior, tentu sekali ini merendahkan taraf Majlis Pendidikan Tertinggi Negara ini.

Jadi, saya beranggapan bahawa lebih baik lagi tidak diperlukan wakil-wakil dihantar jika tidak dapat menghantarnya, kerana dimestikan pegawai-pegawai yang ditetapkan sebagai ahli Majlis itu tetap akan hadir kerana kepentingan perbincangan mengenai perkara-perkara yang ditetapkan.

Dalam hal ini juga, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa perlu diambil kira perwakilan ataupun keahlian daripada Malaysia Timur, kerana nampaknya kalau tidak diambil kira, orang-orang yang tertentu yang pakar ataupun boleh menyumbangkan dalam perbincangan dalam Majlis ini daripada Malaysia Timur, Sabah dan Sarawak, kemungkinan rancangan mengenai dengan Sabah dan Sarawak ini akan terlupa. Inilah sebab kita timbul di sini supaya apabila diadakan penubuhan Majlis ini ditentukan supaya ada perwakilan daripada negeri Sabah dan negeri Sarawak.

Begitu juga apabila membentuk jawatankuasa-jawatankuasa di bawah Fasal 13(2) atau (3) di mana apabila orang-orang yang tertentu yang dijemput untuk memberi maklumat ataupun memberi sumbangan, saya berharaplah agar orang-orang daripada negeri Sabah dan negeri Sarawak akan diambil kira supaya mereka boleh menyumbang bagi pihak rantau itu untuk memberi buah fikiran yang membina supaya dalam perancangan kita untuk memajukan pendidikan tinggi kita ini, kita tidak terlupa kawasan-kawasan yang jauh.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini juga, apabila kita membangunkan soal pendidikan tinggi kita ini, saya mintalah supaya sekolah-sekolah dan juga murid-murid dan juga guru-guru yang ada di luar-luar bandar, yang jauh daripada Kuala Lumpur ini akan sentiasa diingati dan diambil kira kerana kemudahan-kemudahan untuk mereka ini sama ada dalam hal mengenai dengan perumahan ataupun kemudahan-kemudahan kelengkapan, tentu sekali amat kurang dan kerana itulah kita perlu memberi perhatian yang lebih berat lagi tentang mereka yang di luar bandar, di pedalaman khususnya di negeri Sabah dan Sarawak supaya mereka tidak dilupai apabila kita membuat perancangan untuk memberi kemudahan-kemudahan yang bertambahan.

Sekarang ini sering kali kita mendengar pendidikan dan pengajaran mengenai dengan komputer di mana Internet juga menjadi satu bahan perbincangan dan rujukan serta tujuan negara kita dan dalam hal ini selalunya kita bertanya, kenapa murid-murid kita di luar-luar bandar selalunya tidak mendapat keputusan peperiksaan yang lebih baik, lebih memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, tentu sekali satu daripada sebabnya ialah kemudahan-kemudahan dan kelengkapan-kelengkapan yang tidak begitu mencukupi. Di samping

itu juga, ramai guru kita juga di pedalaman adalah guru-guru yang tidak begitu terlatih dan saya berharap di dalam rancangan kita untuk meninggikan pendidikan di negara kita ini, kemudahan-kemudahan kepada sekolah-sekolah, kepada guru-guru, kepada murid-murid di pedalaman, di kampung-kampung, di luar-luar bandar diambil kira dengan lebih teliti lagi kali ini daripada yang sudah-sudah.

Ini bererti juga, kalaulah sekiranya kemudahan-kemudahan komputer diberi kepada sekolah-sekolah di bandar-bandar, kemudahan-kemudahan serupa juga harus diberi kepada sekolah-sekolah di luar-luar bandar, di pedalaman supaya anak-anak kita di luar-luar bandar yang betul-betul ingin belajar dan meninggikan pendidikan mereka itu akan dapat diberi pertimbangan dan juga kemudahan yang serupa dengan cara kita mengambil kira murid-murid kita, guru-guru kita dan sekolah-sekolah kita di pedalaman dan di luar-luar bandar mungkin barangkali lebih cepat lagi kita dapat menentukan supaya taraf pendidikan kita di seluruh negara akan lebih cepat tercapai untuk memenuhi keperluan dan kehendak Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, tadi ada juga disentuh tentang mengapakah dalam hal untuk membentuk majlis ini, menteri yang berkenaan, Menteri Pendidikan juga diberi kuasa untuk menamatkan perlantikan sebagai ahli terhadap ahli-ahli jika sekiranya ia tidak bersetuju lagi dengan perlantikan ahli itu dan boleh menamatkannya dengan tidak payah lagi untuk memberi sebab-sebab tertentu.

Dalam hal ini, kalau dilihat kebanyakan ahli-ahli yang dilantik di sini memanglah datang daripada pegawai-pegawai kerajaan sendiri dan mereka tentu sekali mungkin tidak menghadapi masalah yang terlibat dengan penamatan dalam Fasal 11 rang undang-undang ini tetapi mungkin terhadap orang-orang daripada pihak swasta. Kalau ini berlaku dan ini mungkin

barangkali akan membantut pemikiran pakar-pakar yang dijemput untuk menghadiri dan dilantik sebagai ahli dan mungkin barangkali tidak bebas untuk memberi buah fikiran pada majlis itu. Mungkin barangkali ini boleh difikirkan semula kerana dalam Fasal 7 sudah pun termasuk hal-hal yang boleh menentukan orang-orang untuk tidak boleh dilantik sebagai ahli dalam majlis ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal untuk membentuk dan membangunkan pendidikan tinggi di dalam negara kita ini dan untuk menyumbangkan buah fikiran mengenai dengan dasar, saya rasa perlu juga kita bangkitkan hal mengenai dengan orang-orang asing tanpa izin yang ada dalam negara kita ini selain daripada orang-orang yang kita namakan refugees kerana ini adalah dua perkara yang tidak sama.

Saya belum nampak lagi ada dasar untuk memastikan apakah bezanya di antara pendidikan orang-orang di negara Malaysia dengan pendidikan orang-orang asing, anak-anak orang asing dan juga orang-orang pelarian. Mungkin barangkali ini perlu diambil kira kerana terutama sekali di negeri Sabah begitu ramai sekali, bukan sahaja pelarian yang dilindungi di bawah kawalan United Nations tetapi juga orang-orang asing yang datang tanpa izin, yang begitu ramai sekali anak-anak mereka. Banyak rakyat Malaysia yang pergi sekolah selain daripada yang pergi berubat di hospital-hospital mengatakan bahawa dalam sekolah-sekolah pun

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, yang berkaitan dengan pelajar asing itu tidak ada kena-mengena dengan akta yang kita bincangkan sekarang. Yang Berhormat ini berkaitan dengan pendidikan tinggi.

Datuk Joseph Pairin Kitingan: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah berkaitan dengan dasar kita dan kerana itu saya sebutlah di sini.

Saya mengharapkan agar ini akan diambil kira kerana kalau majlis ini akan menentukan perancangan dan menentukan dasar dan strategi, saya rasa untuk menghadapi masalah-masalah yang akan timbul di masa yang akan datang, perlu sekali untuk mengambil kira perkara-perkara yang saya telah sentuhkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya sudahi dengan mengatakan saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Machang.

4.20 ptg.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed (Machang): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Semasa memulakan perbahasan tadi, Yang Berhormat Pengerusi Kelab Penyokong-penyokong Kerajaan telah membidas pihak pembangkang, khususnya Parti Melayu Semangat 46 kerana telah terlibat secara langsung membangkitkan persoalan Peraturan Mesyuarat pada petang semalam.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini untuk memperjelaskan kepada Ahli-ahli Dewan yang mulia ini bahawa tidaklah menjadi hasrat kami, sempena tahun baru 1996 ini, untuk mencari suatu publisiti murahan dengan menggunakan Dewan yang mulia ini untuk mencari sesuatu kepentingan politik. Bantahan yang saya buat petang semalam adalah merupakan suatu tindakan yang telah saya kaji, saya fikir dan amati beberapa lama.

Sebenarnya, perkara-perkara yang saya bangkitkan semalam telah banyak kali berlaku dalam Dewan ini. Yang Berhormat Ketua Pembangkang telah membangkitkan persoalan yang sama beberapa kali dan daripada pengalaman saya menjadi Ahli Parlimen masuk tahun keenam, penggal kedua, pernah kita bertemu di mana apabila

seseorang menteri membacakan rang undang-undang bacaan kali yang pertama dan ada untuk bacaan kali yang kedua, rang undang-undang tersebut masih belum lagi dibekalkan.

Saya perhatikan ini banyak kali, bukan kali yang pertama tetapi banyak kali berlaku dalam Dewan ini. Bagi kami dari parti pembangkang, kami mempunyai tugas dan tanggungjawab untuk memperbetulkan keadaan ini dan saya menyanjung tinggi keputusan Tuan Yang di-Pertua yang telah membuat keputusan yang cukup adil, bernas dan menepati kehendak bagi menegakkan kebenaran. Saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Barisan Nasional juga mempunyai pendapat yang sama dengan saya. Sebilangan besar daripada mereka mempunyai pandangan yang sama, tetapi maklumkan sikap burung-burung yang hanya pandai mengangguk tidak mampu untuk menyatakan sesuatu.

Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja persoalan ini, persoalan tanggungjawab - diperhatikan sekarang di dalam Dewan yang mulia ini, kita mempunyai Persidangan Khas Parlimen selama 4 hari untuk membincangkan 2 rang undang-undang iaitu Rang Undang-undang Majlis Pendidikan Tinggi Negara 1996 dan Rang Undang-undang Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996. Ini adalah merupakan suatu perubahan kepada dasar yang sedia ada dalam negara ini. Cuba lihat berapa ramai Menteri Kabinet yang hadir?

Perkara yang sepenting ini, perkara yang cukup penting untuk anak-anak kita, masa depan generasi rakyat Malaysia, berapa orang Menteri Kabinet yang turut sama hadir di dalam Dewan yang mulia ini?

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Parit Sulong bangun.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Nampaknya, Tuan Yang di-Pertua, Pergerakan Pemuda UMNO sendiri lebih berminat untuk membincangkan masalah Rahim Tamby Chik daripada membincangkan masalah pendidikan negara.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat hendak beri jalan atau tidak?

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Saya tidak duduk, maknanya tidak beri lagilah itu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia tidak beri jalan. Minta duduk.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Insya-Allah, Yang Berhormat faham peraturan bukan? Kalau saya tidak duduk itu maknanya saya tidak memberi jalan lagi. Insya-Allah saya akan memberi jalan, jangan bimbang.

Tuan Yang di-Pertua, semalam saya melihat dan memerhatikan sikap yang ditunjukkan oleh Ahli-ahli Parlimen daripada Barisan Nasional. Tadi sikap menteri, sikap parti, UMNO sendiri yang menjadi teras kepada pemerintahan dan Kerajaan Barisan Nasional, Pergerakan Pemuda, Yang Berhormat dari Cenderoh, rakan lama saya tidak-ada dalam Dewan hari ini, nampaknya tidak begitu berminat dengan dua Akta yang ada di hadapan kita. Beliau lebih berminat untuk membincangkan masalah penyerahan jawatan kepada Rahim Tamby Chik daripada dua persidangan ataupun dua perkara yang ada dalam Dewan ini.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat. Yan bangun.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:
Silakan.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:
Terima kasih, mentang-mentanglah hari ini Yang Berhormat Gua Musang datang, dia naik 'kong'.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:
(*Menyampuk*)

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:
Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan. Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa menteri-menteri ini pun bukan depa tidak tahu, benda ini telah dibahas dan dibincangkan dalam Kabinet dan sebagainya. Adakah kehadiran mereka ini begitu penting sedangkan ini telah pun diputuskan dalam Kabinet dan kita Ahli-ahli Barisan Nasional memutuskan dalam pre-council dan Yang Berhormat dari Chenderoh itu dia ada di luar. Jadi, janganlah membuat sangkaan buruk. Adakah Yang Berhormat setuju dengan pandangan saya?

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:
Tuan Yang di-Pertua, ini Parlimen. Saya tidak bercakap mengenai Kabinet, saya tidak bercakap mengenai parti, saya bercakap ini Parlimen tempat membuat undang-undang yang tertinggi dalam negara kita. Kalau Menteri tidak mahu menunjukkan sikap untuk hadir di Parlimen, hanya mahu melakukan kerja dan tidak bertanggungjawab kepada Parlimen buat apa menjadi Perdana Menteri atau menteri-menteri. Inilah letak tanggungjawab sebagai seorang Ahli Parlimen - di sini, di dalam Dewan ini.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:
(*Bangun*)

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:
(*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, ada dua orang yang bangun.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:
Tadi Yang Berhormat Yan juga membangkitkan bahawa saya naik sheikh kerana ada Yang Berhormat dari Gua Musang. Saya ingin menegaskan kepada Yang Berhormat Yan, tidak ada apa yang saya hendak ampukan daripada Yang Berhormat dari Gua Musang. Kalau saya ampu pun saya tidak boleh menjadi menteri, tidak ada apa.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:
(*Bangun*)

Tuan Othman bin Abdul: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ada yang bangun Yang Berhormat, hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Othman bin Abdul:
(*Menyampuk*)

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:
Tunggu dahulu, Yang Berhormat, tunggu dulu Yang Berhormat, saya minta tunggu dulu Yang Berhormat. Dia ini tidak faham Peraturan, Tuan Yang di-Pertua. Dia sudah tidak faham Peraturan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, dia tidak beri jalan, minta duduklah.

Tuan Othman bin Abdul: Saya minta sedikit sahaja, bukan banyak.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:
Dia tidak faham Peraturan, Tuan Yang di-Pertua. Tidak ada apa yang saya hendak ampukan.

Tuan Yang di-Pertua, tadi, semasa membahaskan Rang Undang-undang ini, Yang Berhormat Menteri Pendidikan - juga tidak ada dalam Dewan sekarang, saya memerhatikan dengan baik, telah memberikan 3 jaminan. Jaminan yang pertama, beliau menegaskan kepada

Dewan ini, pertama sekali, bahawa universiti awam yang sedia ada akan tetap kekal dan tidak diswastakan. Kedua, beliau juga memberi jaminan bahawa kenaikan yuran tidak akan berlaku dan walaupun berlaku adalah pada kadar yang minimum. Ketiga, bahawa fungsi MPTN yang akan ditubuhkan melalui rang undang-undang ini akan mempunyai peranan untuk mewujudkan keseimbangan antara kaum di universiti-universiti awam dan universiti-universiti swasta. Itulah 3 jaminan yang saya dapat faham daripada ucapan Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Semasa membahaskan Akta Pendidikan 1995 yang lepas saya pernah menyatakan, sebenarnya kami sudah muak mendengar janji-janji Barisan Nasional. Saya mengulangi sekali lagi dalam Dewan yang mulia ini, pernah saya mendengar jaminan daripada orang yang kedua tertinggi dalam negara ini iaitu Timbalan Perdana Menteri yang pada masa itu menjadi Timbalan Perdana Menteri, iaitu Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Encik Ghafar Baba pada masa itu, minta maaf kerana terpaksa menyebut namanya, berhubung dengan Akta Pengambilan Balik Tanah, di mana beliau memberi jaminan kepada Dewan ini bahawa Barisan Nasional tidak akan menyalahgunakan kuasa, kerajaan Barisan Nasional akan bertanggungjawab. Itu saya telah sebutkan dahulu dan sekarang ini apa jadi? Apa jadi di Negeri Sembilan? Apa jadi di Selangor, apa jadi di Kedah, apa jadi di Perak, di mana Akta ini telah dijadikan alat untuk memperkayakan beberapa golongan tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, sebab itulah kalau Yang Berhormat Menteri memberi jaminan kepada Dewan yang mulia ini bahawa itulah, ini tidak akan memberi apa-apa makna kepada kita Ahli-ahli Dewan ini. Saya boleh menerima jaminan ini jika Yang Berhormat Menteri boleh menjamin bahawa beliau selaku Menteri Pendidikan akan tetap kekal selamanya, tetapi kalau beliau tidak boleh memberi jaminan itu, jaminan daripada

Kerajaan Barisan Nasional susah untuk kita terima.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Parit Sulong bangun lagi.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Sabar dahulu. Tuan Yang di-Pertua, saya kembali kepada Akta ini. Fasal 4 - saya percaya hasrat semua golongan yang terlibat dengan sistem pendidikan di negara ini ialah untuk mewujudkan suatu Majlis Pendidikan Tinggi Negara yang bebas dan berfungsi boleh memainkan peranan tanpa ganggu gugat daripada kerajaan.

Untuk tujuan itu, Tuan Yang di-Pertua, Majlis yang hendak dibentuk mestilah merupakan suatu Majlis yang bebas dan tidak boleh dipengaruhi oleh mana-mana pihak. Susunan komposisi yang diwujudkan di bawah Seksyen 4 ini telah menunjukkan secara langsung bahawa Yang Berhormat Menteri Pendidikan mempunyai pengaruh yang amat besar kepada Majlis yang akan dibentuk sehingga, Tuan Yang di-Pertua, langsung Menteri Pendidikan tidak mempunyai keyakinan kepada kedua-dua Timbalan Menteri Pendidikan. Tidak ada tempat langsung bagi Yang Berhormat dari Jempol dan Yang Berhormat dari Selandar.
(Ketawa)

Lihat Seksyen 4. Barangkali Yang Berhormat Menteri Pendidikan memikirkan Yang Berhormat Jempol tidak cukup kelayakan untuk menjadi Pengerusi.
(Ketawa) Saya tidak faham. Saya fikir begitu.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia bangun, Yang Berhormat.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:
Cuba tengok susunan tempat.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Timbalan Menteri bangun.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:
Cuba fikir. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Hendak beri jalan, Yang Berhormat?

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:
Duduk dahulu. Yang Berhormat. Duduk dahulu.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:
(*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Parit Sulong diminta duduk.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:
Langsung tidak memberi ruang kepada Timbalan Menteri Pendidikan walaupun Yang Berhormat dari Selandar mempunyai kelulusan akademik yang baik kerana Bahasa Malaysianya kurang fasih barangkali. (*Ketawa*)

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:
(*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, Parit Sulong bangun. Yang Berhormat. Ya, Parit Sulong, ada apa Yang Berhormat?

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang ke berapa Yang Berhormat sebut?

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Point of order 36(9). Saya minta jangan sebut apa kelakuan dan sifat Ahli-ahli Parlimen

yang lain sebab sahabat kita. Boleh tambah sedikit?

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:
Tuan Yang di-Pertua, itu pun tidak boleh terima. Itu gurau, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sila teruskan.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:
Apa yang hendak saya nyatakan dalam Peraturan ini, hanya Menteri sahaja yang boleh mempengerusikan dan jika tidak ada Pengerusi, maka Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan. Maknanya Ketua Setiausaha lebih penting daripada dua Timbalan Menteri yang ada dalam Dewan ini. Begitulah hakikatnya.

Tuan Yang di-Pertua, kalau lihat kepada komposisi. Mengikut Fasal 4 ini, ada 14 ahli maksimum yang boleh dilantik daripada 4(a) sampai 4(i), kalau Menteri menggunakan semua kuasanya, beliau boleh melantik seramai 14 orang maksimum.

Cuba kita lihat, Tuan Yang di-Pertua, bagaimana komposisi keahliannya. Daripada 14 orang anggota, hanya 3 orang yang benar-benar terdiri daripada kalangan akademik iaitu 3 orang Naib Canselor. Namun oleh kerana dalam sistem negara kita dan dalam undang-undang yang sedia ada, perlantikan Naib Canselor dibuat atas rekomendasi Menteri Pendidikan, maka dengan kata lain, tidak ada jaminan bahawa Naib Canselor kita mempunyai rekod kecemerlangan akademik yang baik.

Maknanya dengan kata lain, 3 orang Naib Canselor ini pun akan dilantik oleh Menteri juga kerana Naib Canselor itu sendiri dilantik oleh Menteri. Daripada 14 orang anggota, 6 terdiri daripada golongan birokrat. Ini termasuk Menteri, Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan, Ketua Pengarah Pendidikan, Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan,

Ketua Pengarah Perancang Ekonomi dan Peguam Negara. 6 orang ini ialah ahli birokrat. Mereka bukan ahli akademik.

Saya tegaskan sekali lagi, kesemua mereka ini tidak semestinya terdiri daripada ahli-ahli akademik. Seterusnya, 2 orang pegawai eksekutif mana-mana institusi pengajian tinggi swasta juga tidak bermakna mereka ini akan dilantik daripada ahli-ahli akademik. Manakala 3 orang yang dikatakan akan dilantik atas budi bicara Yang Berhormat Menteri juga tidak semestinya terdiri daripada ahli-ahli akademik.

Tuan Yang di-Pertua, kesemuanya ini bermakna tiada dominasi golongan akademik dalam Majlis ini.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Parit Sulong bangun lagi. Hendak beri jalan?

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Nanti dahulu, saya habiskan ayat saya dahulu. Nanti saya habiskan ayat saya. Saya tegaskan sekali lagi, Tuan Yang di-Pertua, ini bermakna tiada dominasi golongan akademik dalam Majlis ini. Oleh itu, matlamat penubuhan Majlis untuk memelihara dan mencapai kecemerlangan akademik tidak mungkin tercapai.

Atas alasan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan:

- (1) Keanggotaan atau komposisi Fasal 4 mestilah dirombak. Pertama sekali, perubahan yang harus dibuat ialah perantikan anggota hendaklah dibuat oleh Ke Bawah Duli Yang Mulia Yang di-Pertuan Agong yang bertanggungjawab secara langsung kepada Majlis ini.
- (2) Komposisi MPTN mestilah dirombak untuk memasukkan 3

golongan berikut menjadi ahli MPTN:

- (i) melantik wakil dari kalangan kesatuan akademik universiti-universiti yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti.
 - (ii) mestilah dimasukkan satu golongan yang akan memberi pendapat dari segi agama Islam kerana mereka dan sistem pendidikan negara kita pun mencerminkan ke arah itu. Oleh yang demikian, golongan atau mereka yang bertaraf ulamak mestilah mempunyai peranan untuk menentukan dasar pendidikan negara melalui MPTN.
- (3) Oleh kerana penubuhan Majlis ini akan melibatkan secara langsung kepada sebilangan besar mereka iaitu golongan pelajar, maka adalah wajar, Tuan Yang di-Pertua, supaya perantikan ahli MPTN mestilah menggambarkan terdapatnya wakil daripada golongan pelajar.

Jika tiga perkara ini diambil kira, saya percaya kebebasan akademik akan wujud dalam negara tetapi jika tiga perkara ini tidak diambil kira, saya percaya ahli MPTN yang akan dibentuk sebenarnya akan mengikut telunjuk Menteri Pendidikan dan kerajaan yang memerintah.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Parit Sulong bangun lagi.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih, Ahli Yang Berhormat dari

Machang. Saya ingin menarik perhatian saudara kepada peruntukan subseksyen 4(i) iaitu yang terakhir sekali, "Tidak lebih dari 3 orang yang kerana pengetahuan dan pengalaman mereka boleh pada pendapat Menteri membantu Majlis".

Tidakkah ini satu clause yang mungkin memberi provision kepada tokoh-tokoh yang saudara maksudkan tadi?

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:

Kalau mengikut Perkara 4(i), Pengerusi Tetap UMNO Cawangan boleh dilantik, Tuan Yang di-Pertua. (*Ketawa*) Tidak, kalau mengikut 4(i). Itu sesiapa sahaja. Yang saya hendak tadi, maksudnya ialah ditentukan golongan mereka ini. Faham? Baca. Saya faham. Jangan hendak mengusik saya, Yang Berhormat Parit Sulong. Saya faham. 4(i) "Tidak lebih dari 3 orang dengan kerana pengetahuan dan pengalaman mereka, boleh pada pendapat Menteri membantu Majlis". Maknanya Pengerusi Tetap UMNO Cawangan boleh dilantik di bawah ini kalau Menteri fikir dia boleh membantu.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:
(*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Parit Sulong bangun lagi, Yang Berhormat.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Terlalu luas. Apa yang saya hendak sebutkan tadi ialah terlalu luas. Cukuplah, Yang Berhormat. Cukuplah. Yang saya hendak, golongan-golongan ini mesti dimasukkan di dalam Akta ini sendiri supaya memastikan bahawa perlantikan yang akan dibuat oleh Menteri nanti akan meliputi kumpulan-kumpulan yang bertanggungjawab secara langsung dengan sistem pendidikan dalam negara kita.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkitkan di bawah Fasal 7:

"7. Orang-orang yang berikut hilang kelayakan untuk dilantik sebagai atau menjadi anggota Majlis:

- (a) Seseorang yang telah disabit atas satu kesalahan - ini pun susah saya hendak pronounce. Kalau mengikut bahasa baku, ia jadi froud. Kalau mengikut istilah Inggeris, sudah jadi fraud. Jadi, yang mana satu? Saya sebut fraud - kecurangan atau keburukan akhlak;
- (b) Seorang yang bankrap; dan
- (c) seseorang yang tidak sempurna akal atau selainnya, tidak berupaya untuk menunaikan kewajibannya....."

Yang saya hendak bangkitkan ialah 7(a). "orang-orang yang berikut hilang kelayakan". Maknanya, mereka - 3 golongan yang disebut di bawah 7(a), (b) dan (c) tidak layak untuk menjadi anggota Majlis:

"(a) Seseorang yang telah disabitkan atas satu kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak."

Ini sahaja, tidak melibatkan orang-orang lain. Ini membataskan kualiti orang-orang yang akan dilantik untuk menjadi ahli-ahli Majlis kerana perkara yang amat penting, kriteria yang pertama, syarat pertama yang mesti diambil kira dalam perlantikan anggota Majlis ialah kecemerlangan akademik dan pengalaman. Inilah syarat yang cukup penting. Mestilah dimasukkan secara jelas di dalam peruntukan ini.

Saya tidak nampak ada satu peruntukan pun yang menggariskan kepada Yang Berhormat Menteri mana-mana golongan orang yang layak menjadi ahli akademik kerana undang-undang ini mentafsirkan secara negatif, orang ini tidak layak. Tidak hendak menyebut mana-mana orang yang layak menjadi ahli Majlis.

Sepatutnya, bagi menjaga integriti dan maruah MPTN yang akan dibentuk, kriteria khusus atau syarat-syarat khusus mestilah dinyatakan dengan jelas supaya hanya mereka yang berkenaan sahaja boleh dilantik menjadi ahli MPTN.

Seterusnya saya membangkitkan Fasal 12. Saya tidak berhajat untuk membaca Fasal 12 ini sehingga 12 kes kerana ianya terlalu panjang. Saya merujuk terus kepada 12(g) iaitu telah disebut bahawa antara fungsi yang boleh dimainkan oleh Majlis ini,

“(g) Untuk menentukan dasar dan menetapkan garis panduan mengenai struktur fee”. (Struktur yuran)

Salah satu fungsi yang akan dimainkan oleh MPTN ialah menentukan struktur yuran yang akan dikenakan. Tadi Yang Berhormat Menteri sudah mengatakan bahawa MPTN ini bertanggungjawab untuk menggubal dasar berhubung dengan universiti awam dan universiti swasta dan tugas atau fungsi Majlis ialah menentukan garis panduan mengenainya. Soalan yang herbangkit ialah, apakah garis panduan yang akan dipakai oleh Majlis untuk menentukan fee bagi dua jenis universiti? Kalau hanya satu skil digubah yang saya berpendapat adalah lebih baik, ianya akan memberi peluang sama rata kepada semua rakyat Malaysia, sama ada untuk memilih melanjutkan pelajaran di institusi pendidikan tinggi awam atau institusi pendidikan swasta jika skil feenya adalah standard.

Tetapi jika skil feenya adalah berlainan, satu skil fee untuk pendidikan tinggi awam dan satu skil fee untuk pendidikan tinggi swasta, tentulah yuran ataupun fee yang akan dikenakan bagi institusi pendidikan swasta akan menjadi lebih tinggi daripada fee yang kena dibayar di universiti awam. Jika ini berlaku, bermakna peluang rakyat Malaysia, terutamanya orang-orang Melayu di luar bandar untuk mendapat

pendidikan di institusi pendidikan tinggi swasta akan menjadi lebih rendah daripada peluang mereka yang berada. Oleh yang demikian, adalah mesti diputuskan sama ada fee yang akan ditetapkan ini akan melibatkan suatu skil fee yang standard untuk kedua-dua jenis universiti ataupun skil fee yang berbeza antara universiti awam dengan universiti swasta.

Saya mengharapkan supaya untuk memberi peluang yang lebih banyak kepada orang-orang Melayu, khususnya di kawasan luar bandar mendapat sistem pendidikan yang terbaik, maka satu skil fee sahaja mestilah diputuskan oleh Majlis ini apabila mereka berfungsi.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin membangkitkan seksyen 13. Seksyen 13 dalam Bahagian III mengenai perkara-perkara am yang diperuntukkan di bawah Rang Undang-undang ini menyebut,

- “(1) Majlis boleh menubuhkan jawatankuasa yang difikirkan patut bagi maksud membantu Majlis melaksanakan fungsinya.
- (2) Sesuatu jawatankuasa hendaklah terdiri daripada apa-apa bilangan orang yang boleh dilantik oleh Majlis daripada kalangan anggotanya.”

Ini yang saya hendak tegaskan, “daripada kalangan anggota”. Majlis, di bawah Peraturan 13 boleh, melantik mana-mana jawatankuasa untuk membantu mereka. Tetapi pembentukan jawatankuasa hanya terbatas kepada anggota-anggota Majlis. Apa maksudnya itu?

Tidak perlu jawatankuasa jika demikian kerana mereka sudah menjadi ahli Majlis. Kalau jawatankuasa yang dibentuk oleh Majlis itu hanya semata-mata terdiri daripada ahli Majlis, tidak perlu lagi ada jawatankuasa di bawah Perkara 13.

Walaupun saya faham di bawah Fasal 13(3):

“Walau apapun peruntukan subseksyen (2), Majlis boleh mengundang mana-mana orang atau wakil mana-mana organisasi untuk menasihati sesuatu jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah subseksyen kecil (1) dalam menjalankan fungsinya.”

Tetapi mereka ini hanya sekadar menjadi saksi. Misalannya, saya beri contoh. Terdapat suatu pembentukan dasar yang serius mengenai yuran pengajian, sebagai contoh. Yuran pengajian dan institusi pengajian tinggi awam dalam negara kita ini. Katakanlah selepas ini Yang Berhormat Menteri membuat suatu skil di bawah MPTN. Skil itu tidak diterima oleh pelajar-pelajar universiti tempatan kerana tinggi, misalannya. Maka Majlis, untuk menyelesaikan masalah ini membentuk satu jawatankuasa untuk menyelesaikan masalah tersebut yang ahlinya terdiri daripada anggota Majlis sendiri.

Adalah lebih baik kalau ahli jawatankuasa itu terdiri daripada mereka yang terlibat atau terkilan secara langsung dengan dasar yang dibentuk. Misalannya kalau perkara yang diterkilankan oleh pelajar ialah masalah yuran pengajian, maka jawatankuasa yang dibentuk oleh Majlis mestilah mempunyai perwakilan pelajar di dalamnya dan perwakilan orang akademik di dalamnya supaya mereka ini dapat merumuskan suatu skel fee yang standard dan tidak membebankan para pelajar. Sebab itulah, saya mencadangkan bahawa Fasal 13 ini, Jawatankuasa Majlis yang akan dibentuk bukan sahaja terdiri daripada ahli Majlis, tetapi mereka yang terkilan secara langsung dengan tindakan yang akan dibuat olehnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya lihat keseluruhan Akta ini, saya tidak nampak sejauh manakah pengaruh MPTN ini ke atas dasar-dasar pendidikan negara yang

akan dibuat. Benar, di bawah Fasal 12 telah disebut, inilah fungsi-fungsinya dan inilah antara fungsi-fungsi yang disebut di bawah Fasal 12. Tetapi sejauh mana dasar-dasar yang digubal oleh Majlis ini akan mengikat kerajaan? Sejauh mana dasar-dasar yang digubal ini menggambarkan kebebasan mereka untuk mengemukakan pendapat kerana tidak disebut di dalam Akta ini sama ada dasar-dasar yang dibentuk melalui Majlis ini wajib diterima oleh kerajaan atau tidak.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya hendak menyentuh ialah perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Balik Pulau tadi. Saya bersetuju, sebab itu bila beliau bercakap, kami menepuk kerana sealiran dengan kami dari aspek itu iaitu terdapat suatu percanggahan tugas akan berlaku di antara para (h) dengan para (i) di bawah Fasal 12.

Sekarang ini kita tahu, setiap universiti ada majlis universitinya tersendiri. Itu dibentuk di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti, ada Lembaga Majlis tersendiri yang sebahagian besar daripada tugasnya ialah untuk menentukan dasar dan juga kurikulum ataupun bentuk-bentuk pengajian dalam universiti berkenaan. Itu di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti.

Di bawah (h) dengan (i) ini pula, terdapat fungsi yang sama yang diberikan kepada majlis. Persoalan yang berbangkit sekarang, katakan lembaga sebuah universiti selepas dikorporatkan, menentukan satu dasar, fee misalannya atau suatu kursus pengajian, sedangkan kursus pengajian yang dibuat oleh MPTN ini berlainan dengan mereka. Siapa yang mempunyai kuasa (authority) sekarang? MPTN atau lembaga universiti berkenaan? Ini perlu diperjelaskan di dalam akta yang sudah dibentuk ini ataupun rang undang-undang yang dicadangkan ini.

Tuan Yang di-Pertua, malangnya rang undang-undang ini sampai kepada saya

pukul 2.30 petang semalam. Kalaulah kesempatan masa diberikan kepada kami, sudah tentu saya akan mencadangkan melalui notis untuk mengemukakan pindaan-pindaan kepada akta ini. Tetapi oleh kerana semalam sahaja kami terima, notis memerlukan 48 jam, maka tentulah cadangan-cadangan pindaan itu tidak dapat kami lakukan.

Oleh yang demikian, atas semangat dan prinsip demokrasi, walaupun tanpa notis, jika Yang Berhormat Menteri mempunyai pendapat atau fikiran bahawa apa yang kami cadangkan tadi boleh dipertimbangkan untuk kebaikan bersama, saya mohon supaya pihak kerajaan menimbang sebaik-baiknya. Kalau itu boleh diterima, saya memberi jaminan kepada Yang Berhormat Menteri, kami akan menyokong pindaan ini. Tetapi kalau itu Yang Berhormat Menteri tidak boleh pertimbangkan, kami minta maaf, kami terpaksa menolak rang pindaan ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sepang,

4.51 ptg.

Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang): Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana memberi kesempatan kepada saya turut serta membahaskan Rang Undang-undang Majlis Pendidikan Tinggi Negara 1996.

Tuan Yang di-Pertua, pembentangan Rang Undang-undang MPTN 1996 yang baru tadi adalah di antara satu perkembangan yang terbaik di dalam usaha kerajaan untuk memantapkan sistem pendidikan negara selaras dengan dasar Falsafah Pendidikan Negara 1987. Saya ingin mengucapkan syabas kepada Yang Berhormat Menteri, Kementerian Pendidikan, Jabatan Peguam Negara dan badan-badan tertentu yang telah bertungkus-lumus untuk menyediakan suatu rang undang-undang yang sebegini

mantap. Walau bagaimanapun, masih terdapat persoalan-persoalan yang perlu penjelasan lanjut dari Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin menyentuh Bahagian II MPTN Fasal 4(g) hingga 4(i) yang menyentuh peruntukan mengenai Keanggotaan Majlis. Isu yang ingin saya sentuh ialah persoalan iaitu apakah kriteria dan prosedur yang ditentukan oleh pihak Yang Berhormat Menteri Pendidikan untuk melantik anggota-anggota MPTN di bawah Fasal 4(g) hingga 4(i) ini? Saya dapati selepas mendalami Rang Undang-undang MPTN ini, tidak ada peruntukan luas yang menyatakan secara jelas akan kriteria dan prosedur pemilihan itu walaupun Fasal 6 hingga 11 ada menyentuh soal-soal tempoh keanggotaan, dasar-dasar yang menyebabkan seorang itu hilang kelayakannya, menjadi anggota dan sebagainya. Namun tidak ada yang menyentuh tentang kriteria dan prosedur pemilihan di bawah Fasal 4(g) hingga 4(i).

Di sini saya merasakan bahawa persoalan kriteria dan prosedur pemilihan ini amatlah penting dititikberatkan kerana merekalah yang bakal menentukan corak dan masa depan pengajian tinggi negara ini sama ada mengikuti lunas Falsafah Pendidikan Negara ataupun tidak.

Oleh itu, saya ingin memohon mencadangkan agar kriteria dan prosedur pemilihan di bawah Fasal 4(g) hingga 4(i) ini ditetapkan dan diperjelaskan lagi oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit tentang Fasal 12 iaitu berkenaan Fungsi Majlis. Secara keseluruhannya, fungsi MPTN yang telah digariskan di bawah Fasal 12 ini adalah yang terbaik dan menepati harapan kita semua agar masa depan pendidikan negara tidak akan lari dari Falsafah Pendidikan Negara, sekaligus memastikan sistem nilai

kemanusiaan (humanisme) dapat dijadikan sebagai tujuan utama pendidikan negara ini. Walau bagaimanapun, Rang Undang-undang MPTN ini di bawah Fasal 12, tidak menyentuh bidang kuasa yang dijalankan oleh MPTN bagi memastikan segala dasar dan strategi pendidikan tinggi negara dapat dilaksanakan secara berkesan tanpa suatu bentuk peruntukan bidang kuasa di bawah MPTN, kita khuatir bahawa institusi pengajian tinggi swasta akan cuba mengelakkan diri dari melaksanakan segala dasar yang telah digubal. Kita tidak mahu suatu hari nanti wujud dua golongan utama intelektual muda negara hasil dari wujudnya dualisme dalam sistem pendidikan negara.

Oleh itu, di sini saya mencadangkan agar diletakkan suatu peruntukan bidang kuasa di bawah Rang Undang-undang MPTN 1996 untuk melaksanakan segala dasar dan strategi pendidikan tinggi negara. Saya juga ingin mencadangkan agar diwujudkan suatu mekanisme bagi MPTN untuk melaksanakan segala bidang kuasa yang diperuntukkan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin menyentuh Fasal 15(1) dan (2) iaitu tentang perjalanan Mesyuarat MPTN. Fasal 15(1) menyatakan:

“Majlis hendaklah bermesyuarat sebagaimana dan apabila dikehendaki berbuat demikian oleh Pengerusi Majlis”.

Fasal 15(2) pula menyatakan:

“Pengerusi dan empat anggota lain Majlis hendaklah menjadi kuorum dalam mana-mana mesyuarat Majlis”.

Apa yang ingin saya utarakan ialah memandangkan peri pentingnya peranan MPTN dalam menentukan hala tuju dan matlamat pendidikan tinggi negara, adalah kurang wajar jika tidak diadakan suatu, dengan izin, regular session (sesi mesyuarat tetap) bagi menganalisa dan

membuat keputusan berkenaan pelaksanaan segala dasar dan strategi yang dirancang. Ini adalah berdasarkan pengalaman negara dalam menangani masalah pendidikan yang senantiasanya memerlukan perhatian serius dari semasa ke semasa. Tanpa adanya suatu regular session, dengan izin, saya merasakan bahawa akan wujud permasalahan-permasalahan tertentu yang akan mengganggu kelancaran pendidikan negara.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin mencadangkan agar ditambah di bawah Fasal 15, suatu peruntukan yang mewajibkan suatu regular session, dengan izin, sama ada secara bulanan atau dwi bulanan di samping peruntukan di bawah Fasal 15(1) yang sedia ada.

Saya juga ingin mencadangkan agar di bawah Fasal 15(2) peruntukan kuorum mesyuarat ditambah kepada separuh ($\frac{1}{2}$) dari keanggotaan majlis dan bukannya lima seperti yang ada sekarang. Ini adalah memandangkan pada hemat saya, segala pandangan dan cadangan MPTN perlu diperdebatkan atau diperbincangkan dengan lebih menyeluruh. Ini kerana segala keputusan yang bakal dibuat akan menentukan bentuk acuan manakah pendidikan tinggi negara kita akan digariskan.

Dengan itu, saya mohon menyokong. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Bukit Mas.

4.58 ptg.

Tuan Michael Lisa Kaya (Bukit Mas): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Majlis Pendidikan Tinggi Negara 1996 yang dibentangkan oleh Menteri Pendidikan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pembentangannya Rang Undang-undang MPTN ini, ia dapat membantu negara kita Malaysia melangkah ke satu tahap di mana kita boleh dikatakan akan maju setanding dengan negara-negara yang lain seperti Amerika Syarikat, United Kingdom dan lain-lain negara di Barat. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, we hope that we can be on par with these developed countries in terms of education. Dengan ini, saya ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Menteri Pendidikan dan seluruh Kabinet atas keprihatinan dan tekanan yang diberi oleh semua pihak terhadap pendidikan di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya negara kita dan rakyat keseluruhan ingin merealisasikan matlamat Wawasan 2020, iaitu supaya Malaysia akan menjadi satu negara yang maju, negara perindustrian, saya rasa tidak ada cara yang lain; hanya melalui perubahan seperti begini di dalam sistem pendidikan negara kita. Perubahan yang besar, perubahan yang bermakna, yang akan membawa manfaat ke seluruh lapisan masyarakat di seluruh negara Malaysia.

Oleh kerana itu, sebagai salah seorang Ahli Parlimen dari Sarawak, sekali lagi saya ingin menegaskan sokongan kita dan mengucapkan berbilang terima kasih kepada kementerian khususnya Menteri Pendidikan oleh kerana, dengan izin, prepared to face all the challenges with the introduction of this Act.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bangkitkan beberapa perkara mengenai rang undang-undang ini khusus di dalam Bahagian II iaitu mengenai Anggota Majlis. Ada beberapa rakan saya telah memberi pandangan mereka dan di sini haruslah saya petikkan apa yang penting iaitu khusus daripada aspek negeri kita di Sarawak.

Di dalam anggota majlis seperti yang dikatakan di Bahagian II seksyen 4 ini

hendaklah terdiri daripada anggota-anggota yang berikut seperti yang dikatakan di sana tetapi saya akan tekankan iaitu di dalam seksyen 4(i), "tidak lebih daripada tiga orang yang kerana pengetahuan dan pengalaman mereka boleh, pada pendapat Menteri, membantu Majlis".

Tuan Yang di-Pertua, di sini memang kena dan tepat pada masanya saya ingin merayu kepada Menteri Pendidikan yang akan menguruskan MPTN ini, kalau boleh saya minta sebagai wakil daripada Sarawak di dalam MPTN ini salah seorang berketurunan kaum Dayak berdiri bersama-sama di dalam MPTN ini. Tujuan saya, Tuan Yang di-Pertua, iaitu oleh kerana di Sarawak, lebih 30%, more than 30%, dengan izin, jumlah penduduk yang sejumlah 1.8 juta terdiri daripada keturunan kaum Dayak yang merangkumi kaum Orang Hulu seperti saya juga dan saya ada keyakinan bahawa Barisan Nasional akan beri pandangan serius terhadap rayuan saya ini.

Mengenai Bahagian II seksyen 12, saya ingin memberi sedikit pandangan juga iaitu ada 11 fungsi MPTN ini, yang penting pertama sekali iaitu, "untuk merancang, membentuk dan menentukan dasar dan strategi kebangsaan bagi perkembangan pendidikan tinggi". Saya berharap dan memohon sekali lagi kepada Menteri Pendidikan dan seluruh ahli MPTN nanti supaya perkembangan pendidikan di negara kita khususnya di seluruh negara dapat diselaraskan dan saya berharap tidak ada segolongan rakyat kita di Malaysia ataupun satu suku kaum di Sarawak atau di Sabah yang ketara sekali mundur dari segi perkembangan pendidikan akan ketinggalan di dalam perkembangan pendidikan negara ini.

Sekali lagi, saya ada keyakinan bahawa Menteri Pendidikan dapat memberi sedikit tekanan terhadap perkara ini oleh kerana masyarakat suku kaum Dayak di Sarawak, saya rasa masih mundur dari segi pendidikan tinggi.

Di dalam seksyen 12 juga iaitu 12(e), "untuk menentukan dasar berhubungan dengan kemasukan pelajar ke institusi pendidikan tinggi". Sekali lagi saya minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, sekiranya saya berhujah ataupun mengutarakan satu pandangan yang sedikit serong; terlalu menekankan kepada Sarawak, mungkin ini juga perlu kita perhatikan iaitu saya menyaran sekali lagi kepada Menteri Pendidikan supaya pengambilan pelajar-pelajar ke institusi pendidikan tinggi dapat mencerminkan kedudukan rakyat yang berbilang kaum di negara kita ini dengan adanya kelulusan Rang Undang-undang MPTN ini nanti dapat membuka peluang yang banyak kepada suku kaum yang masih mundur khususnya kaum bumiputera daripada Sarawak dan Sabah supaya mereka ada peluang untuk melanjutkan pelajaran ke insituti pelajaran tinggi di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai seksyen 16, saya ingin mengambil sedikit perhatian. Seksyen 16 berbunyi demikian:

"Jika mana-mana anggota Majlis mempunyai apa-apa kepentingan benefisial dalam apa-apa perkara yang sedang dipertimbangkan oleh Majlis, dia hendaklah dengan serta-merta mengisytiharkan jenis dan takat kepentingannya dalam perkara itu kepada Pengerusi atau anggota yang mempengerusikan mesyuarat itu dan Majlis hendaklah memutuskan sama ada dia boleh atau tidak mengambil bahagian dalam mesyuarat Majlis apabila perkara itu sedang dipertimbangkan, walau apa pun kepentingannya dalam perkara itu".

Kita sebagai Wakil Rakyat Barisan Nasional memang kita ada keyakinan, harapan besar bahawa kerajaan akan memberi keputusan yang bernas dan wajar, yang dapat mensukacitakan kita semua, tetapi di sini, saya ingin sekali lagi menegaskan kepentingannya seksyen 16

ini supaya ia dapat dilaksanakan seperti atau mengikut apa yang dimaksudkan. Kita kkuatir, Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang kita juga bimbang sedikit. Sebagai segolongan rakyat Malaysia yang duduk di kawasan terpencil, misal kata masyarakat Orang Hulu di Sarawak hanya 60,000 orang sahaja dan saya berharap masyarakat Orang Hulu, oleh kerana mereka tidak dapat duduk di dalam MPTN ini, kita tidak ada keinginan, Tuan Yang di-Pertua, tetapi kita berharap orang yang duduk di dalam MPTN ini betul-betul menjalankan tugas dan sekiranya ada perkara yang ada bersangkutan-paut dengan seksyen 16 ini, saya berharap dan memohon Menteri Pendidikan dapat menjelaskan bahawa ianya dapat dilaksanakan untuk kebaikan rakyat kita semua.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ingin berucap dengan panjang lebar dan akhir sekali, oleh kerana Rang Undang-undang MPTN ini begitu bermakna dan ahli-ahli majlis begitu berkuasa atas perkembangan pendidikan di negara kita, khususnya pada masa yang akan datang dan sebelum saya undur diri ingin merayu ataupun minta jasa baik Menteri hanya dua perkara sahaja, Tuan Yang di-Pertua, iaitu:

- (i) untuk memastikan bahawa dengan kelulusan dan pelaksanaan Rang Undang-undang MPTN ini nanti, maka golongan bumiputera di Sarawak terutama sekali dari kalangan masyarakat Dayak dan Orang Hulu akan diberi hak saksama untuk melanjutkan pengajian mereka di institusi universiti tempatan. Ini banyak makna, Tuan Yang di-Pertua, dari segi pengambilan, pemberian scholarship, subsidi, ini maksud saya di sini; dan
- (ii) untuk memastikan pensyarah-pensyarah di kesemua universiti-universiti tempatan dapat mewakili ataupun dapat mencerminkan ataupun mewakili setiap kaum

yang pelbagai supaya suasana sihat dan progresif bagi proses pembelajaran dapat diwujudkan. Misal kata, sekiranya ada segolongan pensyarah berketurunan kaum Dayak, Iban atau Orang Hulu, sekarang ada orang berkelulusan Ph.D, Tuan Yang di-Pertua, apakah salahnya diberi galakan supaya mereka dapat menjadi pensyarah di universiti-universiti tempatan di Kuala Lumpur? Ini maksud saya.

Akhir sekali, sebagai salah seorang Ahli Parlimen daripada Sarawak, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Menteri Pendidikan oleh kerana pembentangan Rang Undang-undang MPTN ini, walaupun pada hari kelmarin ada sedikit masalah, tetapi saya merasa bangga, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Menteri Pendidikan apabila memulakan ucapan tadi mengatakan, dengan izin, "he apologise". Ini menandakan kita sebagai pemimpin Barisan Nasional betul-betul matang, we are matured, Tuan Yang di-Pertua.

Oleh kerana itu, saya menyokong dan untuk memberi semangat juga, kita juga ada orang dari Sarawak; wartawan dari Sarawak untuk menyokong Menteri Pendidikan daripada kawasan saya di Sarawak pun ada, oleh kerana kepentingan negara yang penting dan kepentingan rakyat jelata dan rakyat biasa. Saya menyokong, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kepong.

5.10 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, pembentangan rang undang-undang ini sekarang dan kelulusan Rang Undang-undang Universiti dan Kolej

Universiti (Pindaan) pada 20hb Disember 1995 merupakan satu usaha untuk memandang ke Amerika. Dahulu kita pandang ke Timur, sekarang kita pandang ke Amerika Syarikat, mungkin satu style yang baru dengan kepimpinan UMNO yang agak berubah sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang Total Quality Management (TQM) dan Continuous Quality Improvement (CQI), dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, sedang hebat dipraktiskan di Amerika Syarikat yang mempunyai lebih 60 juta pelajar dan kira-kira 7 juta orang guru, pentadbir dan kakitangan yang lain dalam pendidikan. Kos setiap tahun adalah lebih RM750 bilion, kalau berbanding dengan Malaysia, kita sangatlah kecil.

Walaupun bagaimanapun, pelbagai faktor telah timbul, kekurangan peruntukan untuk pentadbiran pendidikan, kenaikan kos, bilangan pelajar yang tidak bertambah dengan banyak, anggap kecekapan para graduan yang tidak begitu baik serta sentimen politik pendidikan, TQM dan CQI telah dipraktis di institusi-institusi pengajian tinggi di Amerika Syarikat. Pentadbir-pentadbir pendidikan adalah cenderung kepada galakan-galakan kewangan yang besar dan perhubungan awam yang ditawarkan oleh syarikat-syarikat transnasional, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, Transnasional Corporations (TNCs).

Sistem kredit-kredit cukai dan sistem baucer telah dicadangkan untuk meletakkan IPT dalam pasaran. Adakah ini tujuan Kementerian Pendidikan? Kini kerana pelbagai faktor termasuk masalah pengurusan, masalah kewangan dan penghijrahan cendekiawan, kekurangan tenaga pengajar, konsep pengkorporatan wujud di Malaysia pula.

Saya setuju Tuan Yang di-Pertua, bahawa universiti harus bersifat inovatif bagi menghadapi era perindustrian dan era lepas perindustrian, kerana sebelum

kita sampai ke Wawasan 2020, kita akan menghadapi era lepas perindustrian serta keupayaannya menghadapi letusan ilmu yang deras - letusan ilmu yang deras.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak membantah pengkorporatan ataupun penubuhan Majlis (MPTN), cuma saya mencadangkan supaya kita berhati-hati di dalam pelaksanaan.

Tuan Yang di-Pertua, universiti yang tertua di negara ini Universiti Malaya yang ditubuhkan pada tahun 1962; USM - 1969; UKM - 1970; UPM - 1971; UTM - 1972; UIA - 1983; UUM - 1984 dan UNIMAS dua tahun yang lepas, Universiti Sabah tahun lepakah?

Seorang Ahli: Ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, tahun lepas, tetapi mulai sekarang tidak ada lagi sahaja cuma skeleton staff sahaja nampaknya. Walau bagaimanapun, kalau berbanding dengan universiti-universiti yang lain, seperti Universiti Al-Azhar di Kaherah yang ditubuh pada tahun 970, lebih 1,000 tahun dan Universiti Bologna Italy pada tahun 1100, University of Paris tahun 1100, Universiti Havard tahun 1636 dan seterusnya University of Cambridge, University of Oxford dan University St. Andrews dan Derrem semasa Middle Ages dan kebanyakan universiti seperti University Havard, University of Cambridge dan University of Oxford adalah universiti swasta. Oleh kerana kita sangat mudah boleh disifatkan sebagai peringkat kanak-kanak sahaja, kita mempelajari daripada pengalaman mereka juga, bukan kita hendak laksana kerana Amerika ada TQM, ada penghormatan, kita hendak menyeru Amerika Syarikat. Walau bagaimanapun, bukan yang dibuat oleh Amerika Syarikat, itu semua tidak baik, bahkan juga Wawasan 2020 itu adalah konsep Amerika Syarikat. Amerika memang banyak wawasan, jadi kita mesti mempelajari daripada universiti-universiti yang tertua ini untuk mengetahui apakah masalah yang dialami oleh mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Majlis Pendidikan Negara mestilah dibentuk dengan adil, tanpa segala unsur 'anarkis' dan 'tirani'. Fungsi Majlis ini haruslah memastikan wujudnya tiga peranan utama universiti yang merupakan institusi yang unik dan unggul iaitu "untuk melahirkan golongan para sarjana dan ilmuwan untuk menjalankan penyelidikan bagi mencari ilmu dan kebenaran dan untuk menjadi pemimpin dalam memanfaatkan ilmu bagi pembangunan masyarakat". Ini dari R. F. Farquhar, 1987.

Selain daripada memastikan Majlis adalah benar-benar bersih, cekap dan beramanah, profesionalisme dan pengetahuan luas patutlah sentiasa ditekankan. Saya akan memberi contoh-contoh Yang Berhormat Menteri dapat mengambil perhatian selepas ini.

Di dalam perlantikan ahli-ahli Majlis, faktor-faktor politik parti hendaklah dielakkan kerana faktor-faktor yang seumpama ini boleh menjejaskan pembangunan universiti.

Tuan Yang di-Pertua, setelah Rang Undang-undang Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 1995 diluluskan pada 20hb. Disember tahun lepas, proses pengkorporatan universiti boleh bermula bila rang undang-undang ini menjadi akta kelak. Menurut Yang Berhormat Menteri Pendidikan surat tawaran pengkorporatan dikemuka kepada Universiti Malaya pada 1hb. Januari tahun ini dan proses akan disiapkan pada awal tahun ini juga. Tetapi pada 3hb. Januari beliau mengumumkan pelaksanaannya ditangguhkan sehingga tertubuhnya Majlis; beliau berharap pengkorporatan UM dapat dijayakan tahun ini juga dan universiti-universiti lain, kerana faktor-faktor yang tertentu, Yang Berhormat Menteri terpaksa pelaksanaan pengkorporatan.

Beliau haruslah mengkaji semula mengapa perkara ini telah diumumkan dengan tergopoh-gapah sehingga ahli-

ahli akademi, para pelajar dan orang awam tidak mengetahui apa yang sebenarnya berlaku. Setelah menerima sungutan, runtutan, baik juga beliau menundakan. Saya berharap beliau dapat mengenal pasti faktor-faktor yang menyebabkan penundaan tersebut.

Pada 3hb. Januari, tahun ini, Yang Berhormat Menteri mengatakan pihak pembangkang akan membantah disebabkan masa yang terlalu singkat. Beliau berpendapat kerana rang undang-undang ini adalah rang undang-undang yang baru, maka isi kandungannya tidak dapat diumumkan dengan awal. Rang undang-undang ini hanya dihantar kepada Parlimen seperti disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain dan mengakibatkan Tuan Yang di-Pertua terpaksa menangguhkan Dewan. Alasan pincang yang diberi oleh Ahli Yang Berhormat Menteri tidak dapat diterima, kerana rang undang-undang ini baru. Kerana ianya baru, kita patutlah edarkan lebih awal lagi. Bagi tempoh dan masa yang cukup untuk setiap Ahli, termasuk Kota Tinggi. Mungkin beliau tidak menerima rang undang-undang ini lebih awal - ada di depan sahaja, untuk menyokong Yang Berhormat Menteri Pendidikan sahajalah.

Tuan Yang di-Pertua, menurut rang undang-undang ini peranan utama Majlis adalah untuk merancang, membentuk dan menentukan dasar dan strategi kebangsaan dan menetapkan garis panduan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan pendidikan tinggi di Malaysia. Kita tidak akan menerima Majlis dan pengkorporatan yang menjejaskan standard universiti. Ketiga-tiga utama peranan universiti yang telah saya sebutkan dan peluang para pelajar miskin.

Pendirian ini bukanlah keterlaluan. Kita tidak membantah dengan begitu sahaja. Cuma yang kita berharap apa yang dilakukan tidak akan menjejaskan perkara-perkara yang telah saya sebutkan tadi.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan wajarlah meyakinkan Menteri Dalam Negeri dan Menteri Penerangan, kemunasabahan atau keberpatutan pendirian kami justeru memujuk media massa menyiarkan pendapat kami.

Saya tengok Yang Berhormat Menteri, untuk dia sendiri ada - saya rasa sekarang tiada liputan siaran televisyen. Lampu pun tak ada. (*Disampuk*) Itu tak cukup. Malahan, beliau pergi ke luar untuk buat sidang akhbar, dan banyaklah media massa, pelbagai media massa. Tetapi bagi pihak kami, tak ada peluang langsung!

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:
(*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Batang Lupar bangun, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Batang Lupar. Kalau terlupa mengapa hendak bangun lagi. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua: Hendak beri jalan atau tidak?

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya hendak tanya Yang Berhormat dari Kepong. Menteri di mana-mana pun betul, televisyen atau surat khabar ikut. Jadi, Yang Berhormat setujukah tindakan pembangkang semalam hendak menghentikan persidangan itu untuk cari televisyen punya attention!

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat 'Batang yang terlupa' ini dia hendak membantah keputusan Tuan Yang di-Pertua. Itu tak manislah. Tuan Yang di-Pertua, telah membuat keputusan, apa lagi hendak heboh-hebohkan di sini? Kita terimalah sahaja. (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tak bangun lagi. (*Ketawa*)

Dr. Tan Seng Giaw: Seandainya Yang Berhormat Menteri hendak menghayati erti dan fungsi Majlis serta menjayakan ketiga-tiga peranan utama universiti yang telah saya sebutkan, maka beliau perlulah membuat cadangan yang saya kemukakan tadi untuk memastikan kebebasan maklumat, kebebasan akhbar; liputan persidangan Dewan yang berat sebelah mestilah merosakkan fungsi Majlis dan peranan universiti.

Kementerian Pendidikan hendaklah telus, transparent, boleh diperlihatkan telus, termasuk siaran media yang adil. Tanpa ketelusan seperti ini, matlamat pendidikan tidak akan tercapai. Kita hendak cendekiawan yang banyak, kita hendak pelajar yang pintar. Pada tahun tiga sekolah rendah ia hendak adakan penilaian khas untuk mencungkil pelajar-pelajar pintar. Saya tak tahulah sama ada ini dapat dilaksanakan dengan baik ataupun tidak, kita lihatlah. Walau bagaimanapun, inilah hasrat untuk menjayakan dan menjadikan pendidikan di Malaysia ini yang sangat unggul.

Tuan Yang di-Pertua, universiti-universiti tempatan boleh menampung kira-kira 100.000 pelajar dengan pengambilan lebih kurang 12.000 setahun. Kadangkala bantuan kerajaan adalah 90%. Ini memang tinggi. Kebanyakan pelajar mestilah tahu insaf mengenai hal seperti ini. Saya hendak tolong dia juga. Bagaimanakah kita dapat mengurangkan bantuan ini tanpa menjejaskan para pelajar yang miskin, sementara sistem pengurusan komersil yang dianggap efisien dan lentur, flexible boleh diadakan? Ini memang satu kontradiksi—macam mana kita hendak galakkan pihak universiti dari punca-punca kewangan yang lain secara komersil, bersaing, kompetitif, efisien dan sebagainya, tetapi tanpa keuntungan, non-profit. Itu memang persaingan, komersil, tetapi non-profit, tanpa keuntungan.

Ini memang satu kontradiksi, konsep yang tidak cocok dengan konsep hendak jadikan komersil, kompetitif, tetapi tak payah hendak untung. Macam mana kita dapat dilaksanakan. Bukan saya kata akan gagal, saya cuma menyoalkan bagaimana kita dapat memastikan kejayaannya? Itulah soalnya. Bukan negatif. Ini positif.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum ini perunding-perunding pendidikan telah membuat kajian dan laporan mengenai pengkorporatan universiti mungkin termasuk majlis dan mekanisme untuk membantu para pelajar yang benar-benar miskin serta sistem gaji kakitangan universiti, walaupun kami telah mendesak supaya laporan ini diumumkan, Yang Berhormat Menteri Pendidikan bersikap acuh tak acuh.

Kementeriannya buat kajian, laporan dibentangkan tetapi kita minta laporan ini diumumkan sekurang-kurangnya Ahli-ahli Parlimen dapat memahami apakah rasional, taakulan pengkorporatan. Tetapi buat endah tak endah sahaja. Inilah masalah kekurangan ketelusan dan kuota tinggi pun tak mahu tahulah. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, kita hendak mengetahui sistem gaji kakitangan universiti pengkorporatan, walaupun Yang Berhormat Menteri tadi ada menyebutkan sedikit sebanyak termasuk fees pelajar dan sebagainya, ada memberikan jaminan tetapi sekurang-kurangnya berilah tahu apakah mekanisme untuk membantu para pelajar miskin. Apakah sistem biasiswa yang bakal diadakan ataupun sistem biasiswa yang ada sekarang dikekalkan. Adakah 'means test'—ujian sumber pendapatan akan digunakan untuk para pelajar. Adakah sistem belajar sekarang dan bayar melalui cukai pendapatan kemudian yang merupakan sistem Australia akan dipraktiskan.

Ini telah disebutkan oleh Yang Berhormat beberapa kali di dalam akhbar, televisyen dan radio tetapi setakat ini

tidak ada buat keputusan lagi. 'Means test' dengan sistem Australia, ini pandang ke selatan, daripada utara ke selatan. Ini banyak pandanganlah.

Tuan Yang di-Pertua, melalui majlis ini, kita diberitahu bahawa kerajaan akan terus menjadi pemilik universiti berkorporatan yang berautonomi. Matlamat pengkorporatan universiti adalah untuk mewujudkan sistem pengurusan komersil yang efisien dan lentur, berautonomi, kompetitif dan tidak beruntung. Sebagai pemilik, melalui majlis, kerajaan akan menentukan segala aspek universiti berkorporatan yang boleh mencari pendapatan dari sumber-sumber lain.

Tuan Yang di-Pertua, pendapatan untuk seseorang profesional dari sektor swasta adalah jauh lebih tinggi daripada sektor awam. Pada teorinya dengan pengkorporatan dan kepelbagaian sumber pendapatan, gaji pensyarah dan profesor akan menjadi lebih menarik. Itu kita semua harap. Dengan demikian para ahli akademik tidak akan berhijrah ke sektor swasta atau berhijrah ke seberang laut.

Tuan Yang di-Pertua, pada praktiknya, kita mesti mengkaji dan mencari cara-cara yang cocok dengan Total Quality Management (TQM). Bukan begitu simple.

Tuan Yang di-Pertua, oh! Kerana pendapatan yang rendah mereka berhijrah. Bukan begitu simple, ini merupakan salah satu faktor sahaja, ada banyak faktor yang lain. Penghijrahan cendekiawan, brain drain, sering berlaku di seluruh dunia— ini berlaku tiap-tiap hari. Negara-negara yang mendapat manfaat daripada penghijrahan ini ialah termasuk Amerika Syarikat, Singapura dan Australia khususnya Amerika Syarikat. Terdapat penghijrahan dari Amerika Syarikat, Singapura dan Australia ke lain-lain negara akan tetapi pada keseluruhannya, mereka lebih beruntung kerana lebih banyak

cendekiawan yang pintar berhijrah ke negara-negara seperti Amerika Syarikat dan Singapura.

Di negara ini penghijrahan dari sektor awam ke sektor swasta dan dari negara ini ke negara lain adalah merugikan Malaysia kerana penghijrahan sebaliknya adalah tidak banyak. Ada juga yang balik ke negara ini, bukan tidak ada, memang ada! Saya berharap, Kementerian Pendidikan dapat berhubung menyelaras dengan Kementerian Dalam Negeri supaya memastikan rakyat Malaysia wanita yang berkahwin dengan orang di luar negara, yang berijazah, yang berkualiti, yang berkelayakan tinggi, kalau kita beri mereka peluang untuk menjadi pemastautin tetap ataupun dengan beberapa tahun kemudian diberi kewarganegaraan, maka kita akan menarik lebih banyak cendekiawan-cendekiawan daripada luar negara - apa salahnya?

Di Amerika Syarikat, ia menarik cendekiawan daripada pelbagai etnik. Orang Melayu pun ada, Cina pun ada, Jepun pun ada, Korea pun ada, Eropah dan sebagainya hampir seluruh dunia ada wakil di Amerika Syarikat sekarang. Asalkan mereka pintar, mereka pandai, ada kelayakan yang tinggi, mereka diterima dengan begitu sahaja. Ha, itulah cara!

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang dilakukan oleh kerajaan untuk mengkaji guna tenaga di negara ini termasuk pendatang asing tanpa izin, kerajaan haruslah membuat kajian menyeluruh untuk mendapat tahu faktor-faktor penghijrahan, bilangan yang berhijrah dan cara-cara untuk mengatasinya. Setakat Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar memberi tawaran begitu sahaja - tak mencukupi. Walaupun ada kenyataan demi kenyataan oleh menteri berkenaan mengenai hasrat beberapa orang di luar negara yang hendak kembali ke Malaysia, tetapi bilangan itu tak banyak. Cuma setakat publisitilah, ini Parit Sulong pun

tahu, cuma publisiti sahaja, ataupun menjadi 'parit bongsu' dah sekarang.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan mungkin menyedari bahawa adalah sangat susah untuk melatih, memupuk dan memelihara orang-orang yang benar-benar pintar, cendekiawan yang berkaliber di universiti, susah hendak diperolehi tanpa mengira politik parti. Politik golongan akademik adalah dengan sendirinya juga sangat dahsyat, ada puak-puak mereka ada politik sendiri di dalam akademia - 'politik akademia'. Ini adalah tidak serupa dengan aliran politik sebagai aliran falsafah universiti. Ada perbezaan, Tuan Yang di-Pertua. Terdapat dua aliran falsafah bagi pendidikan tinggi iaitu aliran epistemology dan aliran politik. Aliran epistemology menegaskan bahawa peranan tradisional sebagai institusi yang berusaha mengembangkan ilmu fakta berdasarkan objectivisme dan memainkan peranan membina ahli-ahli sarjana atau para ilmuan.

Aliran politik pula menegaskan bahawa pendidikan tinggi perlu relevan, lentur dan peka dengan aspek fungsi individu dalam penghidupan dan pembangunan masyarakat. Ini kenyataan daripada Sufean Hussin, 1993. Politik golongan akademik adalah berlainan daripada falsafah aliran politik universiti. Mereka mempunyai puak-puak yang tertentu, kadangkala walaupun seseorang itu tidak mempunyai kelayakan, pengalaman dan kaliber yang tinggi berbanding dengan calon yang lain, tetapi oleh kerana faktor-faktor yang tertentu, termasuk kuasa dan pengaruh maka puak calon yang kurang baik dilantik untuk sesuatu jawatan. Saya tidak payah sebutkan nama, cuma saya hendak Yang Berhormat Menteri Pendidikan, di dalam hasrat beliau untuk menjayakan Majlis dan menjayakan pengkorporatan, supaya soal seperti ini diperhatikan.

Ada banyak cara untuk mempertahankan perlantikan seseorang calon, misalnya, prestasi penemuan

seseorang calon boleh ditafsirkan oleh pakar-pakar yang tertentu. Kalau hendak mendapat tafsiran yang baik, carilah pakar yang kurang kritis, kalau hendak mendapat tafsiran yang kurang baik, carilah pakar yang lebih kritis. Ini, kita menghantar dokumen prestasi kepada pakar-pakar tertentu, kalau hendak calon itu hantar kepada pakar yang kurang kritis.

Tuan Yang di-Pertua: Panjang lagi Yang Berhormat?

Dr. Tan Seng Giaw: Memang panjang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, berilah peluang kepada orang lain. Yang Berhormat, ucapan Yang Berhormat itu walaupun baik, tetapi nadanya adalah seperti ucapan untuk mendapatkan suatu Ph.D (*Ketawa*), bukan hendak membincangkan rang undang-undang yang ada di hadapan kita. Perkara yang

Dr. Tan Seng Giaw: Akan pendekkan, walau bagaimanapun, ini satu masalah yang rumit. Majlis untuk mengontrol orang-orang yang pintar. Kalau tidak bersifat Ph.D bagaimana kita dapat mengeluarkan kenyataan?

Tuan Yang di-Pertua: Setahu saya nada untuk tesis Ph.D adalah berlainan dengan nada untuk ucapan dalam Dewan ketika membahaskan suatu rang undang-undang. Sila, sila.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, ya, saya akan memendekkan, tetapi saya ada banyak perkara lagi.

Tuan Yang di-Pertua, bila kita melantik pensyarah dan professor, kita mesti adakan suatu profesionalism. Ini bukan Ph.D, ini cara biasalah.

Pesara pun begitu, oleh kerana kita hendak menarik balik ramai professor, umur bersara 55 tahun adalah sangat muda. Sekurang-kurangnya 65, oleh kerana pada

umur 55 tahun ini adalah umur puncak kebolehan. Tuan Yang di-Pertua sendiri pun tahu kerana Tuan Yang di-Pertua berumur lebih daripada 70 tahun, tetapi begitu kuat, inikan umur 55 tahun bersara dari universiti—mana boleh? Kita mesti meningkatkan umur bersara. Walau bagaimanapun, bila kita melantik profesor, kita mesti membuat dengan baik, misalnya, Dekan Fakulti Undang-undang - sekarang di Universiti Malaya, kepakaran itu di dalam geography dan beliau mendapat ijazah undang-undang dari Universiti London—external degree. Sekarang dia menjadi profesor undang-undang dan seterusnya menjadi Dekan Fakulti Undang-undang, dia sebenarnya lulus di dalam bidang geography. Mungkin dalam fakulti itu diperlukan geography—undang-undang geography. Saya tidak tahu, tetapi bila kita melantik seseorang mestilah buat lantikan yang tepat. Ini mengenai perlantikan bukan Ph.D.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tidakkah patut ucapan Yang Berhormat itu dikhaskan untuk Rang Undang-undang Institusi Pendidikan Tinggi yang satu lagi itu?

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, ya, ada. Ini mengenai Majlis. (*Ketawa*), bukan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta, tidak boleh kita sebutkan di sini, ini Majlis.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, jikalau institusi swasta tidak dihadkan umur 55 tahun.

Dr. Tan Seng Giaw: Oleh kerana ia IPT Awam, saya hendak mendesak supaya Yang Berhormat Menteri Pendidikan yang berwibawa, yang hendak memperbaiki keadaan di universiti kita sekarang.....

Tuan Yang di-Pertua: Bolehkah Yang Berhormat siapkan ucapan Yang Berhormat dalam masa 5 minit lagi?

Dr. Tan Seng Giaw: Untuk 5 minit bolehlah, saya akan.....

Seorang Ahli: Habiskan tesis. Tesis kulit.

Dr. Tan Seng Giaw: Tolong, ini bukan tesis, ini simple sahaja. Macam mana tidak laku pula? Untuk Padang Terap tidak laku tidak apalah, asalkan Yang Berhormat Menteri Pendidikan mengambil perhatian. Juga ada satu profesor di dalam bidang sejarah sekarang sudah dilantik sebagai Pengarah untuk Pusat Sukan. Bingung juga saya mengapa ini dibuat! (*Ketawa*) Pengarah Pusat Sukan, tetapi dia pakar dalam sejarah—tidak payah sebutkan nama.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada banyak lagi perkara, termasuk keperluan untuk menyelenggara tahap dan kualiti pensyarah-pensyarah dan profesor-profesor di seluruh negara ini. Kita mesti tahu di dalam kuliah-kuliah apakah isi kandungan, kualiti syarahan dan sebagainya, ini banyak, tetapi saya tidak ada masa untuk meneliti masalah seperti ini, termasuk di dalam institusi pengajian tinggi (Institute Advance Studies). Saya diberitahu bahawa yang mengajar di dalamnya kadangkala ada elementary staff yang bukan untuk pengajian tinggi (advance) bukan lebih untuk pengajian tinggi (advance studies). Kalau di dalam advance studies, kita mesti mencari bahan-bahan advance, penemuan yang baru dan sebagainya, tetapi saya diberi tahu ada kalanya standard tidak begitu tinggi. Ini masalahnya.

Universiti, memang dengan adanya Majlis dan pengkorporatan kita mesti memperlihatkan penyelidikan yang lebih berkualiti. Di dalam masalah penyelidikan ini, untuk 5 minit saya tidak boleh habis, Tuan Yang di-Pertua. Misalnya, kita mesti galakkan semua, kalau ada kebolehan kita galakkan, beri dia peluang, tetapi sekarang bukan semua yang diberi peluang kerana ada Ketua Jabatan, ada Dekan dan sebagainya, ada orang kanan yang mungkin tidak beri peluang dan ada plagiat pula sekarang, mencedok penemuan-

penemuan orang lain pun ada, dan bagi supervisor Ph.D. bukan bercakap dengan Ph.D - untuk Ph.D dan Master kita mesti cari supervisor yang pakar dalam bidang itu, bukan sebarang orang, tetapi saya nampak kadangkala ini tidak dilakukan. Macam mana kita boleh mewujudkan Ph.D yang berkualiti atau Master yang berkualiti kalau supervisor itu tidak begitu berkualiti di dalam bidang yang khusus. Ini memang masalah.

Tuan Yang di-Pertua, banyak perkara lagi, tetapi oleh kerana saya akur kepada keputusan Tuan Yang di-Pertua, seperti biasa, saya akan menekankan bahawa janganlah kita terlalu gopoh-gapah seperti yang dilakukan oleh Yang Berhormat Menteri, tergesa-gesa, terburu-buru. Tidak payahlah, kita fikir dengan baik, buat perundingan dulu, janganlah kita mewujudkan konsep anarkis ataupun tirani, termasuk tidak memberi peluang untuk akhbar atau media massa dan pihak kami juga ini satu anarkis dan tirkani juga. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Gelang Patah. Nanti sekejap, ada satu Usul.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

5.50 ptg.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan (Tuan Idris bin Jusoh): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.45 malam.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, satu Usul yang mencadangkan:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.45 malam, dikemukakan kepada Majlis untuk diputuskan dan disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.45 malam.

RANG UNDANG-UNDANG MAJLIS PENDIDIKAN TINGGI NEGARA 1996

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Perbahasan disambung semula.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Gelang Patah.

5.51 ptg.

Tuan Chang See Ten (Gelang Patah): Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk membahas Rang Undang-undang Majlis Pendidikan Tinggi Negara 1996.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat mengambil masa berapa lama? 15 minit boleh?

Tuan Chang See Ten: 20 minit boleh?

Tuan Yang di-Pertua: 15 minit, Yang Berhormat. Saya hadkan 15 minit kerana ramai lagi yang hendak berucap.

Tuan Chang See Ten: Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Menteri Pendidikan kerana dapat mengadakan Rang Undang-undang MPTN yang mana saya yakin, kita akan dapat memperluaskan tanggungjawab, fungsi-fungsi Majlis MPTN ini seperti yang terkandung dalam seksyen 12(1)(a) hingga (k) dan ia akan dapat menyelaras pembelajaran pelajar di negara kita ini serta dapat menentukan dasar IPT di negara kita ini yang dapat menjamin kualiti pendidikan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, perkembangan dalam bidang pendidikan negara ini telah menjadi bahan perbincangan yang begitu hangat sejak beberapa bulan kebelakangan ini. Hal demikian ini adalah kerana wujudnya dua sebab yang utama. Yang pertama ialah isu pengkorporatan universiti-universiti tempatan dan yang kedua adalah kerana Menteri Pendidikan kita yang berwibawa yang baru, Yang Berhormat Dato' Seri Najib Tun Razak telah mengamalkan sikap yang begitu liberal dalam menangani segala soal yang berkaitan dengan pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita memperkatakan tentang pengkorporatan universiti tempatan, masyarakat umum sering mengaitkan isu ini dengan yuran pengajian yang akan dikenakan terhadap mahasiswa-mahasiswi manakala majoriti pensyarah pula menghubungkan isu ini dengan gaji yang akan diperolehi, birokrasi pentadbiran yang akan diamalkan, peluang untuk kenaikan pangkat dan seumpamanya.

Kenapakah masyarakat boleh menjadi begitu prihatin terhadap apa yang berlaku di dalam menara gading? Pada pendapat saya, ini adalah disebabkan secara tradisi,

para graduan universiti diberikan status sosial yang lebih tinggi secara relatif dalam masyarakat dan bagi mereka yang mempunyai segulung ijazah dalam tangan, biasanya akan dapat menikmati pelbagai keistimewaan seperti gaji permulaan yang tinggi, peluang kenaikan pangkat yang lebih cerah dan bermacam-macam lagi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masyarakat yang materialistik ini, adalah menjadi sesuatu yang begitu natural iaitu kebanyakan ibu bapa akan mengharapkan supaya anak-anak mereka dapat menjejakkan kaki ke dalam kampus universiti sebagai satu pendekatan berkesan menjamin kecerahan masa depan.

Fikiran sedemikian memanglah benar tetapi jelas terbatas. Saya berharap masyarakat umum, baik ibu bapa, mahasiswa-mahasiswi universiti, para pensyarah dan sesiapa sahaja yang mengambil berat tentang perkembangan pendidikan negara ini dapat menghayati kepentingan pendidikan pada skop yang lebih mikro.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua sedia maklum bahawa Malaysia sedang menuju ke arah pencapaian Wawasan 2020 yang mana pada masa itu, negara kita sepatutnya dapat menjadi sebuah negara perindustrian baru. Justeru itu, sejajar dengan tuntutan zaman sains dan teknologi, perusahaan yang pada masa dahulunya bersifat intensif buruh secara beransur-ansur perlu bertukar menjadi intensif jentera atau dikawal dengan peralatan berkomputer.

Demi mencapai matlamat ini, kita perlu mempertingkatkan kualiti pendidikan di samping memperbanyakkan peluang untuk anak watan menimba ilmu di peringkat yang lebih tinggi. Ini bukan sahaja untuk menjadi negara industri tetapi juga merupakan salah satu faktor yang penting untuk menarik pelaburan asing yang mana kemajuan negara pada masa ini banyak bergantung kepada kegiatan pelaburan dari negara-negara lain.

Tuan Yang di-Pertua, kenaikan yuran pengajian yang merupakan salah satu impak yang dijangkakan berikutan pengkorporatan universiti-universiti tempatan telah menampakkan keprihatinan para pelajar di pusat-pusat pengajian tinggi terutama mereka dari Universiti Malaya baru-baru ini kerana mereka ini sedar bahawa kerajaan memperuntukkan subsidi yang begitu banyak sekali untuk mahasiswa-mahasiswi berbanding dengan yuran pengajian yang mereka bayar sekarang. Sekiranya universiti-universiti dikorporatkan kelak, maka para pelajar tidak lagi dapat menikmati subsidi setinggi yang dinikmati pada masa ini. Mereka akan dibebankan dengan yuran pengajian yang banyak.

Dengan ini, setiap mahasiswa atau mahasiswi perlu sedar bahawa peluang mereka untuk menyempurnakan kursus di universiti tempatan telah menelan perbelanjaan yang lebih banyak daripada masyarakat umum dan mahasiswa-mahasiswi juga perlu menerima hakikat bahawa dengan penerimaan mereka untuk mengikuti kursus di pusat pengajian tinggi, mereka sebenarnya telah diamanahkan untuk memajukan masyarakat setelah kursus tamat dengan mempraktikkan teori-teori yang telah dipelajari untuk manfaat negara dan bangsa.

Tuan Yang di-Pertua, faktor utama yang menghalang pengkorporatan universiti-universiti tempatan, iaitu masalah ketidakmampuan mereka yang berhasrat untuk mengikuti kursus-kursus di universiti-universiti tempatan untuk membayar yuran pengajian yang mungkin melambung beberapa kali ganda kini nampaknya sudah hampir selesai dengan satu cadangan di mana pelajar dibenarkan untuk belajar dahulu dan membayar kemudian.

Saya amat bersetuju dengan cadangan atau pendekatan sedemikian kerana adalah satu realiti di mana ramai pelajar yang berkelayakan untuk memohon

melanjutkan pelajaran ke peringkat pengajian tinggi tidak berani untuk berbuat demikian kerana mengetahui bahawa mereka tidak mampu untuk menjelaskan yuran pengajian beserta bayaran lain yang perlu pada permulaan semester pertama tahun pengajian pertama yang biasanya paling tinggi berbanding semester-semester yang berikutan. Ada juga pelajar lepasan SPM atau STPM yang telah berjaya dalam permohonan untuk kemasukan ke universiti, tetapi terpaksa melepaskan peluang keemasan ini disebabkan kesempitan wang.

Selain daripada itu, tidak kurang juga bilangan mahasiswa dan mahasiswi yang terpaksa berhenti di separuh perjalanan pengajian kerana keluarga mereka tidak lagi sanggup menampung perbelanjaan mereka di universiti dan juga kegagalan untuk mendapatkan pinjaman atau biasiswa. Ini telah menyebabkan ramai pelajar yang pada asalnya mempunyai potensi untuk menjadi ahli teknokrat atau golongan profesional yang amat diperlukan oleh negara kita terhalang daripada menjejakkan kaki ke kampus universiti dan jikalau fenomena sedemikian dibiarkan berlarutan, ia akan mendatangkan kesan negatif terhadap pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian, apabila skim belajar dahulu dan membayar kemudian diperkenalkan dalam sistem pendidikan peringkat tinggi kelak, ini akan membolehkan mereka yang berkelayakan untuk memasuki universiti-universiti tidak akan terkubur cita-cita mereka semata-mata kerana tidak mampu dari segi kewangan. Secara tidak langsung, kemajuan negara akan dapat melangkah dengan lebih stabil dan berkualiti. Tambahan pula, sekiranya universiti-universiti tempatan yang bakal didirikan atau cawangan kepada universiti asing yang akan dibina juga dapat mengimplementasikan skim belajar dahulu dan membayar kemudian dalam sistem pembayaran yuran pengajian. Saya

percaya ini pasti akan meningkatkan kualiti dan juga kuantiti graduan universiti dan seterusnya memperbanyakkan tenaga kerja yang bakal menceburi pelbagai bidang ekonomi demi pembangunan negara yang berterusan lagi berwawasan.

Tuan Yang di-Pertua, pada hakikatnya, peluang pendidikan yang terbuka amatlah perlu, bukan sahaja kepada mereka yang cerdas pandai, tetapi juga penting kepada semua yang bercita-cita untuk meningkatkan ilmu pengetahuan mereka. Di sini, saya ingin memetik satu perenggan ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sempena pelancaran Program Yayasan Pertukaran Fellowship Perdana Menteri di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur pada 14hb Julai 1995 yang lalu untuk dihayati bersama.

Yang Amat Berhormat berkata,

“Pendidikan tidak mungkin boleh menghasilkan manusia yang sama pencapaian dan kebolehan mereka, tetapi perkara yang tidak boleh dinafikan ialah pendidikan dan latihan yang dibuat berulang kali akan meningkatkan pencapaian dan kebolehan mereka yang melalui proses ini.”

Tuan Yang di-Pertua, bertolak dari petikan ucapan tadi, adalah amat ketara bahawa pendidikan memainkan peranan yang mustahak dalam menentukan kecerahan masa depan individu dan seterusnya menentukan maju atau mundurnya sesuatu bangsa serta negara. Oleh yang demikian, cadangan belajar dahulu dan membayar kemudian adalah satu pendekatan yang cukup bijak dan dengan pelaksanaan skim tersebut dalam universiti-universiti tempatan yang bakal dikorporatkan, pendidikan peringkat tinggi tidak akan dijadikan keistimewaan eksklusif untuk golongan yang berada dan seterusnya membantu ke arah pembahagian kekayaan negara yang lebih seimbang.

Tuan Yang di-Pertua, apabila rakyat Malaysia telah mendapat peluang pendidikan di pusat pengajian tinggi yang lebih terbuka tidak lama lagi, orientasi pendidikan tidak patut terhad kepada melahirkan ahli-ahli teknokrat untuk projek-projek pembangunan semasa negara ataupun menyediakan tenaga mahir untuk menarik pelaburan asing semata-mata. Rakyat Malaysia yang berwawasan sepatutnya berani dan bersiap sedia untuk melangkah lebih jauh daripada itu. Malaysia harus pada satu hari nanti mampu menjadi pencipta atau peneraju zaman.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin memetik ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada Majlis Pelancaran Program Pertukaran Fellowship Perdana Menteri yang saya rasa sungguh sangat bermakna dan penuh bererti. Beliau berkata,

‘Rakyat harus mempersiapkan minda untuk mendaki gunung paling tinggi, meneroka laut paling dalam dan mencuba bidang paling asing sekalipun. Dalam konteks pendidikan, jalan meluruskan ilmu adalah tidak berujung. Dengan menyempurnakan kursus-kursus di universiti-universiti sebenarnya bukanlah bermakna seseorang itu telah tamat menuntut ilmu. Ilmu berkembang dengan masa dan ilmu tidak mungkin dapat dikuasai sepenuhnya, tetapi kita perlu mendapatkan ilmu pada diri sendiri setiap masa demi kepentingan diri sendiri, bangsa dan juga negara. Untuk mewujudkan masyarakat moden, kita perlu mengadakan sikap yang terbuka dari segi pendidikan.’

Tuan Yang di-Pertua, pada hakikatnya, tumpuan yang melampau yang diberikan oleh masyarakat umum terhadap kadar peningkatan dan cara pembayaran yuran pengajian dalam isu pengkorporatan universiti-universiti tempatan perlulah diseimbangkan dengan penekanan atau penghayatan matlamat sebenar

pengkorporatan universiti tempatan yang sebenarnya lebih bersifat memudahkan proses pengumpulan dan penyebaran ilmu dengan lebih berkesan.

Saya sangat berharap masyarakat umum dapat memahami bahawa di samping bertujuan mengurangkan beban kewangan pihak kerajaan, pengkorporatan universiti-universiti tempatan juga akan dapat menarik ahli-ahli akademik yang cemerlang untuk berkhidmat sebagai pensyarah melalui penyetaraan gaji tenaga pengajar supaya setanding dengan gaji yang ditawarkan oleh pihak swasta. Dengan kelayakan yang setaraf, melalui pengkorporatan juga, red tape atau birokrasi dalam pentadbiran universiti akan dapat dikurangkan dan dengan tahap liberalisasi yang lebih besar, kerja-kerja penyelidikan akan dapat dirancang dan dilaksanakan berlandaskan nilai-nilai ilmiah yang tinggi yang dengan ini, masyarakat secara keseluruhannya akan dapat menikmati kualiti kerja-kerja penyelidikan yang lebih memuaskan. Di harapkan, lebih ramai warganegara Malaysia akan berminat untuk menjadi penyelidik di pusat-pusat pengajian tinggi yang bakal dikorporatkan.

Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

Tuan Chang See Ten: Hingga akhir. Sedikit sahaja.

Oleh yang demikian, saya harap dengan pengwujudan MPTN ini kita akan dapat satu Majlis Pendidikan Tinggi Negara yang benar-benar bertanggungjawab terhadap perkara yang membabitkan persoalan dasar pendidikan termasuk peruntukan kewangan di institusi pengajian tinggi tempatan termasuk swasta dan mengadakan pengawalan yang baik yang mana akan dapat memberi banyak keuntungan kepada kerajaan kerana ia

akan mengawal penubuhan kolej swasta yang telah tumbuh sebagai cendawan tanpa mengira status pendidikan di negara ini.

Kita harap dengan pengwujudan Majlis Pendidikan Tinggi Negara ini, Malaysia akan mengadakan sistem pendidikan yang bersifat umum untuk membentuk masyarakat moden yang berketrampilan bagi mencapai segala matlamat Wawasan 2020. Sistem pendidikan umum adalah sangat penting untuk negara kita ini untuk melahirkan manusia moden dari segi pemikiran, sikap, orientasi, nilai serta berpegang teguh kepada agama dan budaya sendiri. Pembentukan masyarakat Malaysia moden perlu dilakukan di dalam budaya mereka sendiri dan bukan mengikut budaya luar.

Dengan kata-kata yang demikian, saya menyokong Rang Undang-undang MPTN ini. Sekian. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Batang Lupar.

6.12 ptg.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Batang Lupar): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. 15 minit, insya-Allah cukup. Saya juga, Tuan Yang di-Pertua, mengalu-alu dan memberi tahniah kepada pihak kementerian yang telah menggubalkan rang undang-undang ini. Ini satu langkah lagi kita maju ke hadapan untuk membinakan Dasar Pendidikan Negara untuk memajukan negara Malaysia sebagai pusat pengajian di rantau ini.

Tuan Yang di-Pertua, banyak kita sudah dengar persoalan-persoalan yang telah dibangkitkan, terutama sekali persoalan fungsi-fungsi majlis dan perlantikan-perlantikan majlis. Jadi, oleh kerana saya memang telah berjanji tidak hendak bercakap panjang sangat, kerana saya tidak hendak macam Yang Berhormat dari Kepong, macam baca skrip, tidak belajar pun, jadi saya terus pergi ke peranan Anggota Majlis iaitu dalam Fasal 4.

Saya ingin menyentuh satu perkara sahaja iaitu perlantikan-perlantikan ahli yang mana tadi ada juga disebutkan iaitu kenapa pula Timbalan Menteri tidak dilantik ataupun disebutkan di dalam rang undang-undang ini sebagai wakil kepada Pengerusi kalau Menteri tidak hadir dan kenapa pula dilantik Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan? Sebaliknya ada juga Ahli Yang Berhormat mengatakan kenapa dilantik wakil tetapi sepatutnya menggunakan mereka ini sendiri, tidak boleh diwakil kerana tidak mahu pegawai pangkat rendah mewakili dalam majlis tersebut.

Jadi, ini semua dari pembangkang, Tuan Yang di-Pertua. Saya dapati pendapat dua pembangkang ini bercanggah sesama sendiri. Kebijakan Menteri sebagai Pengerusi Majlis tidak payahlah dipersoalkan.

Tuan Yang di-Pertua, persoalan, "tidak lebih daripada tiga orang yang kerana pengetahuan dan pengalaman mereka boleh, pada pendapat Menteri, membantu Majlis." Jadi, Yang Berhormat dari Machang mengatakan Pengerusi UMNO Bahagian pun boleh dilantik. Tetapi kalau Pengerusi UMNO Bahagian itu profesor ataupun academician, Tuan Yang di-Pertua, saya pandang kenapa pula tidak boleh?

Jadi, kalau kita mempersoalkan perlantikan di bawah perenggan ini, maknanya kita mempertikaikan kebijakan Menteri sebagai seorang pengerusi majlis untuk melantik orang yang boleh memberi pertolongan kepada majlis. Jadi, I don't see, Tuan Yang di-Pertua, reason to complain dalam persoalan ini kerana kebijakan Menteri itu dipertikaikan. Kalau kita hendak katakan dia lantik budak-budak yang tidak tahu hujung pangkal di kaki lima jalan, jadi memang boleh sebagai dasarnya. Tetapi kebijakan Menteri itu tidak boleh dipertikaikan sedemikian.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya percaya Menteri boleh melantik orang yang betul-betul boleh memberi bantuan dan pertolongan kepada majlis dalam menjalankan tugas mereka sebagai caretaker kepada Dasar Pendidikan Negara. Dasar Pendidikan Negara telah kita tetapkan iaitu dalam mukadimah Akta Pendidikan 1995 yang kita baru luluskan, ditentukan Dasar Pendidikan Negara dan majlis ini walaupun berhak menggubal dasar, dasarnya mestilah tertakluk kepada dasar dalam undang-undang yang telah kita luluskan. Jadi, dalam keadaan yang sedemikian, saya tidak pandang yang majlis ini boleh lari sebegitu jauh sangat dalam menggubal dasar dan membuat pertikaian dalam menjalankan tugas mereka dalam majlis.

Tetapi sebagaimana rakan-rakan saya, saya juga dari Sarawak, Tuan Yang di-Pertua, banyak perkara yang berlaku di Sarawak dan Sabah umpamanya yang berlainan sedikit dengan keadaan di Semenanjung, walaupun Dasar Pendidikan Negara itu memang satu, memang patut satu. Tetapi ada perkara-perkara lain yang mungkin berlainan sedikit, ada krisis di Sarawak itu yang mungkin perlu diambil perhatian, yang mungkin majlis tidak pernah tengok. Orang-orang yang duduk dalam majlis itu tidak tahu, mengalami pun dengan terbang menggunakan helikopter di atas sahaja. Jadi, pandangan rapi dan tepat mungkin tidak dapat.

Saya mempunyai banyak pengalaman, Tuan Yang di-Pertua. Masa saya bekerja sebagai polis dulu, saya menduduki sebagai adjutan, cerita ini sebagai misal sahaja. Bila saya kata hendak hantar sebuah keluarga bercuti dari Miri pergi ke Ulu Baram, saya kata berhendakkan wang RM1,500. Jawapan daripada Ibu Pejabat di Bukit Aman mengatakan, menghantarkan orang bercuti dari Perlis ke Johor katanya tidak lebih daripada RM300. "Kenapa you berkehendakkan RM1,500 dari Miri ke Ulu Baram? Padahal tempat itu dekat sahaja". Saya kata, "Tuan

sendirilah datang tengok, kalau tuan boleh datang dengan RM300 - boleh". Jadi, berlandaskan dengan keadaan yang sedemikian, saya memang bersetujuran saya dari Bukit Mas tadi mengatakan Menteri melantik wakil dari Sarawak dan Sabah untuk menduduki majlis ini di bawah perenggan yang akhir ini. Tidak ada lebih daripada itu, Tuan Yang di-Pertua. Itu permintaan saya di bawah perkara perlantikan majlis.

Tuan Yang di-Pertua, ingin juga saya menyebut persoalan-persoalan lain di bawah Fungsi-fungsi Majlis, "merancang, membentuk dan menentukan dasar dan strategi kebangsaan bagi perkembangan pendidikan tinggi." Saya berharap pihak majlis tidak terkeluar daripada dasar yang telah ditetapkan oleh kerajaan, oleh Parlimen ini dalam Rang Undang-undang Pendidikan sendiri iaitu keperluan negara. Walaupun ada Ahli Yang Berhormat menyebutkan jangan menumpukan sangat keperluan industri-industri, keperluan teknokrat-teknokrat, keperluan-keperluan ekonomi yang lain untuk memajukan pendidikan. Tetapi juga memang saya bersetuju keperluan pendidikan, keperluan kebudayaan, ilmiah mestilah ditumpukan juga.

Dengan keadaan yang sedemikian, di samping kita membuat satu pendidikan yang bercorak membentuk dan membangunkan human resources negara ini, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, kita juga menumpukan persoalan research, persoalan ilmiah dan untuk ilmu itu sendiri. Jadi, dengan sendirinya jikalau seorang profesor yang berkemampuan, yang berkebolehan dilantik menjadi pentadbir universiti, pentadbir kolej, hilanglah bakat yang diguna dalam mencari dan menyelidik ilmiah, jadi dengan sendirinya, Tuan Yang di-Pertua, orang yang duduk dalam pentadbiran institusi pendidikan tinggi ini mesti disama pendapatannya ataupun gaji ataupun keuntungannya ataupun apa-apa juga kemudahan, dengan

orang yang membuat research walaupun ada yang satu Vice Chancellor, tetapi yang satu itu very productive researcher, tetapi tidak menduduki kedudukan-kedudukan yang tertentu dalam universiti, Tuan Yang di-Pertua, mestilah diberi amaun ataupun gaji elaun yang berpatutan supaya ia tidak menjadi satu kecaciran cerdik pandai pada masa yang akan datang kerana mereka ini bukanlah menjadi satu bentuk manusia yang lain, mesti dipandang daripada satu struktur universiti itu sendiri, part and partial universiti ataupun pembangunan pendidikan itu sendiri. Pentadbirannya yang cekap dan penyelidik yang bijak pandai.

Dengan keadaan sedemikian, Tuan Yang di-Pertua, barulah kita mengeluarkan satu universiti yang betul-betul total dengan pentadbiran yang cekap, penyelenggaraan dasar yang cekap daripada pihak kerajaan dan dengan penyelidikan yang pandai, yang bijak dan mendapat pemberian ataupun keuntungan yang seimbang daripada pihak-pihak kerajaan ataupun pihak universiti itu yang mana memberi gaji mereka. Jadi, dalam menggubal dasar perlulah kita melihat supaya kenaikan pangkat mestilah mengikut meritnya, tidak mengikut citarasa politik dalam universiti itu sendiri.

Kemasukan universiti, ingin saya sentuhkan juga Tuan Yang di-Pertua, di bawah perenggan berhubung dengan kemasukan pelajar ke institusi pendidikan tinggi. Tadi ada disebutkan, kalau berdasarkan sumber kewangan, fee itu dinaik ataupun bayaran untuk masuk universiti itu naik, maknanya orang yang kaya, orang yang berwang sahaja boleh masuk universiti. Jadi, kadang-kadang, universiti satu tempat pendidikan tinggi ini boleh, you can induc dia punya reputation dan nama, Tuan Yang di-Pertua, dengan nama-nama yang baik.

Macam orang beli Proton Saga dengan orang beli BMW, tidak semestinya orang

BMW lebih selamat daripada yang Proton Saga! Reliability dia. Mungkin yang BMW rosak dahulu tetapi nama BMW telah dicatat lama sebagai nama yang baik-baik, orang kata yang besar mesti naik BMW, yang kaya naik BMW, yang kurang sedikit naik Proton Saga. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, nama universiti yang lama, yang canggih ini mungkin nama baik bukan bermakna kualitinya betul, jadi dengan itu juga kadang-kadang orang kata beli yang mahal itu baik.

Kalau tidak percaya, Tuan Yang di-Pertua, saya pergi ke Amerika beli baju Christian Dior, saya pakai, beli di Amerika. Kalau banding dengan yang dibeli di kedai Globe Silk Store mungkin yang RM19 pun boleh lawan kualitinya. Jadi, ini perbandingan saya sebut, jadi kadang-kadang kalau universiti itu naik harganya mungkin this is a better quality and rich people will go. Jadi, dengan keadaan sedemikian, saya berharap pihak majlis ini menjaga soal kemasukan.

Ada kemungkinan pentadbiran kemasukan pelajar-pelajar ke universiti itu adalah menerusi satu badan yang dicentralise, dengan sendirinya murid-murid daripada luar bandar yang kurang mendapat asuhan daripada awal melainkan pada masa sekarang competitiveness persekolahan dan pendidikan di luar bandar kita telah mencapai sama tahap dengan pendidikan dan asuhan yang diterima di dalam bandar, baru kita melihat keseimbangan ini berlaku, tetapi kalau asuhan ini dan pendidikan awal daripada peringkat satu sampai ke peringkat enam berlainan sedikit, dengan sendirinya kebolehan murid-murid daripada luar bandar masuk universiti pada masa-masa yang akan datang mungkin sedikit berlainan, jadi dengan sendirinya saya berharap pihak kementerian soalan equality ini bukan justice. Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang, equality is not justice, equality ini belum justice. Justice is diskriminasi oleh kerana kemiskinan, diskriminasi oleh kerana keadaan

pembelajaran awal mereka tidak mendapat, tidak ada tuition, tidak ada bayar lebih, mungkin additional tuition diberi oleh ibu bapanya, oleh kerana kemiskinan di luar bandar, itu berlainan sedikit, jadi peluang dan ruang untuk membawa murid-murid yang sedemikian, mungkin mereka daripada luar bandar, mungkin daripada dalam bandar juga yang tidak berpeluang untuk pergi ke tuition diberi peluang yang sama.

Jadi, saya berharap, pihak kementerian, penyelarasan ini walaupun dengan nama centralisation admission kepada universiti ini baik, tetapi ada diskriminasi berlandaskan apa yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh iaitu perkara-perkara menentukan dasar garis panduan mengenai bidang atau kursus pengajian yang diusahakan oleh institusi pengajian tinggi. Ini juga saya menuntut daripada segi pendidikan. Dalam Akta Pendidikan 1995, kita telah mengatakan tiap-tiap sekolah yang mana ada 5 orang murid beragama Islam boleh diberi pendidikan Islam, jadi di sini sama ada kita juga menekankan soalan dalam pendidikan tinggi pengajian Islam. Jadi, soalnya kita mesti melihat keadaan dan perkara-perkara yang berlaku pada negara kita sekarang iaitu kita tidak dapat mengelakkan keciciran atau kemasukan media atau pengaruh-pengaruh luar yang mungkin tidak seimbang dan tidak selaras dengan citarasa dan kemahuan negara, tetapi kemasukannya tetap, Tuan Yang di-Pertua.

Kita tidak dapat elakkan media ini, jadi dalam keadaan sedemikian kita mesti membuatkan satu perancangan dan sistem agar kita boleh mengatasi secara individu dan bermasyarakat mengatasi longgokan dan tentangan daripada pengaruh-pengaruh luar yang tidak dapat kita elakkan. Media kita kena ada, mungkin tidak lama lagi undang-undangan dibuat supaya televisyen kita boleh dapat 25 channels, 26 channels, yang mungkin

kita tidak dapat kontrol benda-benda terpaksa anak-anak kita lihat, mungkin kita buat class ataupun grading tiap-tiap satu program-program dalam TV tetapi kita tidak boleh bendungkan semua ini. Ini dunia yang canggih dalam fibre optic, macam-macamlah benda yang moden, Tuan Yang di-Pertua, computer optic...apa? (*Memandang kepada Ahli Yang Berhormat dari Sibul*)

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Optic fibre.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Optic fibre, benda-benda yang canggih macam ini kita tidak boleh bendungkan, benda ini akan datang. Tetapi, kekuatan semangat dan jiwa kita itu mesti dilatih daripada awal. Di sinilah letaknya, Tuan Yang di-Pertua, di sekolah. Di sekolah, di universiti inilah, sebelum anak-anak kita keluar supaya universiti di negara kita menjadi satu, ini saya sebutkan dulu dalam Akta Pendidikan 1995, saya kata, jangan universiti itu menjadi satu gedung untuk membuat orang menjadi perusuh, penentang kerajaan, bukan kata hendak social engineering manusia tetapi sebaliknya kita hendak mewujudkan warganegara yang betul-betul tulen, warganegara yang tahu.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita baca dalam pendidikan dan masyarakat....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup ya.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Kasihanlah saya, Tuan Yang di-Pertua, saya baru hendak sentuh perkara yang solid tadi sudah habis masa. Jadi, tidak apalah mungkin besok hari saya bincang lagi, sambung yang hari ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Kubang Kerian.

6.29 ptg.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian): Tuan Yang di-Pertua, akta pada hari ini yang bersangkutan-paut dengan Kementerian Pendidikan adalah akta yang ke-3 selepas daripada Akta Pendidikan 1995, pindaan terhadap Akta Universiti kemudian sekarang ini MPTN dan seterusnya besok adalah IPT ataupun penswastan IPT.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pandangan-pandangan yang kita beri, kita bukan menentang batang tubuh Menteri Pendidikan tetapi apa yang kita tentang ialah apa yang tertulis. Kita bimbang dalam Parlimen ini, penyokong-penyokong Barisan Nasional khususnya UMNO banyak memuji Menteri Pendidikan tetapi di luar menjelang pemilihan, merekalah yang sebar surat layang untuk menjatuhkan Menteri Pendidikan sebagai Naib Presiden.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan mesyuarat*)

Ini kita tidak mahu berlaku kerana kita menentang bukan soal batang tubuhnya tetapi apa yang tertulis di sini. Sebab dulu pernah juga berlaku, bila Timbalan Perdana Menteri dahulu membentangkan Akta Tanah dan Pindaan, ramai ahli-ahli BN, UMNO menyokong, tetapi di luar Parlimen, di antara mereka menyebarkan surat-surat layang ketika berlaku pertandingan Timbalan Presiden pada waktu itu. Jadi, menanggung di air keruh atau jernih tidak baik seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita melihat bahawa dalam pindaan akta ini dan empat akta yang dikemukakan adalah menuju matlamat yang satu iaitu untuk komersilaiskan pendidikan. Bila disebut pendidikan ini hendak dikomersilkan, kami daripada PAS amat bimbang, kerana bila sebut komersil ertinya berniaga, bila berniaga maka soal untung-rugi diambil kira. Inilah yang membimbangkan

terutama sekali kita kena akui bahawa kita yang duduk di atas muka bumi ini manusia terdiri dari berbagai-bagai agama dan kaum.

Walaupun kita lihat di Amerika Syarikat kononnya kebebasan diberikan sepenuhnya, tetapi kita semua tahu bahawa di sana golongan 'black' ditindas, sama ada bekerja dengan kerajaan atau pendidikan atau lain-lain lagi kita boleh lihat dalam perbincangan-perbincangan di mahkamah atau pendedahan terbuka daripada pemimpin 'black' Amerika Syarikat.

Adalah zalim mereka yang kuat iaitu golongan 'putih' (white) menindas golongan 'black', tetapi kita di Malaysia ini kalau kita mengambil hak orang yang kaya sedikit untuk diberi kepada orang yang miskin itu bukan menindas, itu kita ambil hak orang kaya beri kepada orang miskin, memang dalam Islam digalakkan, sebab itu dikenakan zakat, sedekah dan lain-lain lagi yang digalakkan oleh Islam. Oleh itu untuk merangka masa depan pendidikan dalam negara kita, perkara-perkara seperti ini amat perlu diambil perhatian.

Kami menentang Akta Pendidikan 1995, kami juga menentang pengkorporatan universiti tempatan kerana kami fikirkan bahawa langkah-langkah yang diambil kira, yang diletakkan komersil semata-mata ianya merbahaya terutama sekali kepada umat Islam dan juga bumiputera di negara ini yang kita lihat ekonomi mereka terkebelakang....

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat....

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: 15 minit, tolong Yan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Yan bangun.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Saya pun demam hari ini, tidak sihat hendak berlawan, tidak sedap. 15 minit sahaja, kalau panjang tidak apalah....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Teruskan.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, bila umat Islam merasa bimbang kebelakangan ini, kita memang rasa bimbang sebab di abad ini kita lihat politik yang digerakkan oleh Amerika dan juga kuasa-kuasa yang lain kita lihat menguntungkan mereka yang bukan Islam. Sudah berapa negeri wujud daripada 'ada', 'tidak ada'. Misalnya wujudnya Israel, wujudnya Singapura dan mutakhir sekali wujudnya Serbia. Buku yang ditulis oleh Richard Nickson 'Victory without War', beliau menggambarkan bahawa masa depan yang akan dihadapi ialah Islam dan juga umat Islam. Kemenangan pilihan raya di Turki misalnya parti Reffa mendahului, yang paling bimbang kemenangan itu ialah 'Shermon Peres' Perdana Menteri Israel. Jadi, perkara-perkara ini perlu kita fikir untuk merangka masa depan dalam negara kita ini terutama sekali dalam keadaan ekonomi yang begitu tidak seimbang.

Kita hendak komersilkan pendidikan, sudah tentu bila dikorporatkan yuran akan naik, yuran sama ada di universiti tempatan milik kerajaan ataupun universiti swasta sudah pasti akan naik. Jangan kita melihat masyarakat dalam Parlimen atau di luar Parlimen di sekitar Lembah Kelang. Kita kena lihat mereka yang berada di Kubang Kerian, yang berada di Yan, yang berada di Larut, yang berada di Tasek Chenderoh, yang berada di Parit Sulong.

Kita tahu tahap ekonomi orang-orang Melayu, orang-orang Islam masih perlu dibimbing, bukan kita cemburu ekonomi orang lain, tetapi kita umat Islam kena

berjaga sebab kita tahu mutakhir ini pemusatan untuk memukul umat Islam begitu ketara sekali. China mahu tidak mahu akan muncul sebagai sebuah kuasa besar di rantau ini.

Kita lihat misalnya sekarang ini oversea Chinese membuat persidangan demi persidangan untuk membawa modal yang begitu banyak ke negeri China. China akan menjadi 'giant' ekonomi pada masa akan datang, sedangkan Amerika sedang menghadapi masalah. Oversea Chinese tiap-tiap tahun mengadakan sidang mereka. Tahun 1994 diadakan di Manila, tahun ini di Bangkok dan mungkin tahun-tahun lain di Malaysia. Sekarang ini mereka dapat pula pendidikan dibuka dengan luas untuk mereka bertapak dan mengembangkan keadaan ini di Malaysia. Oleh itu, saya sebagai orang Islam dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat, kita berasa sangsi dan kita kena mengambil langkah-langkah untuk memantapkan kedudukan kita supaya keharmonian akan terus berlaku dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, MPTN ini kita lihat dari segi komposisinya, kita lihat menteri, 5 pegawai kerajaan, 3 yang dilantik oleh menteri. Ertinya mereka berjumlah 9 orang, 5 pegawai kerajaan, 3 dilantik oleh menteri. Pegawai kerajaan mereka bukan pembuat dasar, mereka selalunya ikut apa yang dikehendaki oleh menteri. Menteri sudah tentulah ia akan bercakap dan bertindak mengikut kehendak partinya, buat masa sekarang ialah UMNO, lain kali mungkin MCA menjadi Menteri Pendidikan, tetapi sekarang dia bercakap bagi pihak UMNO. Oleh itu kita lihat yang berkuasa di sini sepenuhnya ialah menteri, pegawai-pegawai kerajaan memang dilatih oleh INTAN dan daripada awal lagi mereka bukan dilatih membuat dasar, mereka dilatih untuk patuh kepada dasar. Sejauh mana kewibawaan mereka untuk memberi pandangan-pandangan di peringkat dasar terutama sekali dalam mengimbangi kedudukan kaum dan kedudukan agama

supaya keharmonian itu terjamin sampai bila-bila.

Kita tidak mahu perang dan Allah S.W.T. memberitahu bahawa Islam membenci peperangan, tetapi perang itu wajib ke atas kamu, tanyalah orang Bosnia mereka tidak mahu perang, tetapi perang itu datang kepada mereka. Tanyalah orang Palestine, mereka tidak mahu perang, tetapi perang itu datang juga kepada mereka. Kita tidak mahu perang, kita mahu aman dan damai, sebab itu rangkalah strategi supaya keamanan ini dapat dipertahankan.

Kemudian kita lihat selepas perkara 4 ialah perkara 12, kita lihat (e) iaitu, "untuk menentukan dasar berhubungan dengan kemasukan pelajar ke institusi pendidikan tinggi". Adakah pihak MPTN ini sampai ke peringkat berani membuat kuota untuk institut pengajian tinggi swasta? Kalau buat swasta, jika dikuotakan, mampukah orang-orang miskin yang cerdik masuk ke institut pengajian seperti ini? Misalnya kita lihat prasekolah yang diadakan di Damansara secara swasta yurannya RM4.000 setahun, sebuah sekolah yang ada hubungan berkembar dengan Boston yurannya RM10.000 setahun, mereka yang menghantar anak ke sekolah itu, kita lihat di waktu petang mereka mengambil anak adalah mereka yang memandu kereta BMW, Mercedes, Volvo dan orang-orang kaya elit Melayu dan juga elit Cina, mereka ini mampu masuk ke sekolah-sekolah itu.

Jadi, kalaulah kita meletakkan kuota misalnya Menteri Pendidikan mengatakan bahawa universiti swasta diletakkan kuota, diletakkan 40% bumiputera misalnya, tetapi dengan yuran yang begitu meningkat, mampukah orang Melayu atau orang India daripada estet masuk ke universiti atau kolej seperti itu? Mahu tidak mahu mereka tidak mampu masuk, maka kuota itu dibuka kepada orang yang mampu. Ini kita telah lihat berlaku kepada perumahan di mana membuat rumah

dengan harga RM200,000, 6 bulan diberi tempoh kepada bumiputera untuk beli, 6 bulan tidak boleh beli kuota itu dijual kepada bukan Melayu kerana orang Melayu tidak mampu memenuhi kuota tersebut. Inilah yang kita bimbang kalau kuota ditekankan, sedangkan kemampuan itu tidak ada. Begitu juga, 'untuk menentukan dasar dan menetapkan garis panduan struktur fee', perkara (g) tersebut. Inilah yang kita bimbang yang kita rasa bahawa di Malaysia ini belum tiba masanya untuk diswastakan pendidikan kerana masalah sosio-ekonomi tadi.

Begitulah juga pengkorporatan universiti sepatutnya tidak diadakan lagi kerana kita tahu bahawa tahap pencapaian terutama sekali bumiputera masih jauh ketinggalan. Kita juga lihat dalam Parlimen ini ghairah untuk bercakap dan menyokong Akta Pendidikan, dahulu adalah MCA, hari ini kita lihat MCA tidak berapa rebut kerana telah berpinda Akta Pendidikan itu adalah sebagai ibu, yang lain-lain ini sudah tentu akan diluluskan. Jadi mereka yang mewakili orang-orang kaya ini berasa gembira sekali dengan sikap liberalisasi UMNO sekarang ini.

Kami merayu kepada UMNO kerana merekalah yang memerintah sekarang, bukan kami—buat masa sekarang mereka yang memerintah. Jadi sebarang dasar yang dikemukakan yang boleh merugikan bangsa dan boleh mencetuskan satu perkara yang tidak baik kita tidak ingini, kita kena renung balik keadaan masyarakat kita di kampung-kampung, bukan kita renung masyarakat kita yang ada di Lembah Kelang ini.

Kita bimbang Akta Pendidikan dan pengkorporatan universiti ini akan balikkan kita seperti di zaman sebelum merdeka dahulu, di mana British kita lihat mendirikan sekolah-sekolah elit yang mampu dimasukki oleh orang-orang Melayu yang kaya, kemudian orang-orang Melayu pula terpaksa menyelamatkan diri mereka di pondok-pondok, daripada

pondok-pondok itu mereka melanjutkan pelajaran ke India, ke Mesir dan sebagainya.

Kita bimbang keadaan ini akan berlaku pula entah tahun 2000 nanti, di mana yuran-yuran di institusi pengajian tinggi swasta begitu tinggi dan juga universiti tempatan dikorporatkan, biasiswa semakin kurang kerana kerajaan mengaku bahawa tak ada cukup wang untuk memberi biasiswa sepenuhnya, maka pelajar-pelajar Melayu bumiputera akan melarikan diri ke luar negeri untuk pergi misalnya ke Indonesia atau ke Pakistan atau ke Jordan atau ke Mesir. Maka kita lihat Akta Pendidikan ini tujuannya untuk membentuk masyarakat yang bersatu padu, akhirnya dapat melahirkan pula dua polar aliran pendidikan pada masa yang datang, maka akan wujud penentangan dalam masyarakat dan seterusnya membawa keadaan yang tidak baik dalam negara.

Tuan Yang di-Pertua, kita lihat pula di sini MPTN ini diwujudkan dengan sebegini rupa di mana Menteri Pendidikan berkuasa penuh. Pegawai kerajaan tidak boleh membuat dasar menjadi anggota terbanyak, iaitu lima orang, tiga orang yang dilantik. Baru-baru ini pula, dalam Akta Universiti kita lihat pula bagaimana Senat Universiti dipinda dengan begitu dahsyat sekali, dengan kuasa universiti sekarang tinggal 20 orang. Dahulunya di universiti misalnya mereka yang bertaraf profesor semuanya boleh duduk di dalam Senat Universiti. Bila ramai duduk dalam Senat, maka banyaklah pandangan boleh diberi.

Misalnya di Universiti Malaya baru-baru ini, ada pandangan supaya Universiti Malaya mengadakan pelajar bertaraf ijazah sukan dan juga perhotelan. Menjadi perdebatan dalam Senat di antara Profesor Khoo Kay Kim dengan Profesor Jomo Sundram. Profesor Jomo memberi pandangan-pandangan bahawa sukan dan juga perhotelan bukan perlu duduk di

tahap universiti. Ia sebagai satu profesional dan ia perlu duduk di tahap kolej. Profesor Khoo Kay Kim mempertahankan hujah-hujahnya. Ini bila profesor duduk dalam Senat, mereka boleh beri pandangan-pandangan yang begitu rupa, maka hiduplah Senat itu. Maka bila universiti menentukan satu kursus itu hendak diteruskan, ia dibincangkan semasak-masaknya di peringkat universiti. Tetapi sekarang kita lihat di universiti perkara itu sudah tidak ada. Profesor tidak lagi duduk dalam Senat. Ini bermakna daripada MPTN, universiti dan sebagainya, sudah menjadi 'one man control,' iaitu Menteri Pendidikan. Ini yang merisaukan kita.

Begitulah juga pada masa yang akan datang, misalnya kita dengar ura-ura bahawa bahasa Tionghua juga pengajiannya akan dihapuskan di Universiti Malaya, kerana didapati bahawa pelajar itu tidak untung di sudut komersil. Ada juga hujah mengatakan yang mana lebih tidak untung, pelajaran bahasa Tionghua atau bahasa Arab, kerana bahasa Arab bukan bahasa pemakaian di Malaysia. Maka bila dihujah begitu, nampaknya bahasa Tionghua lebih komersil, mungkin bahasa Tionghua mungkin diteruskan, tetapi bahasa Arab akan terhapus. Ini bila paksa pendidikan itu diletakkan sebagai motif keuntungan semata-mata.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sila gulung.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, oleh itu, kita haraplah, kami merayu sebagai pembangkang yang mewakili sebahagian daripada rakyat dan memerintah sebuah negeri, janganlah kita bercakap soal ini di sudut soal perkauman, tetapi kita lihat di sudut realiti yang ada di Malaysia, terutama sekali orang-orang bumiputera, khasnya orang Islam, mereka ketinggalan dalam segala bidang, janganlah kita jadikan bidang pendidikan ini bidang komersil, iaitu kita hendak beri pertandingan bebas dalam bidang pendidikan, sedang orang-orang Melayu,

orang Islam jauh tidak mampu. Kita bimbang kalau keadaan ini diteruskan dengan tanpa tolak ansur, maka kita lihat pula pemimpin UMNO dikuasai oleh korporat.

Kita lihat menteri yang kuat boleh mempertahankan hujah yang dahulunya, Akta yang sama, kita ada Menteri Pendidikan seperti Tun Razak, kita ada Menteri seperti Rahman Talib, kita ada seperti Rahman Yaakub, alhamdulillah ia berjalan dengan baik. Tetapi bagaimana zaman Khir Johari. Itu Akta yang sama, Menteri Pendidikan yang lemah. Tambahan pula Akta yang begini hebat kuasanya kepada Menteri Pendidikan, kalau dapat kepada Menteri Pendidikan yang lemah segala-galanya boleh berlaku dan ianya akan memberi lebih merbahaya kepada Malaysia pada masa yang akan datang. Sekian.

6.45 ptg.

Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Barisan Nasional amnya dan Kementerian Pendidikan diketuai oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan kerana membentangkan satu Rang Undang-undang MPTN 1996 telah membuka satu era yang baru untuk membangun pendidikan tinggi di negara kita, khasnya semasa negara kita sedang menuju ke arah mencapai Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap Rang Undang-undang MPTN 1996 akan melepaskan pembangunan pendidikan tinggi di negara kita daripada excessive bureaucracy, dengan izin, dan membuka pintu atau memberi peluang kepada pakar pendidikan untuk meneruskan pendidikan tinggi di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kejayaan atau kegagalan sistem pendidikan tinggi di negara kita ialah satu faktor yang paling penting untuk meneruskan kemajuan pembangunan negara kita di dalam era

depan yang berteknologi tinggi dan era maklumat elektronik. Tanpa cukup tenaga mahir negara kita akan gagal di dalam pertandingan antara negara-negara seluruh dunia di abad ke-21.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah seksyen 12, iaitu fungsi MPTN adalah 11 bahagian yang begitu luas dan komprehensif. Saya ingin merujuk seksyen 12(1)(f) tentang dasar dan garis panduan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan struktur gaji dan sistem pengurusan kakitangan universiti dan kolej universiti yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1991. Soalan saya ialah sama ada perkara tersebut akan berdiri sendiri daripada JPA.

Tuan Yang di-Pertua, saya bertanya soalan itu di atas satu situasi realistik kerana sekarang semasa universiti dan kolej universiti awam di negara kita terus gagal untuk menghalang kakitangan-kakitangan ditarik oleh korporat swasta atas kekurangan gaji dan insentif tertentu. Kerana itu saya ingin mencadangkan MPTN perlu ada hak penuh untuk memberi garis panduan tentang perkara tersebut supaya universiti-universiti dan kolej universiti akan berganding dengan korporat swasta dengan sama footing, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, tentang aktiviti-aktiviti perniagaan diwujudkan di universiti-universiti dan kolej universiti di bawah seksyen 12(1)(j), saya harap MPTN perlu memastikan supaya konsentrasi daripada profesor-profesor dan lecturer-lecturer, dengan izin, mesti kepada akademik dan taraf pendidikan perlu diutamakan. Rather than making profit at the expense of educational standard, dengan izin.

Saya ingin merayu kepada Menteri Pendidikan fungsi MPTN akan menghasilkan satu tujuan pendidikan tinggi untuk semua dengan ongkos cukup murah untuk semua, khasnya golongan miskin.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah seksyen 4, MPTN hendaklah terdiri daripada 14 anggota diketuai oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Daripada 14 anggota itu hanya dua pegawai eksekutif mana-mana institusi pendidikan tinggi swasta dan tiga orang yang kerana pengetahuan dan pengalaman mereka boleh pada pendapat menteri membantu majlis.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu garis panduan MPTN akan menggunakan sistem apa untuk memberi lima orang tersebut supaya mereka benar-benar mampu membantu MPTN untuk merealisasikan tujuan fungsi itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan penuh pandangan rakan-rakan saya dari Bukit Mas dan Batang Lupar, Ahli MPTN perlu ada wakil dari Sabah dan Sarawak supaya kefahaman situasi seluruh negara termasuk Sarawak oleh Ahli-ahli MPTN untuk menentukan Dasar Pendidikan Tinggi Negara yang complete dan comprehensive, dengan izin.

Dengan pandangan saya tersebut, saya memohon menyokong Rang Undang-undang Majlis Pendidikan Tinggi Negara 1996.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Senai.

6.52 ptg.

Tuan Lim Si Cheng (Senai): Tuan Yang di-Pertua, terima kasih ingin saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang untuk saya mengambil bahagian dalam perbahasan ini.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita berhasrat supaya mencapai sebuah negara yang bertaraf perindustrian sepenuhnya pada tahun 2020. Dengan itu struktur pengeluaran kita dijangka akan maju secara progresif ke arah aktiviti-aktiviti yang bernilai tambahan dan kemahiran

yang lebih tinggi. Pengeluaran yang lebih mendalam dan teknologi yang lebih intensif, kemajuan yang berkualiti ini tentu memerlukan kemahiran teknikal, kemampuan pengurusan dan pengusahaan serta kemajuan teknologi yang penggunaan modal maju yang bertaraf tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha kita menghadapi cabaran itu dan seterusnya mencapai matlamat kita, faktor yang terpenting dalam menentukan kejayaan kita adalah pendidikan. Kita mesti mempunyai satu sistem pendidikan yang teratur dan terancang yang menyediakan kita dalam menghadapi cabaran tersebut. Dengan itu saya menyokong rang undang-undang ini dengan sepenuhnya yang merupakan langkah pertama dalam usaha kita demi mencapai matlamat kita.

Saya berpendapat bahawa rang undang-undang dibentangkan pada masa yang amat tepat sekali memandangkan pindaan kepada Akta Pendidikan dan cadangan mengkorporatkan institusi pendidikan tinggi kebelakangan ini. Fasal 12(1)(i) dalam rang undang-undang ini menyatakan bahawa MPTN akan menentukan dasar dan menetapkan garis panduan mengenai perjalanan apa-apa kursus pengajian atau program latihan oleh institusi pendidikan tinggi bersama-sama, secara bergabung, secara usaha sama atau selainnya dengan mana-mana universiti atau institusi pendidikan tinggi atau institusi pendidikan atau organisasi lain di dalam atau di luar Malaysia.

Sejak kita mencapai kemerdekaan, kita masih kekurangan polisi-polisi mengenai kemajuan sumber manusia. Dengan itu kita tidak dapat menguasai teknologi maju dengan sepenuhnya dan seterusnya kurang bersedia menghadapi cabaran pada masa hadapan.

Menurut satu pengajian bahawa secara keseluruhan, kami amat memerlukan kemahiran dari semua sektor terutamanya

dalam bidang kejuruteraan, lebih-lebih teknikal dan kemahiran. Dalam keadaan sedemikian, kami perlu mengurangkan jurang pada taraf profesional dan teknikal jika kami masih berhasrat mengarah industri yang berteknologi tinggi.

Misalnya, negara kita memerlukan jurutera komputer, jurutera perindustrian dan jurutera pengeluaran dan jurutera lakaran untuk memodenkan proses pembangunan pembuatan penyenggaraan.

Adalah dijangka bahawa tahun 2020 negara kita hanya mempunyai nisbah 2,560 orang jurutera bagi setiap sejuta penduduk. Nisbah ini adalah amat rendah jika dibandingkan dengan negara lain, misalnya Singapura telah mencapai nisbah 14,300 orang jurutera bagi setiap sejuta penduduk pada tahun 1980. Hong Kong pula telah mencapai nisbah sebanyak 26,500 bagi setiap sejuta penduduk bagi tahun 1986.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat gembira dengan rang undang-undang ini yang membenarkan universiti asing membuka cawangan di negara kita dan institusi pendidikan tinggi swasta bertaraf universiti dibenarkan ditubuhkan. Dilihat dalam kerangka Wawasan 2020 yang ditafsirkan sebagai cita-cita melahirkan sebuah masyarakat perindustrian maka unsur liberalisasi, keefisienan pulangan kewangan dan manfaat dalam bentuk pengetahuan, teknik merupakan unsur-unsur yang amat penting dalam sistem pendidikan moden yang dapat menghasilkan sumber tenaga tersebut.

Saya berdoa dengan kuasa Fasal 12(1)(i) yang diberi kepada majlis itu, majlis itu akan menyelaraskan rancangan sumber manusia dan rancangan ekonomi serta mengurangkan dan menyelesaikan masalah yang tersebut. Ini akan menyediakan negara kita, rakyat Malaysia dalam menghadapi cabaran-cabaran yang selanjutnya dalam abad ke-21.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 12(1)(d) dalam rang undang-undang ini memperuntukkan majlis itu kuasa untuk menentukan dasar dan menetapkan kriteria bagi peruntukan wang kepada institusi pendidikan tinggi. Pihak awam berasa bimbang terhadap pelaksanaan pengkorporatan institusi pendidikan tinggi yang akan mengakibatkan golongan miskin tidak dapat meneruskan pelajaran mereka di taraf pendidikan tinggi. Kebimbangan ini bukan kekurangan asas. Dengan pengkorporatan institusi pendidikan tinggi dijangka akan meningkatkan yuran, walaupun terdapat segelintir golongan yang berpendapat bahawa kerajaan masih memberi subsidi yang tinggi kepada yuran yang ditingkatkan itu.

Kami sebagai Wakil Rakyat yang bertanggungjawab berhubung kewajipan kepada negara kita supaya memastikan bahawa pendidikan kita adalah saksama dan senang diperolehi.

Saya ingin menggesa Majlis itu supaya suatu skim biasiswa yang berasaskan prinsip saksama dan senang diperolehi untuk memberi bantuan kewangan kepada golongan miskin dalam proses pengkorporatan institusi pendidikan tinggi. Sebagai alternatif, kami boleh menggunakan skim yang telah dilaksanakan dengan berjaya di negara-negara lain seperti Australia, kerajaan akan memberi pinjaman kepada pelajar-pelajar yang memerlukan bantuan kewangan dan pinjaman tersebut hanya akan dibiayai oleh pelajar-pelajar dalam bentuk cukai semasa mereka bekerja kelak.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong pengkorporatan universiti asalkan bantuan kewangan yang mencukupi adalah diberikan kepada mereka yang memerlukannya. Proses pengkorporatan melibatkan pengurusan kewangan pihak yang bertanggungjawab iaitu oleh pihak institusi pendidikan tinggi. Rang undang-undang ini telah memberi peruntukan terhadap masalah tersebut.

Fasal 12(f) dalam rang undang-undang ini menyatakan bahawa Majlis itu akan menentukan dasar dan menetapkan garis panduan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan struktur gaji dan sistem pengurusan kakitangan Universiti dan Kolej Universiti yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971. Saya mencadangkan supaya seminar, kursus dan skim latihan patut dijalankan untuk pegawai-pegawai institusi, tambahan pula kerajaan patut menyemak dan mengaudit sistem dan penyata kewangan institusi pendidikan tinggi dari masa ke semasa. Pengkorporatan, bermakna kerajaan akan mempunyai tawaran yang berkurangan terhadap institusi pendidikan tinggi, dengan itu MPTN patut membantu Kementerian Pendidikan bertindak dengan secara merancang dengan progresif supaya peruntukan sumber adalah mengikut keperluan dan hasrat negara.

Pengkorporatan dan deregulasi institusi-institusi pendidikan tinggi bukan bermakna institusi boleh menetapkan yuran yang terlampau tinggi. Pendidikan bukan sebarang komoditi yang harganya akan ditentukan oleh kuasa pasaran sahaja. Saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas di atas ucapan yang telah di bentangkan oleh Menteri Pendidikan petang tadi, iaitu Majlis akan bertanggungjawab bagi mengawal secara ketat struktur yuran yang akan ditetapkan oleh institusi supaya mengelakkan sebarang penyalahgunaan kuasa oleh institusi.

Tuan Yang di-Pertua, MPTN itu merupakan satu forum di mana perkara-perkara mengenai pendidikan tinggi akan dibincang dan di bawa kepada perhatian kerajaan. Saya berpendapat bahawa Majlis itu patut mendengar suara dari kumpulan dan semua keturunan yang mempunyai kepentingan masing-masing supaya polisi-polisi yang akan ditetapkan di Majlis itu dapat memanfaatkan semua golongan rakyat. Dalam pada itu, terutama sekali,

saya ingin mencadangkan supaya wakil-wakil pelajar patut diberi satu tempat dalam Majlis itu. Kedua, campuran wakil-wakil yang berpatutan daripada semua keturunan harus wujud dalam Majlis itu supaya perhatian yang mencukupi akan diberi terhadap kepentingan mereka dalam membentuk sebarang polisi mengenai pendidikan tinggi.

Pada akhirnya, saya ingin merujuk kepada Fasal 4, tentang anggota Majlis iaitu selain daripada Menteri sebagai Pengerusi Jawatankuasanya, juga termasuk Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan atau wakilnya. Akan tetapi saya ingin mencadangkan supaya Fasal 5, "Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan hendaklah mempengerusikan mesyuarat Majlis semasa ketakhadiran Pengerusi atau bila mana Pengerusi yang kerana apa-apa sebab tidak dapat menghadiri mesyuarat Majlis". Jadi, saya ingin mencadangkan hanya Ketua Setiausaha Kementerian sendiri diberi peluang untuk mewakili Menteri bagi mempengerusikan mesyuarat yang ditentukan itu.

Pada akhirnya, saya mohon menyokong rang undang-undang ini. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Tuan.

5.46 ptg.

Tuan Yunof Edward Maringking (Tuaran): Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas peluang yang diberi untuk membahaskan Akta MPTN ini. Saya rasa rakan-rakan yang lain telah pun menyentuh tentang banyak perkara yang cukup penting dan saya akan tumpukan kepada 3 perkara sahaja di dalam perbahasan ini.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya, ialah mengenai Dasar Pendidikan kita. Saya cukup yakin bahawa Dasar Pendidikan Negara telah pun termaktub dalam Akta Pendidikan yang baru kita luluskan dalam

persidangan yang lalu. Jadi, dalam konteks ini saya fikir, fungsi Majlis Pendidikan Tinggi Negara kita tidak harus melibatkan dasar, oleh kerana kalau MPTN ini akan menggubal satu dasar yang berlainan daripada dasar yang telah di tetapkan di dalam Akta Pendidikan, maka kita akan menghadapi satu kemungkinan keadaan kucar kacir di dalam pelaksanaan pendidikan di peringkat pendidikan tinggi di negara kita ini.

Saya harap supaya fungsi Majlis Pendidikan Tinggi Negara akan ditumpukan kepada strategi pelaksanaan Dasar Pendidikan Tinggi dalam negara ini iaitu merupakan satu urusan pentadbiran semata-mata dan tidak melibatkan Dasar Pendidikan Negara. Saya yakin dan percaya bahawa Dasar Pendidikan Tinggi Negara kita adalah satu dasar kesinambungan dari Dasar Pendidikan asal di peringkat rendah, jadi, bagaimanakah pula ada satu lagi badan selain daripada Dewan yang mulia ini dan juga Kabinet yang boleh menggubal satu dasar pendidikan lagi di peringkat yang tinggi. Kalaulah demikian yang dimaksudkan di dalam Seksyen 12, di dalam Akta yang dibahaskan ini, saya khuatir kita betul-betul akan menghadapi masalah di masa-masa yang akan datang dan saya mohonlah kepada kebijaksanaan Yang Berhormat Menteri Pendidikan supaya mempertimbangkan perkara ini sebaik-baiknya.

Saya bukan menentang Akta ini bahkan saya juga mengalu-alukan pembentangan ini, oleh kerana kita perlu, seperti juga di peringkat pelajaran rendah, kita mempunyai Majlis Penasihat Pendidikan Negara dan sudah tentu di peringkat pendidikan tinggi juga kita memerlukan penasihat pendidikan tinggi kebangsaan. Jadi, saya ingin mencadangkan supaya fungsi MPTN ini ditumpukan sebagai satu penasihat kepada kerajaan sahaja dan biarlah dasar yang dimaktubkan di dalam Pendidikan Negara itu tetap dipertanggungjawabkan kepada Kabinet

Persekutuan melalui Kementerian Pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua saya ingin sentuh ialah keanggotaannya. Saya khuatir di dalam seksyen 4, dikatakan bahawa beberapa kementerian atau Setiausaha Kementerian dan juga anggota-anggota lain boleh menghantar wakil tetapi tidak ditentukan pula bagaimana dia memilih wakil itu dan apa kriteria untuk memilih wakilnya untuk dihantar sedangkan mengikut fungsi di seksyen 12 ialah menggubal Dasar Pendidikan Tinggi.

Jadi, adakah ini bererti bahawa Dasar Pelajaran Tinggi itu lebih rendah? Seolah-olah bukan di peringkat Kabinet yang membuat dasar ataupun membuat keputusan muktamat tentang Dasar Pendidikan Tinggi. Saya rasa ada sesuatu yang tidak kena di sini, Tuan Yang di-Pertua. Bila kita baca seksyen 12 fasal 2 iaitu dasar yang dikemukakan oleh MPTN ini haruslah dilaksanakan oleh Menteri Pendidikan tanpa merujuk lagi kepada Kabinet.

Memang kita yakin bahawa dia akan rujuk tetapi adakah masa pihak Kabinet untuk menyemak semula dasar yang digubal itu atau perlu dan kalau sedemikianlah pelaksanaannya, bagaimanakah Dasar Pendidikan Tinggi kita akan dapat dilaksanakan dengan licin?

Jadi, saya harap, jangan kita sentuhkan Dasar Pelajaran Tinggi lagi. Sudah ada dasar dan Falsafah Pendidikan Negara. Jadi, fungsi MPTN ini haruslah ditumpukan kepada pelaksanaan Dasar Pendidikan Tinggi. Demikian juga dengan keanggotaannya haruslah diberi definisi, jangan ada wakil yang tidak menentu supaya pelaksanaan pendidikan tinggi dapat berfungsi dengan licin.

Saya minta ataupun mencadangkan di sini supaya jangan ada wakil. Sekurang-kurangnya ditetapkan bahawa kalau

Setiausaha Kementerian atau mana-mana yang ditetapkan untuk menganggotai Majlis ini, maka dia haruslah menghantar sekurang-kurangnya Timbalannya, ditetapkan sedemikian supaya jangan dia boleh melantik sebarang pegawai.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Parit Sulong bangun.

Tuan Yunof Edward Maringking:
Tidak cukup masa, saya ingat. Minta maaf, Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Hendak beri jalan, Yang Berhormat?

Tuan Yunof Edward Maringking:
Tidak boleh, Tuan Yang di-Pertua, minta maaf.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Teruskan jika tidak beri.

Tuan Yunof Edward Maringking:
Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang kesinambungan pelajaran. Kita mengakui bahawa kita tidak mungkin dapat melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi kalau kita tidak mendapat peluang pendidikan di peringkat awal iaitu peringkat persekolahan rendah.

Maksud saya di dalam konteks ini, Tuan Yang di-Pertua, ialah di Sabah semasa Rancangan Malaysia Keenam. Daripada lebih 50 buah sekolah yang telah dirancang sepanjang Rancangan Malaysia Keenam, hanya 12 buah sekolah sahaja yang telah dilaksanakan dan namun demikian, belum siap sedangkan peruntukan kewangan ada.

Jadi, saya mintalah penjelasan daripada pihak kementerian bagaimana ini boleh berlaku? Kalau mereka yang di Sabah terutamanya ketinggalan daripada

persekolahan peringkat rendah, apa lagi peluang meneruskan pelajaran ke peringkat tinggi?

Jadi, saya mintalah pihak kementerian supaya lebih prihatin di dalam pelaksanaan projek-projek yang telah dirancang dan diminta oleh Jabatan Pendidikan Negeri supaya dilaksanakan sepenuhnya bukan sahaja yang dirancang semasa Rancangan Malaysia Keenam, diteruskan semasa Rancangan Malaysia Ketujuh kelak tetapi haruslah ada perkembangan yang lebih menyakinkan semasa Rancangan Malaysia Ketujuh kelak kerana sekali ketinggalan dalam peringkat pelajaran yang rendah, sudah tentu akan terus ketinggalan dan tidak ada peluang langsung untuk menikmati pelajaran ke peringkat yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang peluang-peluang masuk ke universiti-universiti di seluruh negara. Sudah menjadi pengetahuan umum di mana peluang bagi penuntut-penuntut dari Sarawak dan juga dari Sabah adalah lebih rendah bila dibandingkan dengan penuntut-penuntut dari Semenanjung.

Saya bukan membuat tuduhan bahawa ada diskriminasi. Mungkin betul ada perhitungan dari segi kelayakan kemasukan ke universiti tetapi saya mohon supaya MPTN ini semasa menjalankan tugas supaya memberi satu kelonggaran untuk kemasukan seboleh-bolehnya supaya lebih ramai pelajar dari Sabah dan Sarawak boleh memasuki universiti-universiti.

Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri mengakui bahawa kalau universiti di England tidak memberi kelonggaran bagi saya untuk memasuki universiti, saya mungkin oleh kerana dari luar bandar tidak dapat menduduki bangku universiti tetapi saya diberi peluang, bukan sahaja mendapat tempat, tetapi diberi peluang oleh Kerajaan Negeri untuk melanjutkan pelajaran dan sesudah memasuki

universiti, kita boleh juga bersaing sama-sama dengan pelajar-pelajar lain dari berbagai-bagai negara, tidak menjadi masalah. Yang penting ialah, determination, dengan izin, dan peluang yang diberi.

(Timbalan Yang di-Pertua mem-pengerusikan Mesyuarat)

Jadi, saya mohonlah supaya satu daripada fungsi MPTN ini akan melibatkan penggubalan kemasukan di institusi-institusi pengajian tinggi supaya bila perlu dan mengikut kemampuan pelajar-pelajar sendiri ataupun keadaan. Misal kata, kakitangan kerajaan yang muda dan sudah cukup pengalaman di dalam pentadbiran tetapi mahu melanjutkan pelajaran, berilah mereka peluang.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata demikian, saya mohon menyokong Rang Undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kota Bharu.

7.18 mlm.

Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak (Kota Bharu): Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya membahar, saya ingin membangkitkan point of order di sini, tidak cukup kuorum.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sila kira. Tidak cukup, bunyikan loceng.

Loceng dibunyikan.

(Ahli-ahli dikira - lebih 26 Ahli hadir.)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Cukup kuorum, 26 orang. Sila teruskan.

7.23 *mlm.***Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji**

Isahak: Tuan Yang di-Pertua, kami dari parti Melayu Semangat 46 berpendapat, penubuhan Majlis Pendidikan Tinggi Negara, sepertimana yang dirancangan oleh rang undang-undang yang dibentangkan pada hari ini hendaklah diberi perhatian yang wajar. Ahli-ahli Parlimen sepatutnya dibekalkan dengan naskah rang undang-undang itu, bukan sehari sebelum, tetapi ia haruslah diberikan sekurang-kurangnya seminggu. Yang lebih elok ialah, bacaan pertama dilakukan dalam bulan Disember dan perbahasan dilakukan pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja Ahli-ahli Parlimen yang harus dibekalkan dengan Rang Undang-undang ini, tetapi mereka yang berminat, khususnya mereka dari kalangan akademia, mereka dari pertubuhan-pertubuhan yang menitikberatkan pendidikan harus diberi peluang mendapatkan naskah Rang Undang-undang ini dan diajak membuat penelitian dan memberi pandangan ikhlas sebelum rang undang-undang ini dijadikan undang-undang setelah mengambil kira semua pandangan ikhlas dari rakyat, sama ada terus disampaikan kepada kerajaan ataupun melalui wakil rakyat.

Bila hendak bantah ujian nuklear Perancis, boleh pula panggil semua pihak, bila hendak bincang perkara yang penting seperti rang undang-undang yang ada di hadapan kita ini, nampaknya mahu buat secara bulldoze, dengan izin. Negara yang diperintah secara demokrasi seharusnya di pihak pemimpinnya menunjukkan semangat demokrasi yang tinggi, tidaklah sepertimana yang kita saksikan semalam.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Majlis Pendidikan Tinggi Negara yang dibentangkan jelas ada beberapa kecacatan pokok yang perlu dibaiki, khususnya mengenai Fasal 4 dan Fasal 12 seperti mana telah dihuraikan oleh

Yang Berhormat dari Machang, Marang, Tanjong, Keningau, Balik Pulau, dari Tuaran dan lain-lain Yang Berhormat.

Selain daripada perkara yang telah diutarakan, ada beberapa perkara yang harus juga dikemukakan oleh.....oh, Kubang Kerian, minta maaf. Kubang Kerian pun ada mengutarakan. (*Disampuk*) Boleh lagi dikemukakan oleh saya dan rakan-rakan selepas ini.

Tuan Yang di-Pertua, Parti Melayu Semangat 46 berpandangan bahawa Majlis Pendidikan Tinggi Negara hendaklah menghormati konsep ilmu itu sebagai mencari kebenaran dan bukan mengambil sikap pendidikan itu komoditi untuk didagang, maka menjadikan pendidikan itu sebuah industri. Kami berpendapat bahawa prasyarat kepada kecemerlangan akademik ialah kebebasan akademik. Majlis Pendidikan Tinggi Negara harus menterjemahkan kebebasan akademik melalui dasar-dasar progresif yang menjuruskan kepada iklim pembelajaran akademik yang sihat, segar dan bertanggungjawab.

Majlis harus menghindar dirinya dari mengekalkan keadaan yang wujud sekarang di mana para pengurusan atau pentadbiran IPT, tenaga pengajar dan pelajar dipisahkan dari alam nyata. Dalam keadaan sekarang, mereka dinafikan hak untuk sama-sama menyumbang ke arah pembentukan masyarakat Malaysia yang lebih sempurna dan negara Malaysia yang lebih maju, makmur dan bahagia.

Para pengurusan atau para pentadbir, para pengajar dan pelajar institusi pengajian tinggi, khasnya yang berada di bawah kawalan Akta Universiti dan Kolej Universiti sekarang ini dikongkong secara keterlaluan dan dipaksa mengamalkan double standard, dengan izin. Mereka dikehendaki melayani segala permintaan, tuntutan dan arahan kerajaan walaupun setelah menimbang, akal dan jiwa mereka menyatakan ada permintaan, tuntutan atau arahan yang tidak harus dipatuhi.

Mereka dinafikan hak menyuarakan teguran dan cadangan yang membina dan kebimbangan mereka atas isu yang berkaitan dengan mereka sendiri atau berkaitan dengan masyarakat ataupun negara. Pengurus atau pentadbir IPT, tenaga pengajar, bahkan pelajar-pelajar sedang diselubungi oleh tekanan perasaan takut seolah-olah menjadi mangsa akan dihukum oleh kerajaan secara tidak adil, merasakan seolah-olah berada di bawah, a cloud of fear, dengan izin, atau seolah-olah merasai 'big brother will penalise you' jika bertindak bebas walaupun dengan secara bertanggungjawab.

Para pelajar universiti dan institusi pengajian tinggi sewaktu kita menuntut dahulu, termasuklah sewaktu Timbalan Perdana Menteri sekarang ini sebagai seorang penuntut di Universiti Malaya, bebas menjemput sesiapa sahaja untuk membantu pelajar-pelajar mendapat pandangan-pandangan berbeza dari kerajaan supaya pelajar-pelajar akan mendapat gambaran menyeluruh di atas sesuatu isu yang menarik minat pelajar, sama ada mengenai masyarakat, negara ataupun mengenai pelajar sendiri.

Kini, isu-isu berkait rapat dengan pelajar seperti Akta Pendidikan, pengkorporatan universiti dan penggalakkan institusi pengajian tinggi swasta, pelajar-pelajar dikongkong, termasuklah juga tenaga pengajar turut dikongkong dan disekat daripada mengajukan pandangan mereka secara berkesan.

Media massa yang seharusnya berperanan menyuarakan dan menyiarkan suara rakyat, termasuk suara para pengajar dan pelajar IPT dikongkong sehingga kita tidak mendapat gambaran sebenarnya mengenai pandangan-pandangan mereka itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya bimbang dengan kesan Fasal 12(1)(c). Majlis Pendidikan Negara ini hendaklah jangan

memusnahkan kewibawaan dan keunggulan Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Pertanian Malaysia, Universiti Sains Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia dan lain-lain universiti tempatan. Kini mutu pendidikan tinggi yang disediakan oleh universiti-universiti ini sudah tidak lagi pada tahap yang membanggakan:

Kini lulusan bidang perubatan dari universiti-universiti tempatan umpamanya tidak begitu mudah mendapat tempat di universiti-universiti terkenal di luar negara bagi melanjutkan pelajaran mereka atau mendapatkan ijazah tambahan. Oleh itu Majlis ini haruslah bertanggungjawab membantu universiti-universiti tempatan mempertingkatkan mutu. Carilah jalan supaya dapat meningkatkan tahap mutu kependidikan iaitu sehingga ke tahap seperti Universiti Harvard atau Universiti Stamford di Amerika Syarikat atau Universiti Oxford dan Universiti Cambridge dan juga Universiti of London di United Kingdom.

Jangan pula melalui galakan percambahan IPT swasta di bawah Fasal 12(1)(c) menyebabkan universiti-universiti tempatan ini mengalami penghijrahan cendekiawan ataupun brain drain yang teruk yang menjejaskan lagi mutu pendidikan. Akhir-akhirnya nanti, graduan-graduan universiti-universiti awam ini akan dianggap lulusan mutu rendah dan menghadapi kesulitan melanjutkan pelajaran atau mencari rezeki.

Tuan Yang di-Pertua, kami juga turut bimbang dengan beberapa fungsi yang lain Majlis Pendidikan Tinggi Negara khususnya Fasal 12(1)(e) dan juga Fasal 12(1)(g). Kita sedia maklum bahawa perpaduan negara akan menjadi rapuh jika pendidikan pelbagai kaum tidak berada dalam keadaan yang berimbang. Perlembagaan Malaysia yang merupakan social contract antara kaum di Malaysia menekankan aspek ini. Di sini saya ingin menyentuh Perkara 153(8)(a)

Perlembagaan Malaysia iaitu mengenai sistem kuota dalam IPT untuk Melayu dan bumiputera yang telah dijadikan sebahagian daripada Perlembagaan Malaysia pada tahun 1972.

Saya ingin di sini quote Perdana Menteri waktu itu iaitu Allahyarham Tun Abdul Razak yang sewaktu memperkenalkan Perkara 153 (Pindaan) itu iaitu yang dimasukkan (8)(a) itu dengan membacakan alasan beliau. Saya petikkan ini dari The Constitution of Malaysia: Further Perspectives and Development iaitu artikel oleh Dato' Veesu Sinnadurai, Rights in Respect of Education Under the Malaysian Constitution, muka surat 48.

The reason for introducing Article 153(8)(a) were as spelt out by the then Prime Minister, Tun Haji Abdul Razak as follows:-

"The government New Economic Policy is a case in point which seek to bring about a restructuring of the nation's economy so as to ensure a more or less proportionate participation of the different races in the urban commercial and industrialised of the country. The other important area of imbalance is education which has so direct a bearing on economic development and social progress".

He then spelt out the main objective of the amendment.

"The intention of the amendment is to reserve places in those selected courses of study where the number of Malays and natives of the Borneo States are disproportionately small. In this way, the present racial imbalance will be rectified and this in itself will contribute to national unity.

Pastinya persetujuan yang dicapai oleh pemimpin-pemimpin negara yang menyebabkan peruntukan itu dapat

dijadikan sebahagian daripada Perlembagaan Malaysia adalah bagi memelihara keharmonian rakyat dan penduduk asal dan keturunannya supaya mereka tidak terasa cemas, terancam dan merasai mereka mangsa ketidakadilan.

Oleh itu, Fasal 12(1)(e) mengenai dasar berhubung dengan kemasukan pelajar ke institusi pendidikan tinggi hendaklah diterjemahkan supaya mematuhi semangat Perlembagaan dan ditetapkan sebagai dasar, iaitu setiap IPT swasta di negara ini hendaklah mengamalkan dasar merizabkan tempat untuk Melayu dan bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, Parti Melayu Semangat 46 sangat pro pendidikan tinggi. Tetapi kami tidak akan berdiam diri melihat penduduk asli kian terpinggir dalam bidang pendidikan. Kita sedia maklum, sekarang ini sudah pun wujud 720 institusi pendidikan tinggi swasta dan kita juga sedia maklum bahawa tidak sampai pun 10% pelajar-pelajar institusi itu terdiri dari Melayu dan bumiputera.

Sistem kuota memang telah pun diperkenalkan kepada swasta dalam bidang perumahan. Maka tidak janggal untuk diperkenalkan pula dalam bidang pendidikan. Tetapi sepertimana Yang Berhormat dari Kubang Kerian menyatakan, kuota akan menjadi sia-sia sahaja jika Melayu dan bumiputera yang diberikan tempat tidak dapat ambil tempat kerana kekurangan kewangan ataupun sepertimana disuarakan oleh Yang Berhormat dari Tuaran iaitu persediaan untuk melayakkan mereka itu tidak mencukupi. Oleh itu, mereka tidak layak untuk memasuki IPT-IPT swasta tersebut.

Oleh itu, kami mendesak kerajaan supaya menunjukkan kesediaan dan menyediakan tabung kewangan dan juga membuat persiapan-persiapan rapi bagi memastikan tempat-tempat yang dirizabkan itu kalaulah dijadikan dasar dan hendaklah ia dijadikan dasar, akan memastikan bilangan antara Melayu dan

bumiputera dan bukan bumiputera akan dapat diimbangkan.

Kita tidak boleh nafikan bahawa kalau kita hendakkan negara kita ini terus maju, perpaduan negara harus dipelihara dan Dasar Pendidikan adalah dasar yang boleh memastikan perpaduan itu mantap. Sekiranya Dasar Pendidikan tidak menitikberatkan aspek perpaduan sepertimana yang dicita-citakan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak, pasti kita akan menghadapi masalah-masalah yang akan menjerumuskan kita kepada kancah perpecahan dalam negara malah kita bukan sahaja menjadi negara yang berpecah-belah tetapi kita akan menghadapi masalah yang malang sepertimana Bosnia-Herzegovina yang telah pun disebutkan sebentar tadi oleh rakan saya dari Kubang Kerian.

Semangat kebangsaan yang telah mencetuskan penentangan hebat terhadap Universiti Merdeka dahulu belum mati, Tuan Yang di-Pertua. Ia akan menyala dan menyemarak jika Dasar Pendidikan Tinggi yang bakal diperkenalkan oleh Majlis Pendidikan Tinggi Negara ataupun melalui Rang Undang-undang IPT Swasta 1996 jika ia bertujuan....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, minta gulung Yang Berhormat.

Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak: Ya. Jika ia bertujuan menubuhkan berpuluh-puluh atau beratus-ratus Universiti Merdeka. Saya berharap cita-cita Tun Abdul Razak yang mencerminkan cita-cita rakyat Malaysia janganlah terus dikhianati. Aspek perpaduan harus diberi penekanan yang wajarnya dan dasar pendidikan termasuk Dasar Pendidikan Tinggi Negara harus mencerminkan aspek ini.

Sekian. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, sila. Selepas ini kementerian akan menjawab.

7.39 mlm.

Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Majlis Pendidikan Tinggi Negara.

Walaupun saya adalah ahli yang terakhir dipilih tetapi masih ada kuorum. Saya selalu yakin bahawa penyokong-penyokong Barisan Nasional selalu memastikan kuorum dalam Dewan ini. Bukan macam pembangkang dan kadang-kadang langsung tidak ahli-ahli pembangkang dalam Dewan ini. (*Tepuk*)

Tetapi masalah sebagai pembahas yang terakhir bukan sahaja tidak ada kuorum tetapi banyak tajuk telah disentuh oleh ahli-ahli yang lain. Jadi, kadang-kadang draf ucapan pun kena diubah tetapi nasib baik ada Menteri Pendidikan berada dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya satu badan untuk merancang, membentuk dan menentukan dasar dan strategi kebangsaan serta menyelaraskan perkembangan pendidikan tinggi semasa negara kita menuju ke abad 21 untuk mencapai matlamat Wawasan 2020 adalah perlu. Jadi, penubuhan satu badan seperti Majlis Pendidikan Tinggi Negara yang dicadangkan di bawah rang undang-undang ini adalah penting dan tepat pada masanya.

Di antara isu-isu yang selalu dibangkitkan adalah yuran pendidikan. Jadi, saya berharap Yang Berhormat Menteri Pendidikan akan menggunakan kuasa di bawah Fasal 12(1)(g) untuk menentukan dasar dan menetapkan garis panduan mengenai struktur yuran yang berpatutan dan berkemampuan.

Isu struktur yuran telah menjadi kebimbangan ramai pelajar dan ibu bapa tetapi setakat ini masih tidak ada satu garis panduan yang jelas tentang struktur yuran ini dan langkah-langkah mengatasinya. Jadi, saya yakin bahawa jaminan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri tadi bahawa kerajaan tidak akan membenarkan universiti menaikkan yuran dengan sewenang-wenangnya akan diterima baik oleh para pelajar dan ibu bapanya.

Saya berharap semua universiti boleh memainkan peranannya untuk mengatasi kos pengurusan universiti ini dan dalam segi ini dapat menubuhkan atau memperluaskan tabung pinjaman mahasiswa sebagai satu langkah untuk merendahkan beban kewangan pelajar dan ibu bapa. Berhubung dengan ini, saya berharap bank-bank tempatan juga harus juga memainkan peranan mereka dengan cara memberikan kemudahan seperti soft loan kepada pelajar-pelajar dengan faedah atau interest yang rendah. Dan sebahagian daripada dana bank patutlah disalurkan kepada pinjaman pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, semua kos penyelenggaraan universiti tidaklah patut ditanggung oleh pelajar melalui yuran. Kakitangan akademik dan pentadbiran patut mengambil tanggungjawab dan memainkan peranan mereka untuk mengatasi kos penyelenggaraan universiti. Dengan pengkorporatan universiti terdapat banyak cara yang lebih inovatif untuk mengatasi masalah kewangan ini, tetapi aset utama sebuah universiti bukanlah kampus yang indah atau tanah yang luas di kawasan yang mahal. Bangunan dan tanah mahal itu patut dikekalkan sebagai warisan universiti. Aset utama sesebuah universiti adalah mutu pendidikan yang cemerlang dan brain power kakitangan-kakitangannya khasnya para akademik.

Jadi, masalah utama di universiti adalah bagaimana pensyarah dan kakitangan

bersama-sama dengan pelajarnya boleh menggunakan brain power mereka untuk mendapat keuntungan atau pendapatan bagi universiti. Banyak syarikat perundingan dan kepakaran swasta boleh menjalankan pendidikan perundingan dan menganjurkan seminar dan konferen untuk mendapat keuntungan. Kenapa universiti-universiti tempatan tidak berbuat demikian?

Beberapa juta ringgit telah diperuntukkan untuk penyelidikan dan pembangunan (research and development) di universiti-universiti tempatan tetapi apakah hasil atau keuntungan dapat diperolehi daripada projek-projek R&D itu? Mungkin kerajaan dan universiti tempatan patut menjalankan kajian kos benefit tentang semua projek R&D supaya pelaburan wang rakyat yang berjuta-juta ringgit itu dalam projek R&D dapatlah hasil yang boleh dinikmati oleh rakyat jelata pada amnya dan pelajar-pelajar universiti pada khasnya.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita meneliti fungsi majlis di bawah Fasal 12(1) tiada disebut tentang kawalan mutu pendidikan yang diberi oleh universiti sama ada universiti kerajaan, swasta atau luar negara. Dalam usaha mencapai matlamat menjadikan Malaysia sebagai satu pusat pendidikan yang cemerlang di dunia ini atau rantau ini, kita mesti mengawal selia mutu atau kualiti pendidikan yang diberi. Saya pernah menyoal tentang satu lembaga accreditation untuk mengawal mutu pendidikan serta ijazah dan diploma yang dikeluarkan sehingga meminta penjelasan dari Menteri Pendidikan, bilakah lembaga ini akan ditubuhkan dan sama ada lembaga ini akan diletak di bawah kawalan Majlis Pendidikan Tinggi Negara atau sebagai satu badan yang bebas. Jika kita tidak mewujudkan satu lembaga accreditation, saya kluatir tentang ijazah dan diploma yang dikeluarkan oleh IPT sama ada kerajaan atau swasta, tempatan atau luar negeri tidak ada mutu yang minimum yang boleh diterima oleh kerajaan.

Fasal 44, Rang Undang-undang Institusi Pendidikan Tinggi Swasta cuma menyentuh tentang tahap minimum berkenaan kemudahan dan kualiti kursus tetapi tidak menjamin mutu diploma atau ijazah yang dikeluarkan. Jadi, saya berharap satu badan untuk mengawal selia mutu ijazah termasuk kualiti dan integriti pemeriksaan masing-masing dapat ditubuhkan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Fasal 12(1)(f) berkenaan dengan Fungsi Majlis MPTN itu untuk menentukan dasar dan menetapkan garis panduan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan struktur gaji dan sistem pengurusan kakitangan Universiti dan Kolej Universiti yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, saya ingin membangkitkan beberapa isu yang berkaitan. Satu masalah yang dihadapi oleh kerajaan pada masa ini adalah brain drain atau kehilangan kakitangan akademik universiti yang terus menerus berlaku ini. Kakitangan akademik meletak jawatan untuk memasuki sektor korporat atau organisasi luar atau masuk Parlimen. Masalah ini lebih serius jika diambil kira struktur umur para pensyarah di universiti-universiti. Ramai pensyarah telah memulakan perkhidmatan mereka pada tahun 70-an dan sebilangan besar di antara mereka menghampiri umur bersara. Tambahan pula pada masa ini ada masalah mengenai kesulitan mendapatkan orang yang berkelayakan untuk menggantikan orang yang bersara atau meletak jawatan.

Masalah ini bertambah serius apabila setengah universiti melaksanakan skim latihan kakitangan akademik khas untuk kakitangan bumiputera seperti universiti. Walau pun ada terdapat mereka yang sungguh-sungguh berminat, berkelayakan dan menunjukkan kesudian untuk berkhidmat dengan universiti, tetapi mereka tidak ditawarkan kerja atau skim

ini. Dalam keadaan kekurangan kakitangan akademik di kalangan universiti, saya mencadangkan supaya kerajaan melonggarkan syarat-syarat dan polisi mengenai skim latihan kakitangan akademik.

Juga terdapat di setengah jabatan di Universiti Malaya dan USM, hanya sebilangan kecil kakitangan akademik bukan bumiputera yang telah dilantik pada tahun 80-an. Ini adalah kerana pada masa itu terdapat lebih ramai pensyarah yang bukan bumiputera dan di beberapa jabatan langsung tidak ada pensyarah bumiputera. Dalam usaha kerajaan untuk mengimbangkan ratio kakitangan akademik, inilah satu polisi yang amat sesuai dan dari segi integrasi nasional, ini adalah satu dasar yang tepat. Tetapi hasil daripada dasar ini, terdapat beberapa jabatan sekarang khususnya bidang teknikal dan saintifik, kebanyakan pensyarah bukan bumiputera adalah mereka yang lebih berumur atau tua dan pensyarah bumiputera ada di antara mereka yang muda, jadi dalam lima hingga sepuluh tahun akan datang kemungkinan besar terdapat beberapa jabatan di mana tiada lagi pensyarah bumiputera.

Ini bermakna satu situasi yang terbalik atau reverse effect telah terjadi. Trend seperti ini adalah tidak sewajar dengan objektif integrasi nasional serta hasrat kita untuk menghapuskan identifikasi sesuatu kaum dengan sesuatu pekerjaan atau organisasi. Dengan pertambahan lebih banyak kolej dan universiti swasta, seperti mana dibenarkan selepas lulusnya Rang Undang-undang Institusi Pendidikan Swasta, maka senario di mana universiti kerajaan adalah lebih bumiputera dari segi pelajar atau dari segi pensyarah dan universiti swasta adalah bukan bumiputera, mungkin menjadi satu situasi yang realiti. Keadaan seperti ini memang tidak sihat dan bercanggah dengan objektif Wawasan 2020.

Oleh yang demikian, saya ingin mengesyorkan supaya Menteri Pendidikan melalui MPTN mengkaji semula komposisi pensyarah universiti dari segi kepakaran, kaum dan umur untuk memastikan bahawa ada perseimbangan bilangan pensyarah yang mencerminkan hasrat negara kita. Usaha ini akan membawa kita ke satu langkah dan ke arah mencapai integrasi semua lapisan masyarakat Malaysia sejajar dengan objektif Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membangkitkan berkenaan dengan kakitangan universiti yang telah memilih Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (EPF).....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, minta gulung.

Tuan Chia Kwang Chye: Oleh kerana ada topik yang baru, saya dengan ini mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Menteri diminta menjawab.

7.55 mlm.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbincangan di atas Rang Undang-undang Majlis Pendidikan Tinggi Negara 1996.

Setelah meneliti hampir semua ucapan yang telah disampaikan dalam perbincangan ini, saya membuat rumusan bahawa sebahagian besar daripada intipati ucapan-ucapan itu berkisar di atas perkara kuasa menteri, komposisi Majlis Pendidikan Tinggi Negara dan yuran yang akan dikenakan oleh IPT awam setelah dikorporatkan dan yuran yang akan dikenakan oleh IPTS nanti.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari parti pembangkang telah cuba memberi gambaran bahawa kedudukan Menteri Pendidikan di dalam Majlis Pendidikan Tinggi Negara ini sebagai pengerusinya merupakan kedudukan yang akan membawa kepada kemungkinan perjalanan Majlis ini akan dipolitikkan bagi tujuan kepentingan parti politik. Dakwaan Ahli-ahli Yang Berhormat itu sangat tidak berasas sama sekali dan boleh dikatakan keterlaluan dan tidak berpandu kepada perkara sebenarnya yang tersurat di dalam Rang Undang-undang ini kerana mereka tidak memahami fungsi Majlis ini sebenarnya. Bukan sahaja yang tertera di dalam Fasal 12(1) yakni daripada (a) sampailah (k), tetapi peruntukan 12 subseksyen 2 yang kalau diteliti sebenarnya menggambarkan apa yang sebenarnya kedudukan Menteri Pendidikan sebagai pengerusi kepada Majlis Pendidikan Tinggi Negara ini, ialah kerana tidak mungkin kalau orang lain menjadi pengerusi Majlis Pendidikan Tinggi Negara ini, Majlis ini boleh berfungsi dengan berkesan, kerana tidak ada kaitannya nanti di antara peranan dan kuasa Majlis dan kuasa yang ada kepada Menteri Pendidikan. Oleh itu, adalah amat penting supaya menteri mempengerusikan Majlis ini supaya apa juga keputusan yang dibuat oleh Majlis ini, menteri mengikut Fasal 12(2) dikehendaki mengikut undang-undang ini melaksanakan segala keputusan yang bersabit dengan soal dasar, strategi dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Majlis Pendidikan Tinggi Negara. Dengan ini Majlis Pendidikan Tinggi Negara akan merupakan sebuah badan yang ada kuasa, ada machinery untuk melaksanakan keputusan-keputusan yang dibuat oleh pihak Majlis. Oleh itu, maka kedudukan.....

Dr. Tan Seng Giaw: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kepong bangun. Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Dengan penjelasan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri tadi mengenai Fasal 12 termasuk 12(2) adakah ini segala dasar termasuk kepimpinan di dalam IPTA, misalnya perlantikan Naib Canselor, perlantikan Dekan? Sekarang kita nampak kepimpinan di dalam akademik ini tergolong kepada suatu golongan. Dengan adanya Majlis tersebut adakah pihak Yang Berhormat Menteri dapat mempelbagaikan, dapat memastikan kepimpinan ini termasuk Naib Canselor dan Dekan boleh dibahagikan kepada beberapa golongan yang lain juga, bukan tersekat kepada golongan yang tertentu sahaja?

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, soal perlantikan Naib Canselor universiti adalah atas budi bicara Menteri Pendidikan mengikut perundangan yang telah diluluskan, yakni di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti.

Justeru itu peranan Menteri Pendidikan ialah untuk memastikan bahawa fungsi Majlis ini berjalan dengan lancar dan segala keputusan yang dibuat dapat dilaksanakan. Oleh itu, apa yang diperkatakan oleh ahli-ahli parti pembangkang adalah tidak berasas sama sekali yang menggambarkan bahawa seolah-olah kehadiran Menteri Pendidikan sebagai pengerusi Majlis ini akan menjadikan bahawa Majlis ini mungkin diperkudakan oleh Menteri Pendidikan untuk tujuan kepentingan parti politik. Apatah lagi sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Keningau kononnya Menteri Pendidikan dengan kuasa yang diberikan, lebih banyak kuasa daripada jemaah menteri. Ini adalah satu dakwaan yang tidak berasas sama sekali kerana Menteri Pendidikan adalah tertakluk kepada keputusan dan dasar yang dibuat oleh Jemaah Menteri sepanjang masa.

Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Yunof Edward Maringking:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Tuan bangun.

Tuan Yunof Edward Maringking: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri mengenai 12(2). Kalau kita baca di sini, 'apabila dasar, strategi dan garis panduan kebangsaan dibentuk dan ditentukan oleh Majlis berhubung dengan fungsinya di bawah perenggan 1(a) hingga (k) "Menteri hendaklah dengan demikian untuk melaksanakan dasar strategi garis panduan itu." Tidak ada peruntukan di sini, di mana pihak menteri walaupun sebagai pengerusi perlu merujuk pelaksanaan itu kepada Jemaah Menteri.

Seperti yang telah saya katakan di dalam ucapan dasar tadi, iaitu kita mempunyai dasar pendidikan yang termaktub di dalam Akta Pendidikan. Jadi, di manakah tempat lagi bagi MPTN untuk menggubal dasar dan kalau ia menggubal dasar, yang dipengerusikan oleh menteri sendiri, bilakah Jemaah Menteri mempunyai peluang untuk menyelidiki dasar itu? Saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Tuanan tidak memahami sistem pentadbiran negara kita, di mana seorang anggota Kabinet itu adalah tertakluk kepada keputusan Kabinet secara collective responsibility. Jadi, walaupun kuasa diberikan kepada Menteri Pendidikan di bawah Akta ini, tetapi kuasa mutlak sebenarnya adalah dalam tangan Jemaah Menteri untuk menentukan sebarang dasar berhubung dengan Dasar Pendidikan Negara kita.

Tuan Yunof Edward Maringking:
(Bangun)

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Saya hendak teruskan. Masa sudah suntuk.

Tuan Yunof Edward Maringking: Ini penting. Terima kasih Yang Berhormat. Itulah yang saya persoalkan Yang Berhormat, iaitu tentang pentadbiran negara kita. Memang dasar pendidikan adalah tanggungjawab Jemaah Menteri ataupun Kabinet. Tetapi di dalam fungsi di sini ialah keputusan muktamad yang dibuat oleh MPTN dan akan dilaksanakan oleh Menteri Pendidikan.

Soalan saya tadi ialah di manakah peluang Jemaah Menteri untuk menyelidiki dasar itu, lebih-lebih lagi kita ada Dasar Pendidikan Negara yang telah ditetapkan. Kalau dasar yang ditetapkan, ini bercanggah dengan Dasar Pendidikan Negara, maka tidak ada peluang langsung untuk Jemaah Menteri untuk menyelidikinya. Jadi, itu saya minta penjelasan. Ini dengan niat yang baik, Yang Berhormat. Terima kasih.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, walaupun niat yang baik, tetapi nampaknya Ahli Yang Berhormat tak faham juga tentang perjalanan sistem kerajaan kita, di mana Jemaah Menteri merupakan badan tertinggi, dan sebarang dasar induk negara kita rujuk kepada Jemaah Menteri untuk membuat keputusan. Apabila Jemaah Menteri membuat keputusan, pelaksanaannya melalui Menteri Pendidikan. Itulah dia, faham? Faham ya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari parti pembangkang mempertikaikan soal keanggotaan Majlis, di mana mereka yang berucap telah menggambarkan bahawa kemungkinan Menteri Pendidikan melantik orang sesuka hatinya. Ahli Yang Berhormat dari

Machang menyebut peruntukan 4(i) dengan yang tertera di sini Menteri Pendidikan boleh melantik 'ketua cawangan' menjadi salah seorang daripada tiga anggota yang dapat membantu perjalanan Majlis.

(Tuan Yang di-Pertua mempengerusi Mesyuarat)

Ahli Yang Berhormat dari Machang sengaja mengada-adakan perkara yang tidak mungkin berlaku kerana (*i*) meyebut bahawa 'Tidak lebih daripada tiga orang yang kerana pengetahuan dan pengalaman mereka boleh pada pendapat menteri membantu Majlis.' Bukan membantu menteri. Jadi, tidak ada sebab mengapa menteri harus melantik Ketua Cawangan Kampung Bantal, Ulu Tembeling menjadi anggota Majlis Pendidikan Tinggi Negara. Menteri hendak lantik mesti melantik orang yang ada pengalaman, ada pengetahuan boleh membantu perjalanan Majlis, bukan untuk faedah dan keuntungan menteri.

Dr. Tan Seng Giaw: (Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Kepong bangun, Yang Berhormat.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Apa lagi? Ada lagi.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun Yang Berhormat Menteri ada jaminan kepada Ahli-ahli Parlimen, saya mengalu-alukan, tetapi bolehkah izinkan saya beri satu contoh yang konkrit. Tuan Yang di-Pertua, misalnya di dalam Akta Kerajaan Tempatan, di mana perlantikan Ahli-ahli Majlis Daerah ada termaktub di dalamnya seperti ini, orang berpengalaman, orang yang berpengetahuan dilantikkan. Tetapi pada praktisnya bukan demikian.

Kita seringkali dengar ada pertikaian kerana dia melantikkan ahli-ahli parti

politik, ahli-ahli 'Bahagian' dan sebagainya dan mewujudkan kucar-kacir sehingga Majlis tak dapat berfungsi. Inilah yang berlaku, bukan satu-dua kali, tetapi hampir tiap-tiap tahun, walaupun termaktub dalam akta, dalam undang-undang kecil. Tetapi apabila dilaksanakan, wujudlah masalah. Saya berharap masalah seperti ini tidak berlaku dengan Majlis ini.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, janganlah Ahli Yang Berhormat dari Kepong bandingkan Majlis Pendidikan Tertinggi Negara dengan Majlis Daerah. Ini tak masuk akal. Saya kecewa, saya ingat Ahli Yang Berhormat ini ada juga standard, rupanya tak ada. *(Ketawa)* Kalau dia marah Kerajaan Barisan Nasional melantik Ahli Jawatankuasa Bahagian UMNO duduk sebagai ahli Majlis Daerah, ini yang sahabatnya PAS, di Kelantan dilantik siapa dalam Majlis Daerah di Kelantan? *(Ketawa)* Jadi, tak usahlah dia hendak tuduh kepada Kerajaan Barisan Nasional sahaja, lupa pada sahabat dia, walaupun dia tak mengakui dia sahabat.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat dari parti pembangkang telah menyentuh berkenaan dengan komposisi Majlis Pendidikan Tinggi Negara ini yang dikatakan bahawa mungkin terlalu berat sebelah dari segi anggota kerajaan, berbanding dengan wakil dari golongan akademik. Sebenarnya perkara ini tidak mungkin berlaku, kerana pertamanya wakil-wakil kerajaan dilantik sebab mereka ada kedudukan yang penting. Mereka duduk dalam Majlis Pendidikan Tinggi Negara kerana hendak membantu perkembangan institusi pendidikan tinggi negara.

Kita menghadkan tiga Naib Canselor bukan bererti bahawa Naib Canselor lain tak boleh memberi pandangan mereka. Apa yang akan berlaku ialah sebelum mesyuarat Majlis Pendidikan Tinggi

Negara, Naib-naib Canselor boleh mengadakan perjumpaan mereka sendiri, dan segala pandangan mereka boleh disampaikan kepada pihak Majlis Pendidikan Tertinggi Negara melalui tiga orang wakil mereka, dan tiga orang wakil mereka itu boleh digilir-gilirkan dari semasa ke semasa.

Jadi, saya tidak nampak bahawa akan timbul keadaan di mana pandangan dan pendapat daripada golongan akademik tidak akan disampaikan kepada Majlis Pendidikan Tertinggi Negara kerana kurangnya penyertaan oleh wakil-wakil dari golongan akademik.

Saya juga memberi jaminan bahawa yang kita akan lantik itu akan merupakan mereka yang akan menggambarkan hasrat kita untuk mewujudkan unsur-unsur kecemerlangan dalam pengurusan dan pentadbiran, pengelolaan institusi pendidikan tinggi negara kita agar hasrat kita untuk menjadikan Malaysia sebagai Pusat Pendidikan Kecemerlangan akan menjadi kenyataan. Oleh itu, hanya mereka yang ada kebolehan dan kepakaran sahaja akan dilantik, sama ada di bawah kategori 4(h) ataupun 4(i).

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat yang berucap juga telah menyentuh soal yuran. Saya telah menyatakan dalam ucapan saya dalam soal yuran ini dan janganlah kita mempolitikkan soal yuran ini. Saya dapat maklumat bahawa ada pihak yang sedang berjalan dan berusaha sekarang ini untuk menakut-nakutkan pelajar-pelajar universiti sehingga mereka terfikir hendak mengadakan demonstrasi dan sebagainya. Ini adalah satu perbuatan yang tidak sihat sama sekali kerana apa yang didakwa oleh parti pembangkang kepada pelajar-pelajar kita tidak benar sama sekali, iaitu pertama, yuran akan melambung naik setelah Universiti Malaya dikorporatkan. Perkara ini tidak akan berlaku sama sekali. Yuran akan kita pertahankan pada kadar sekarang dan sebarang kenaikan akan

hanya diputuskan setelah kajian mendalam dijalankan oleh kerajaan dan kalau kita hendak naikkan yuran pun, kita akan naikkan secara paling minimum dan secara perlahan-lahan.

Inilah dasar kerajaan dan dengan ini mereka dari golongan berpendapatan rendah tidak akan terjejas dan mereka ada kebolehan tetap akan dapat masuk universiti dalam era pengkorporatan.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, tadi menteri mengatakan bahawa pelajar-pelajar keluar tunjuk perasaan di atas hasutan pihak-pihak tertentu. Apakah pandangan menteri bahawa pelajar-pelajar bertindak itu dengan hasutan orang ataupun mereka sendiri telah pun lama bergerak dan bertindak sehingga bertemu menteri beberapa kali dan rasa tidak puas hati itu datang daripada mereka sendiri, bukan dihasut oleh mana-mana pihak dan mana-mana pihak itu adakah dituju kepada mana-mana parti pembangkang.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, siapa makan cili dia rasa pedaslah. (*Tepuk*) Saya faham dan Ahli Yang Berhormat pun faham - sama-sama faham!

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau telah membangkitkan soal akreditasi dan perkara ini juga telah disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera iaitu sama ada kerajaan akan mewujudkan satu lembaga akreditasi negara. Perkara ini akan dilaksanakan oleh kerajaan dalam sedikit masa lagi dan langkah-langkah tertentu telah diambil ke arah ini untuk mengkaji satu bentuk lembaga yang diberi nama Lembaga Akreditasi Negara (LAN)

dan badan ini akan diwujudkan di bawah satu rang undang-undangnya sendiri dan kemungkinan dalam tahun ini insya-Allah kita akan bawa ke sidang Parlimen ini.

LAN akan merupakan satu badan yang bebas untuk menentukan standard ataupun mutu kursus yang ditawarkan oleh IPT awam dan IPTS bermutu tinggi supaya di Malaysia nanti apabila kita ada universiti awam dan universiti swasta, tidak ada sebarang kursus yang akan dibenarkan dilaksanakan tanpa kelulusan oleh pihak LAN. Dengan ini maka kita akan mengelakkan Malaysia terjebak seperti negara-negara tertentu termasuk Amerika Syarikat di mana kalau seorang pelajar lulus daripada sebuah institusi pengajian tinggi, kita belum tentu sama ada dia mempunyai kelayakan yang diiktiraf ataupun tidak.

Kita tidak mahu terjebak dalam keadaan yang sama seperti setengah-setengah negara yang lain termasuk negara-negara jiran kita dan kalau perkara ini ditentukan sebagai satu kewajipan, maka sebarang kursus yang ditawarkan oleh IPTS ataupun IPT awam mesti memperolehi kelulusan LAN dahulu sebelum dapat dimulakan.

Jadi, saya hendak memberi jaminan bahawa dalam perkembangan institusi pendidikan tinggi di negara kita, soal kualiti tidak akan dikompromikan oleh kerajaan. (*Tepuk*)

Segala-gala yang termaktub dalam pengiktirafan kualiti itu dari segi kurikulumnya, tenaga pengajarnya, dari segi kemudahan peralatan dan sebagainya termasuk syarat kemasukan akan dipastikan tidak menjejaskan soal mutu ataupun standard graduan yang akan lulus daripada IPTS ataupun IPT awam kita. Dengan ini

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Kepong bangun. Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Mengenai dengan LAN.

Tuan Yang di-Pertua: Berkenaan dengan LAN!

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, lain kalilah, saya hendak habiskan. Banyak yang ganggu saya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini maka soal kualiti, insya-Allah terjamin. Jadi, apa yang kita hendak ialah penambahan bilangan dan kualiti, kedua-dua ini kita tidak akan kompromikan.

Dengan ringkasnya, perkara-perkara yang lain Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau juga menyebut tentang soal sama ada kuasa yang diberikan di bawah majlis ini akan menggambarkan bahawa kita akan menumpu kuasa kepada majlis ini dan mungkin bertentangan dengan hasrat kita untuk memberi kuasa kepada pihak universiti iaitu hakikatnya akan terjadi, "centralization", dengan izin, bukan "decentralization".

Saya hendak memberi penjelasan bahawa tujuannya ialah untuk memberi kuasa kepada pihak universiti khususnya kepada Lembaga Pengarah Universiti yang dulunya majlis sekarang menjadi Lembaga Pengarah.

Majlis akan menentukan cuma soal dasar keseluruhannya sahaja. Soal micro sahaja, dengan izin, kita tidak akan terbawa kepada pengurusan bentuk micro, kita tidak akan micro manage pengurusan di universiti. Saya memberi jaminan bahawa

Tuan Haji Mohamad bin Sabu:
(Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang

di-Pertua, saya hendak habiskan, masa sudah suntuk.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Sekali lagi, last!

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Okay, last.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tadi, menteri kata bahawa MPTN ini akan hanya menentu hal dasar. Baru-baru ini menteri arah misalnya supaya Universiti Malaya menjalankan kursus tiga tahun sedangkan pihak Senat Universiti tidak bersetuju. Mereka mahu had tiga tahun atau empat tahun ditentukan oleh Senat, mereka yang menguruskan soal pelajaran. Belum lagi akta ini dibentangkan, menteri telah campur tangan begitu, tambahan pula selepas akta ini maka menteri boleh arah, course ini tiga tahun, course ini empat tahun tanpa mengambil pandangan tokoh-tokoh akademik.

Apakah pandangan ini dan bagaimana hendak memberi penjelasan terhadap Universiti Malaya yang tidak bersetuju soal tiga tahun yang menteri arah baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, keputusan tentang soal tempoh pengajian yang dikurangkan kepada empat ke tiga tahun itu dibuat dalam mesyuarat dengan Naib-naib Canselor termasuk Naib Canselor Universiti Malaya dan mereka bersetuju dengan langkah itu. Dalam pada itu, mereka telah diminta untuk memberi pendapat balik kepada pihak persidangan termasuk kepada saya sendiri sama ada ini akan meliputi semua jenis kursus ataupun kursus tertentu.

Saya masih lagi mempunyai pemikiran yang terbuka, saya memberi keputusan yakni kalau sekiranya pengurangan tempoh pengajian itu boleh dilaksanakan

tanpa menjejaskan soal kualiti maka universiti patutlah membuat pengurangan tetapi kalau pengurangan itu membawa implikasi, mutu graduan, kebolehan graduan kita dipersoalkan nanti dari segi kebolehan mereka, maka tempoh kursus itu tidak harus dikurangkan.

Itu sebenarnya, jadi, perkara ini masih lagi di dalam penelitian. Ada pihak yang menyatakan kursus seperti kejuruteraan tidak seharusnya dikurangkan tempohnya. Jadi, perkara ini masih lagi di dalam rundingan dan saya yakin bahawa keputusannya nanti akan merupakan keputusan permuafakatan di antara universiti, badan profesional dan pihak kerajaan dan pendekatan yang sama juga akan kita gunakan di dalam perjalanan Majlis ini sebab wakil-wakil universiti ada, dan wakil badan profesional pun, insya-Allah, kita akan lantik sebagai anggota Majlis ini. Jadi, tidak ada keadaan yang akan timbul di mana Menteri akan menguat kuasa rundingan dengan pihak-pihak yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong telah menyentuh soal biasiswa, sama ada peruntukan biasiswa ini patut dimasukkan di bawah fungsi Majlis. Saya hendak memberi penjelasan bahawa dari segi dasar keseluruhannya Majlis boleh menyentuh soal biasiswa - itu dari segi dasar, tetapi dari segi detailnya, operasinya, soal biasiswa ini tertakluk kepada agensi-agensi yang berkenaan. Walau bagaimanapun, saya mengambil kira hasrat Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong supaya Kementerian Pendidikan diberi kedudukan yang lebih baik dalam soal penentuan biasiswa dan sebagainya.

Soal kos untuk pelajar-pelajar kita di luar negeri, perkara ini masih dalam kajian terakhir kerajaan pada masa ini, sebab di antara agensi yang memberi biasiswa ini kadarnya berbeza sekarang dan perbezaan ini agak jauh di antara kadar

JPA yang paling rendah dengan kadar Telekom dan Petronas. Jadi, perkara ini sedang di dalam perhatian pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas telah menyebut tentang soal wakil dari Sabah dan Sarawak. Mengenai perkara ini kita akan mengambil perhatian supaya ada penyertaan yang menyeluruh yang menganggotai wilayah-wilayah dalam negara kita.

Ahli Yang Berhormat dari Senai telah menyebut tentang soal pendidikan teknikal dan sebenarnya inilah di antara tugas Majlis ini, maka kerajaan akan menentukan bahawa sebahagian besar daripada kursus-kursus baru akan mirip kepada bidang teknikal dan bukan di dalam bidang sastera. Malah kerajaan bercadang bahawa bagi IPTS yang baru kemungkinan hampir 80% daripada kursus baru yang akan diluluskan nanti, insya-Allah adalah di dalam bidang teknikal, sains dan termasuk commerce kurang sangat di dalam bidang sastera. Ini, insya-Allah, kita akan lakukan.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Bharu telah menggambarkan bahawa seolah-oleh kerajaan tidak bertanggungjawab dan lupa kepada perjuangan yang telah dibawa oleh penganjur-penganjur kita. Beliau bercakap seolah-olah Menteri Pendidikan sekarang lupa kepada perjuangan yang telah dibawa oleh Allahyarham Tun Abdul Razak. Jadi, dalam perkara ini saya hendak menyatakan bahawa apa yang dilakukan hari ini ialah kesinambungan, kita menyambung kepada apa yang dibuat oleh penganjur-penganjur kita dahulu, tetapi keadaan berbeza, bila keadaan berbeza, kita buat perubahan dan perubahan itu bertujuan untuk kebaikan dan untuk membawa negara kita kepada keadaan yang lebih baik. Kalau tidak ada pembaharuan, kita akan kaku kepada tahap yang lama. Jadi, Ahli Yang Berhormat dari Kota Bharu selalu bercakap soal emosi dan sentimen tetapi tidak menghadapi kenyataan dan realiti untuk menyediakan negara kita untuk abad ke-21. Inilah hasrat kita. *(Tepuk)*

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua mem-pengerusikan Jawatankuasa)

Fasal 1 hingga 20 -

8.26 mlm.

Dr. Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Pengerusi.....

Seorang Ahli: Duduklah!

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, ada dua orang Timbalan tapi kedua-dua inilah yang membuat kacau sahaja. *(Ketawa)* Patut Menteri balik ke kementeriannya untuk memberi tunjuk ajar bagaimana kita dapat berlagak dengan betul.....

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Duduklah!

Tuan Pengerusi: Di bawah tajuk mana itu Yang Berhormat? *(Ketawa)*

Dr. Tan Seng Giaw: Fasal 19. Saya jarang menengok Fasal seperti ini iaitu

mengenai sumbangan bantuan. "Bagi maksud membolehkan Majlis menjalankan fungsinya di bawa Akta ini, Menteri boleh, dari semasa ke semasa, membuat sumbangan bantuan kepada Majlis apa-apa jumlah wang yang ditentukan oleh Menteri daripada wang yang hendaklah diperuntukkan oleh Parlimen". Adakah ini bermakna tiap-tiap kali pihak Majlis akan menggunakan sesuatu jumlah wang, kemudian Yang Berhormat balik ke sini untuk diminta diluluskan melalui Perbelanjaan Perbekalan Tambahan. Adakah ini yang dimaksudkan melalui Perbekalan Tambahan? Saya jarang melihat peruntukan seperti ini di dalam undang-undang. Apakah sebenarnya yang di maksudkan oleh Yang Berhormat?

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Peruntukan ini adalah peruntukan biasa. Kalau sekiranya Majlis memutuskan untuk memberi bantuan, maka bantuan ini hendaklah diperuntukkan oleh Parlimen. Jadi, ini adalah satu peruntukan yang kita akan tentukan cara biasa.

Fasal 1 hingga 20 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA 1996

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

8.30 mlm.

Menteri Pendidikan (Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan.

pendaftaran, pengurusan dan pengawalseliaan dan kawalan kualiti pendidikan yang diberikan oleh institusi pendidikan tinggi swasta dan perkara yang berkaitan dengannya dibacakan pada kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang yang dicadangkan ini bertujuan mengadakan satu undang-undang khas yang menyeluruh lagi lengkap untuk menggalakkan dan mengawalselia perkembangan institusi pendidikan tinggi swasta supaya menyumbang kepada pembangunan sumber manusia di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, pendidikan swasta semakin memainkan peranan yang penting dalam sistem pendidikan kebangsaan kerana ia menjadi pelengkap kepada usaha kerajaan menyediakan pendidikan di semua peringkat khususnya di peringkat pendidikan tinggi.

Selaras dengan usaha Malaysia untuk menjadi negara maju, kita perlu mempertingkatkan kadar penyertaan rakyat dalam pendidikan tinggi. Pada masa ini, kadar penyertaan rakyat Malaysia dalam pendidikan tinggi hanya di sekitar 11.46% berbanding dengan kadar penyertaan di negara maju seperti Amerika Syarikat sebanyak 63%, Jepun 31% dan United Kingdom 24%.

IPTS boleh memainkan peranan penting untuk mempertingkatkan kadar ini. Justeru itu, negara Malaysia tidak boleh dianggap sebagai negara maju jika kadar penyertaan rakyat dalam pendidikan tinggi tidak ditingkatkan ke satu tahap yang lebih tinggi daripada sekarang. Sebagai satu sasaran, kerajaan telah menetapkan bahawa menjelang tahun 2020, kadar penyertaan rakyat haruslah mencapai 40%.

Oleh yang demikian, kita perlulah melakukan satu lonjakan berganda dengan menggalakkan IPTS untuk melengkapi usaha kerajaan dalam IPTN, IPT awam,

Tuan Yang di-Pertua, pendidikan swasta mula berkembang di negara ini pada tahun 1960-an untuk memberi peluang pendidikan kepada pelajar-pelajar yang terkeluar daripada sistem pendidikan awam kerana gagal dalam peperiksaan. Walau bagaimanapun, sejak tempoh Rancangan Malaysia Kelima, institusi pendidikan swasta muncul sebagai saluran penting bagi memenuhi permintaan yang meningkat terhadap pendidikan tinggi.

Perkembangan permintaan ini adalah kesan peningkatan taraf dan kualiti hidup masyarakat akibat perkembangan sosio-ekonomi negara. Hakikat ini membuktikan kejayaan Kerajaan Perikatan dan kemudiannya Kerajaan Barisan Nasional dalam kebijaksanaannya dan usahanya meningkatkan taraf hidup rakyat.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa sebahagian daripada permintaan ini dapat dipenuhi oleh institusi pendidikan tinggi awam. Namun demikian, ramai pelajar yang tidak mendapat tempat di institusi pendidikan tinggi tempatan telah melanjutkan pelajaran mereka ke institusi pendidikan tinggi di luar negara.

Akhir-akhir ini telah berlaku kenaikan kos pendidikan yang begitu tinggi di institusi pendidikan tinggi di luar negara. Perkembangan ini telah menyebabkan ramai pelajar kita mula memberikan tumpuan kepada IPTS tempatan yang sekali gus mendorong penubuhan lebih banyak IPTS di Malaysia.

Buat masa ini, terdapat sebanyak 280 IPTS yang telah diberi kelulusan penubuhannya di Malaysia. IPTS ini menawarkan beberapa peringkat khusus termasuk program ijazah, separuh profesional dan profesional. Pendekatan yang lazim diamalkan adalah melalui kaedah gandingan yang mengandungi program kembar atau twinning, program layaktara (advance standing) dan pindah kredit (tuition) dan ijazah luar, dengan izin, A Level dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Institusi Pendidikan Tinggi Swasta ini digubal untuk mewujudkan satu undang-undang yang komprehensif bagi institusi pendidikan tinggi swasta. Satu perundangan yang lengkap dan kemas kini untuk mengawal selia penubuhan, pengurusan, perkembangan dan pengendalian IPTS perlu diadakan kerana perundangan yang ada sekarang tidak memadai.

Perundangan yang saya maksudkan itu ialah Akta Pelajaran 1961 yang akan dimansuhkan dan Essential Higher Education Institution Regulation 1969. Undang-undang tersebut digubal lebih daripada 30 tahun dahulu dan oleh itu, tidak mungkin dapat merangkumi perkembangan terkini dan masa muka dalam pendidikan tinggi swasta di negara ini.

Akta Pendidikan 1995 mempunyai peruntukan bagi institusi pendidikan tinggi swasta tetapi liputannya hanya secara am kerana akta tersebut adalah akta induk pendidikan. Kesemua undang-undang ini tidak mempunyai peruntukan yang khusus bagi penubuhan, pendaftaran, pengurusan, pengawalseliaan dan kawalan kualiti pendidikan yang disediakan oleh IPTS. Rang Undang-undang yang dicadangkan ini akan dapat mengatasi masalah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini juga akan membuka ruang yang lebih luas kepada pelajar kita melanjutkan pelajaran mereka ke peringkat pendidikan tinggi dengan kos yang lebih rendah. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, permintaan terhadap pendidikan tinggi memang kian meningkat.

Di samping itu, kita perlu menyedari bahawa keperluan terhadap sumber manusia di negara kita semakin kritikal. Sebagai contoh, pada tahun 2000 adalah dijangkakan kita akan kekurangan seramai 17.200 jurutera dan 53.000 pembantu

jurutera. Dalam bidang perakaunan pula, keperluan pada tahun 2020 dijangkakan seramai 50.000 akauntan sedangkan bilangan akauntan yang ada sekarang cuma 8,000. Malahan sekarang pun kekurangan sumber manusia telah mula dirasai sehingga terdapat syarikat yang telah mula mencari tenaga kerja dalam bidang profesional dan teknikal dari luar negara.

Dalam pada itu, institusi pendidikan tinggi awam di negara ini tidak dapat menampung secukupnya permintaan pelajar. Sebagai contoh, daripada 27,118 permohonan untuk melanjutkan pelajaran ke universiti tempatan, hanya 15,964 yang dapat diberikan tempat. Sebahagian daripada yang tidak berjaya terpaksa mendapatkan tempat di institusi pendidikan tinggi di luar negeri.

Walau bagaimanapun, kos-kos mendapatkan pendidikan di luar negara semakin meningkat dan menyukarkan pelajar kita. Dalam hal ini, kerajaan tidak mungkin dapat menubuhkan universiti secukupnya untuk semua pelajar. Sehubungan itu, Rang Undang-undang ini membolehkan penubuhan IPTS berstatus universiti atau kolej universiti ditubuhkan di negara ini atas pelawaan Menteri.

Selain itu, Rang Undang-undang ini juga membolehkan kampus cawangan universiti terkenal dan terbilang di dunia ditubuhkan di negara ini. Dalam pada itu, kolej akan terus dibenarkan untuk mengadakan program kembar dengan universiti luar negara. Kesemua langkah ini akan menambah peluang untuk pelajar kita mendapat pendidikan tinggi di negara sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini akan membolehkan negara mengurangkan pengaliran pertukaran wang asing kita. Sekarang ini dianggarkan seramai 60.000 pelajar Malaysia menuntut di institusi pendidikan tinggi luar negara. Kos pendidikan di luar negara yang

merangkumi bayaran tuition, penginapan dan sara hidup amat tinggi. Dianggarkan bahawa perbelanjaan membiayai mereka berjumlah dalam lingkungan RM2.5 bilion setahun.

Perbelanjaan yang besar seperti ini sudah tentu sedikit sebanyak menjejaskan ekonomi negara. Rang Undang-undang ini boleh mengelakkan supaya keadaan ini tidak berterusan atau bertambah buruk.

Tuan Yang di-Pertua, perlu saya ingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa kita memang bercita-cita untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan di rantau ini yang menerima pengiktirafan antarabangsa. Untuk menjadikan aspirasi tersebut satu kenyataan, sektor pendidikan tinggi swasta perlu memainkan peranan yang positif dan lebih berkesan bersama-sama dengan sektor pendidikan awam supaya dapat menarik lebih ramai pelajar dari luar negeri ke negara ini.

Selain daripada itu, pendidikan yang disediakan oleh IPTS ini hendaklah merupakan pendidikan yang berkualiti. Untuk menjamin kualiti pendidikan ini disediakan, beberapa aspek pendidikan seperti kurikulum, kursus, syarat kemasukan pelajar, tenaga pengajar dan peralatan serta kemudahan akan dipastikan memenuhi tahap piawaian yang ditetapkan. Kerajaan berazam untuk memastikan bahawa setiap IPT awam mahupun IPTS akan diiktiraf kelulusannya pada peringkat antarabangsa dan tidak akan timbul sebarang keraguan tentang mutu pendidikan di negara ini.

Di samping itu, Rang Undang-undang ini akan membolehkan kakitangan akademik dan pakar yang ternama serta ilmunan yang tersohor dari luar negara berkhidmat di negara ini sebagai tenaga pengajar di institusi pendidikan tinggi dalam bidang tertentu. Ini akan menjamin pendidikan yang disediakan di IPTS tersebut mencapai taraf dunia, dengan

izin, world class. Pendidikan yang berkualiti seperti ini akan menarik ramai pelajar dari luar untuk belajar di negara kita. Tambahan pula kos pendidikan di negara kita amat sederhana berbanding dengan kos di negara Barat.

Tuan Yang di-Pertua, dengan penubuhan lebih banyak IPTS di negara ini, pelajar kita akan diasuh dengan nilai dan budaya yang selaras dengan kehendak dan hasrat masyarakat negara ini sebagai kelangsungan daripada asuhan dan didikan yang diterima oleh murid-murid di sekolah. Dengan cara itu, mereka akan terhindar daripada kemungkinan pengaruh moral dan nilai Barat yang tidak sesuai sekiranya mereka belajar di luar negara. Di negara kita, kita boleh menentukan kandungan kursus IPTS berorientasi keMalaysiaan melalui Rang Undang-undang ini di samping dapat membentuk masyarakat dengan peribadi tersendiri.

Untuk dapat ditanam nilai yang sesuai dengan kehendak negara kita kepada pelajar di IPTS, Fasal 43 memperuntukkan pengajian yang berkaitan dengan agama Islam diwajibkan untuk pelajar Islam, manakala pendidikan moral diajarkan kepada pelajar bukan Islam di IPTS. Dengan ini, kita tidak perlu bimbang dengan kemungkinan pelajar kita terikut-ikut dengan pengaruh budaya Barat.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara yang perlu saya perjelaskan di sini ialah soal bahasa pengantar. Rang Undang-undang ini tetap memelihara kedudukan dan martabat Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama dalam IPTS. Diperuntukkan dalam Fasal 41 yang selaras dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan dan Akta Pendidikan 1995.

Dalam pada itu, kita tidak dapat menafikan bahawa kursus tertentu di peringkat institusi pendidikan tinggi perlu diajarkan dalam bahasa selain daripada Bahasa Kebangsaan. Dalam bidang-bidang tertentu, kebanyakan tenaga

pengajar dari luar negara hanya mahir dalam bahasa Inggeris. Oleh itu, Fasal 41(3)(a) diadakan untuk membolehkan IPTS mengendalikan kursus tertentu dalam bahasa Inggeris telah mendapat kebenaran Menteri Pendidikan.

Pengajian Islam di institusi pendidikan tinggi mungkin lebih sesuai dan lebih berkesan jika diajarkan dalam bahasa Arab. Sehubungan itu, Fasal 41(3) membolehkan penggunaan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar bagi mengajar pengajian berkaitan dengan agama Islam. Fasal ini juga bertujuan untuk menarik pelajar daripada seberang laut, khususnya daripada rantau Asia Pasifik dan Timur Tengah untuk belajar di IPTS di negara kita.

Namun demikian, saya ingin memperjelaskan bahawa penggunaan bahasa Inggeris bagi kursus-kursus tertentu tidak bermakna kita akan mengecualikan pelajar daripada belajar dan mempelajari

Bahasa Kebangsaan. Sehubungan itu, Fasal 43 Rang Undang-undang ini memperuntukkan semua IPTS mengadakan mata pelajaran Pengajian Malaysia bagi semua pelajar, Pengajian Agama Islam bagi pelajar Islam dan Pendidikan Moral bagi pelajar bukan Islam wajib diajarkan dalam Bahasa Kebangsaan.

Pelajar warganegara Malaysia diwajibkan mengambil dan lulus mata pelajaran ini untuk mendapatkan Sijil, Diploma atau Ijazah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup ya. Boleh sambung esok ya.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 8.45 malam.